



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

## K A N D U N G A N

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2006

#### **Jawatankuasa:-**

#### **Jadual:-**

Maksud B. 23

(Halaman 17)

Maksud B.24

(Halaman 38)

### **USUL:**

Anggaran Pembangunan 2006

#### **Jawatankuasa:-**

Maksud P. 23

(Halaman 17)

Maksud P. 24

(Halaman 38)

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

#### **MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) - UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelevu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

#### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA

6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

#### **SETIAUSAHA PARLIMEN**

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupa) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO

15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

#### **AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP

25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA

65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN

105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. ” Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

#### **MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

**DEWAN RAKYAT**

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS**

**PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Kamisah binti Sayuti

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiyah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli



**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 17 November 2005**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tahap pengeluaran/penggunaan MyKad sebagai dokumen perjalanan.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga 30 September 2005 statistik penggunaan MyKad sebagai dokumen perjalanan oleh warga Semenanjung dan Sarawak ke negeri Sabah ialah sebanyak 87,004 transaksi.

Manakala warga Semenanjung dan Sabah memasuki negeri Sarawak pengguna MyKad ialah sebanyak 132,604 transaksi. Jumlah keseluruhan penggunaan MyKad sebagai dokumen perjalanan memasuki kedua-dua negeri berkenaan ialah 220,004 transaksi. Berdasarkan kepada statistik di atas sambutan ke atas penggunaan MyKad sebagai dokumen perjalanan bagi memasuki kedua-dua negeri berkenaan amatlah menggalakkan, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya! Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, pada sesi yang lepas ini Yang Berhormat Seputeh pernah membangkitkan perkara di sini bahawa ada pihak polis yang tidak dapat membaca maklumat di dalam MyKad dan kerana dia tidak dapat membaca dia menyaman *motorist* yang membawa MyKad dengan yang mengadakan lesen memandu di dalamnya.

Pada masa itu pihak kementerian mengatakan bahawa akan mengatasi masalah ini, tetapi baru-baru ini berlaku kes lagi. Ada seorang *motorist* dia bawa MyKad dengan maklumat lesen memandunya di dalam MyKadnya, pihak polis tidak ada alat membaca dan kerana pihak polis tidak dapat membaca dalam MyKad dia, jadi pihak polis menyaman dia. Saya rasa ini tidak baik untuk pihak polis dan kementerian. Apa yang akan dibuat oleh kementerian untuk memastikan bahawa semua anggota polis akan mematuhi peraturan. Kalau mereka tidak ada alat pembaca mereka pun mesti mengambil tindakan yang lain dan bukan memberi saman kepada *motorist*. Apakah yang akan dibuat? Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah lain keluar dari soalan pokok ya. Ini isu mengenai gunakan MyKad sebagai dokumen perjalanan masuk ke negeri Sabah dan Sarawak.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau boleh jawab tidak boleh jawab?

**Datuk Tan Chai Ho:** Ya saya jawab, saya jawab.

**Beberapa Ahli:** [Bersorak] [Menyampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya sabar, sabar.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua sebenarnya JPN, Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa memantau pastikan peralatan pembaca MyKad sentiasa mencukupi dan masalah yang di bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat kita sudah pun

bincang dengan pihak polis dan kita pastikan bekalan peralatan pembaca MyKad adalah mencukupi untuk pihak polis. Saya yakin perkara ini tidak akan berulang lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Mas.

**Tuan Henry Sum Agong:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada penggunaan MyKad untuk rakyat Semenanjung ke Sabah dan Sarawak, kerajaan juga telah mengumumkan penggunaan MyKad sebagai dokumen perjalanan untuk rakyat Malaysia dan Brunei memasuki wilayah masing-masing menerusi sempadan Sungai Tujoh, Kuala Lurah dan Temburung.

Saya telah difahamkan satu sistem yang dikenal pasti dan sedang dipakai *on trial basis* di *check point* Sungai Tujoh tidak begitu popular kerana masih menggunakan pasport. Soalan, adakah kerajaan bercadang kepada pihak Brunei untuk menggunakan sistem seperti yang diguna pakai di *check point* Johor Bahru antara Malaysia dan *Singapore* dan bilakah agaknya dapat beroperasi kerana merupakan satu kemudahan penting yang rakyat nanti-nantikan, sekian terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua buat sementara *check point* atau pintu masuk keluar di Miri itu sudah melaksanakan sistem AutoCAD untuk gunakan untuk penggunaan MyKad sebagai dokumen perjalanan tetapi pemohon mesti menggunakan MyKad untuk pohon satu kad khas iaitu '*Frequent Traveler Card*'

Ia akan digunakan sebagai dokumen perjalanan masuk ke Brunei, jadi kita adakan di *check point* Miri dahulu jadi kita *try* tengok kalau sistem ini berjalan secara baik jadi *check point* yang lain kita akan melaksanakan sistem seperti yang tadi saya sebut. Sekian terima kasih.

**2. Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]** minta Menteri Pelancongan menyatakan bilangan syarikat pelancongan bumiputera. Sejauh manakah penyertaan mereka memberi kesan kepada ekonomi bumiputera dan apakah strategi penggalakan daripada kementerian.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod Kementerian Pelancongan sehingga 31 Ogos yang lalu sebanyak 2,416 lesen perniagaan pengendalian pelancongan telah diluluskan. Dari jumlah ini sebanyak 832 lesen adalah dimiliki oleh bumiputera dengan 100% ekuiti.

Manakala syarikat usaha sama dengan ekuiti bumiputera 51% sehingga 99% adalah sebanyak 323 buah. Penyertaan bumiputera dalam bidang perniagaan pengendalian pelancongan bukan hanya sekadar mengurus, mengendalikan dan mempromosikan pakej pelancongan, malah mereka juga terlibat secara langsung di dalam subsektor perniagaan lain seperti penyediaan pengangkutan, penyediaan penginapan, perniagaan restoran, kraf tangan, mempromosikan dan mengendalikan produk pelancongan dan sebagainya. Peluang yang ada ini juga dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat pelancongan bumiputera untuk mengadakan hubungan perniagaan dua hala dengan syarikat pelancongan asing atau luar negara.

Selain daripada itu, perkembangan di dalam industri pelancongan telah membuka peluang pekerjaan seperti pemanduan pelancong, perhotelan dan *hospitality*. Bagi menggalakkan dan meningkatkan penyertaan bumiputera di dalam bidang industri pelancongan selain daripada perniagaan pengendalian pelancongan kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM400 juta di bawah Tabung Khas Pelancongan untuk bumiputera yang ingin mendapatkan bantuan kewangan bagi menceburi atau memperkembangkan perniagaan mereka. Peruntukan ini telah ditambah sebanyak RM300 juta lagi bagi memenuhi permintaan syarikat-syarikat bumiputera. Selain daripada itu pihak kementerian turut mengadakan kursus-kursus seperti kursus Mesra Malaysia, Kursus *Echo Host* dan Kursus *Think Tourism*, dengan izin bagi meningkatkan minat lebih ramai penyertaan bumiputera dalam industri pelancongan.

Contohnya, penganjuran kursus Pemanduan Pelancongan Alam Semula Jadi adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada penduduk setempat terutamanya kaum bumiputera dalam mengusahakan industri pelancongan dengan membawa masuk pelancong asing dan domestik ke kawasan-kawasan seperti taman negara, gua-gua di Sabah dan Sarawak dan ini secara tidak langsung akan meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat dengan wujudnya peluang pekerjaan dalam industri pelancongan, terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih. Soalan tambahan saya, tadi telah disebut tentang pelbagai kursus. Apakah kursus tentang *Sport Tourism* juga merupakan satu aktiviti dalam Kementerian Pelancongan ini terutamanya dengan produk baru yakni satu promosi *Monsoon Cup* yang bakal berlangsung di Kuala Terengganu di Muara Surai Terengganu iaitu di Kampung Duyung pada November 29 sampai Disember 4 ini.

Apakah aktiviti ataupun usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Pelancongan hendak memastikan terutamanya pelancong dan juga peniaga-peniaga ataupun usahawan bumiputera di Muara Sungai Terengganu khususnya dapat manfaat daripada *Sport Tourism* ini yang bakal berlangsung di Kuala Terengganu dalam konteks *Monsoon Cup* ini.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah di atas keprihatinan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu terhadap *Monsoon Cup Challenge* ini dan dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan kita telah mengatitkan bersama-sama dengan Majlis Tindakan Pelancongan Terengganu bagi mengadakan kursus-kursus pengendalian produk-produk pelancongan bersama-sama dengan pemacu-pemacu dalam industri ini, dengan izin, industri *players* untuk memastikan *Monsoon Cup* yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini untuk dilaksanakan. Ini merupakan suatu inisiatif yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu untuk menukarkan dengan izin, *the track into opportunities* ertinya dalam keadaan monsun di mana orang tidak datang tetapi Terengganu mengambil kira keadaan laut yang bergelora itu sebagai produk pelancongan yang cukup menarik.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan kami telah merundingkan supaya ada seorang duta *sports tourism* akan dilantik dan ada kemungkinan besar bahawa Maznah Zulkifli akan dilantik sebagai *Sports Tourism Ambassador* ke luar negara, terima kasih.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baru-baru ini kita tahu pelancong-pelancong dari negara China dan negara-negara lain telah menurun secara mendadak. Sekarang ini saya juga menyokong KLIA kerana baru-baru ini ada satu dasar untuk mengumumkan perjalanan penerbangan dalam bahasa Mandarin dan Arab, itu satu galakan yang baik dan juga satu promosi yang baik untuk negara kita. Tetapi kalau kita lihat, dunia pelancongan ini ialah satu *market* yang besar, satu global *market* yang besar.

Soalan tambahan saya ialah, bagaimana kementerian memberi satu skim untuk menggalakkan lagi kerjasama yang lebih erat di antara syarikat-syarikat bumiputera dengan bukan bumiputera di negara ini supaya kita *tackle market* ataupun pasaran di luar negeri di mana sebagai contoh, pasaran di negeri China ini satu pasaran yang sangat luas sekarang ini, dan apakah skim ataupun rancangan kementerian untuk menggalakkan satu rangka kerjasama ataupun *strategy alliance*, dengan izin di antara syarikat-syarikat bumiputera di negara ini dengan syarikat-syarikat bukan bumiputera supaya pasaran di dunia, di luar itu, ada satu pasaran yang menyeluruh. Apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, satu soalan yang cukup menarik dan cukup sesuai dengan keadaan sekarang ini kerana insya-Allah pada 23hb ini, CITM - *Chinese International Travel Mart* akan diadakan di Kunming dan kita akan membawa pihak swasta, syarikat-syarikat bumiputera dengan bukan bumiputera yang terlibat dalam sektor pelancongan ini untuk bersama-sama dengan saya mempromosikan produk-produk pelancongan di negeri China. Dengan kerjasama MATTA, sebuah pertubuhan payung yang memayungi seluruh syarikat pelancongan bersama-sama dengan BUMITRA ataupun syarikat pelancongan bumiputera, mereka sering bekerjasama untuk bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri, kerana Yang Berhormat Menteri sekarang ini berada di London untuk mempromosikan Malaysia dalam *World Travel Mart* dan saya sendiri akan ketua rombongan swasta ini ke China. Kerjasama ini bukan kerjasama sementara, ianya diadakan sepanjang tahun, dan kita mempunyai kalendar yang lengkap.

Setiap bulan itu ada program-program yang dilakukan bagi mempromosikan produk-produk pelancongan di Malaysia yang telah sedia ada. Jalinan kerjasama antara bumiputera dengan bukan bumiputera ini jelas memperlihatkan satu jalinan yang kukuh dan kita tidak berebut pasaran berdasarkan kepada komposisi kaum yang

berbeza, tetapi atas semangat dengan izin, Malaysia *incorporated* kita bekerjasama bagi mempromosikan produk-produk yang sedia ada dan alhamdulillah, tahun ini kita akan memperoleh insya-Allah, lebih daripada 18 juta pelancong berbanding dengan hanya 15.7 juta pelancong. Tetapi untuk pasaran China Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lalu, ianya turun yang agak ketara jumlahnya. Untuk 10 bulan pertama, sebanyak 49% turun daripada tahun yang lalu. Ini memperlihatkan bahawa sesuatu yang drastik harus dilakukan bagi menarik lebih ramai pelancong China untuk datang ke Malaysia.

**3. Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pengambilan pil khayal di kalangan pelajar sekolah sangat serius pada masa ini dan nyatakan statistik ujian rambang yang dibuat di kalangan pelajar-pelajar sekolah di negeri Kelantan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, masalah pembabitan pelajar dalam pelbagai salah laku termasuk pengambilan pil khayal di sekolah-sekolah adalah kecil bilangannya jika dibandingkan jumlah keseluruhan pelajar di seluruh negara. Di Kelantan berdasarkan ujian *urine* secara rambang yang diadakan dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan dan pihak hospital terhadap pelajar yang terlibat dengan penggunaan pil khayal, didapati jumlah pelajar yang terlibat adalah bawah 0.03%. Walaupun, bilangannya dianggap kecil, Kementerian Pelajaran Malaysia menganggap masalah ini serius dan perlu dibendung di peringkat akar umbi agar gejala ini tidak meluas.

Kementerian yakin dan percaya, bahawa dengan semua program yang dirancang dan dilaksanakan termasuklah kempen amalan budi bahasa yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dapat membantu mengurangkan gejala negatif di kalangan murid sekolah. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan, didapati dengan usaha yang telah dilaksanakan secara bersungguh-sungguh kempen tersebut telah dapat mengurangkan kes-kes salah laku, terima kasih.

**Ir. Shaari bin Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Dadah merupakan musuh utama negara kita dan ini merupakan tanggungjawab kita bersama untuk membanteras dadah dari peringkat akar umbi lagi. Walaupun, kenyataan yang diberikan tadi bahawa penglibatan pelajar adalah kecil dan perkara ini perlu diambil perhatian yang serius oleh seluruh rakyat di dalam negara kita.

Saya ingin tahu apakah tindakan jangka pendek dan juga jangka panjang bagi memerangi salah guna dadah ini untuk memastikan murid-murid sekolah tidak terdedah dengan gejala-gejala negatif ini, dan apakah tindakan yang diambil kepada pelajar yang terlibat apabila mereka ini didapati positif menggunakan pil khayal di sekolah ataupun di peringkat sekolah? Apakah pendekatan kurikulum kementerian terhadap pelajar-pelajar sekolah dan apakah ada usaha untuk memberi kesedaran di kalangan ibu bapa kepada pelajar-pelajar yang berkenaan? Sekian, terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah sedikit luas dan saya akan cuba menjawab setiap soalan yang telah ditimbulkan.

Pertamanya dari segi apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran. Kementerian telah mengambil beberapa langkah yang boleh dikatakan drastik untuk menangani isu-isu berkaitan dengan disiplin di peringkat sekolah. Pertamanya kami telah mewujudkan talian *hotline*, faks, e-mail, surat dan media di mana kami di kementerian telah menerima banyak aduan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pada tahun lepas kita terima 249 aduan berkaitan dengan salah laku. Tetapi dengan langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kementerian pada tahun ini, Januari hingga sekarang, kita hanya menerima 40 aduan. Sebaik sahaja aduan diterima, kementerian akan menghantar satu *flying squad* kepada sekolah itu dan *flying squad* ini mengambil langkah-langkah proaktif untuk memantau disiplin di kalangan murid di sekolah itu. Sehingga ini, pasukan pemantau ataupun *flying squad* ini telah membuat lawatan kepada sebanyak 1,366 buah sekolah, iaitu sekitar 14.3% daripada jumlah semua sekolah rendah dan menengah.

Kementerian juga telah menubuhkan satu jawatankuasa induk menangani gejala disiplin murid dan jawatankuasa induk ini ada empat lagi jawatankuasa bertindak untuk menjaga pelbagai aspek isu disiplin.

- (i) Jawatankuasa bertindak menangani isu-isu di sekolah;
- (ii) Jawatankuasa bertindak melalui aspek perundangan dan penguatkuasaan;
- (iii) Jawatankuasa bertindak melalui pendekatan psikologi dan kesihatan. Jawatankuasa ini akan mengkaji dari segi apakah punca-puncunya psikologi, yang mendorong, yang menggalakkan pelajar untuk melibatkan diri dalam kes-kes salah laku; dan
- (iv) Jawatankuasa bertindak melalui pendekatan kemasyarakatan.

Tadi Ahli Yang Berhormat meminta, apakah penglibatan ibu bapa dan ini adalah Jawatankuasa Bertindak melalui Pendekatan Masyarakat menjemput dan juga meliputi penglibatan pelbagai pihak di luar kementerian, seperti Persatuan Ibu Bapa/Guru, seperti Polis, JAKIM, MARA, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Institut-institut Pengajian Tinggi Awam, Hospital-hospital Universiti, Kesatuan Guru serta badan-badan bukan kerajaan seperti Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Yayasan Budi Penyayang, Kelab Loteri dan Yayasan Seni Karya Prihatin Malaysia.

Apakah pendekatan dari segi kurikulum? Kementerian mengguna pakai kurikulum dan juga kokurikulum untuk mewujudkan kesedaran di kalangan pelajar. Betapa bahayanya penglibatan pelajar dengan dadah dan apakah aspek-aspek yang negatif, jadi kementerian dan juga sekolah-sekolah selalu mengamalkan ataupun menggalakkan pelajar untuk mengamalkan satu gaya hidup yang positif melalui mata-mata pelajaran seperti kesihatan, moral dan sains.

Seumpamanya sains di sekolah menengah, kurikulum akan menitikberatkan bagaimana seorang pelajar itu ada kemungkinan untuk menjangkiti AIDS melalui suntikan jarum apabila mereka melibatkan diri dengan dadah. Kita juga ada seni lukis di mana pelajar-pelajar digalakkan untuk membuat poster Kempen Pencegahan Salah Guna Dadah. Sebaik sahaja seorang pelajar dikenal pasti positif mengambil dadah, kes ini akan dirujuk untuk kaunseling dan juga pihak-pihak yang tertentu seperti polis dan sebagainya, terima kasih.

**4. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan bilakah peraturan hiburan yang telah dijanjikan oleh kerajaan akan dilaksanakan dan sejauh mana perkembangannya serta apakah masalahnya.

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan hiburan khususnya bagi para artis luar negara yang ingin mengadakan persembahan di negara ini, telah disediakan dan dilaksanakan semenjak tahun 2002. Peraturan-peraturan yang sama juga diguna pakai oleh pihak berkuasa tempatan dan negeri di dalam meluluskan persembahan hiburan di bawah pentadbiran masing-masing. Garis panduan ini berasaskan kepada lunas-lunas dasar kebudayaan kebangsaan dengan memberi perhatian kepada nilai-nilai murni dan etika ketimuran. Sehingga kini, kerajaan tidak menghadapi masalah dalam melaksanakan garis panduan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di antara etika persembahan artis yang telah diamalkan dan dikuatkuasakan ialah:

- (i) artis dilarang mempamerkan tindak-tanduk kasar dan rakus bertentangan dengan nilai-nilai murni seperti perlakuan, melonjak-lonjak, menjerit atau membaling sesuatu di atas pentas atau kepada penonton;
- (ii) artis dilarang mempamerkan perlakuan yang ada unsur sex dengan aksi atau tutur kata yang mengghairahkan termasuklah gerak tari, berkucupan, mencium penonton atau melakukan perbuatan yang seumpamanya sesama sendiri;
- (iii) artis dilarang melakukan perbuatan atau mengeluarkan tutur kata yang boleh dimengertikan menarik minat atau

membanggakan keagungan sesuatu golongan masyarakat atau agama tertentu sahaja dalam konteks polarisasi kaum yang boleh menjejaskan kedudukan, kestabilan negara;

- (iv) artis dilarang mengadakan persembahan tanpa pakaian atau menanggalkan pakaian semasa beraksi di atas pentas, baik baju atau seluar atau kain yang boleh menampilkan kulit sewaktu mengadakan persembahan.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi garis panduan untuk pengetahuan kita, dan saya yakin kementerian terutama sekali Yang Berhormat Menteri sendiri mengikuti perkembangan kesenian dan program-program hiburan yang dilaksanakan di seluruh negara termasuk yang dilakukan di Kelantan beberapa bulan yang lalu, yang melibatkan artis yang bernama Mawi, yang mana sanjungan daripada rakyat termasuklah media-media perdana tentang bukan sahaja kelakuan penyanyi dan artis-artisnya, tetapi juga cara untuk mengendalikan orang-orang yang menghadiri program yang menarik kerana ratusan ribu rakyat untuk menontonnya pada malam tersebut.

Soalan tambahan saya ialah bahawa baru-baru ini Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengumumkan bahawa beliau telah membawa satu kertas kabinet untuk diluluskan oleh Kabinet berkaitan dengan garis panduan hiburan. Selepas Mesyuarat Kabinet tersebut, Yang Berhormat Menteri Kesenian mengumumkan bahawa kertas kabinet itu terpaksa ditolak kerana ada percanggahan dengan undang-undang dan Perlembagaan. Bolehkan Yang Berhormat Menteri menjelaskan apakah percanggahan-percanggahan tersebut?

**Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang dibangkitkan oleh Tumpat adalah masih dalam pengkajian kabinet, kerajaan kita. Oleh itu, pada masa ini ianya bukan merupakan ketetapan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat. Apa yang harus dan boleh saya nyatakan ialah pengemukaan pandangan-pandangan dari pelbagai pihak yang termasuk di dalam kertas Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu memerlukan fakta-fakta tambahan, tetapi apabila dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan dengan garis panduan yang terpakai, maka ianya didapati tidak menemui penyelarasan, bukan pertembungan atau salah dari sesi undang-undang. Justeru pengkajian mendalam akan dilakukan terus menerus berkaitan dengan pandangan khusus dari Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan akan menyusulnya dan menyelaraskan pandangan bersama atau dengan izin, *composite finding*. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pun terima kasih Yang Berhormat Menteri sebelum ini Central Market difahamkan, kementerian Yang Berhormat akan ambil, kesian dia orang dok teriak hari-hari, kerana kos dia orang tu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri tentang penyanyi-penyanyi luar, jadi dia ini kita nak tau penyanyi-penyanyi dalam. Hak di dalam pun kadang-kadang kelaku lebih teruk daripada hak yang di luar. Apakah pihak kementerian, walaupun kita faham, saya dah bertanya pihak JAKIM dah ada *guideline* dan sebagainya, tetapi *memonitor*kan persembahan itu saya nampak begitu lemah sekali. Kita kena faham Tuan Yang di-Pertua bahawa budaya ataupun keseronokan ini boleh mengkhayalkan, samalah orang ambil dadah, dia mengkhayalkan. Tetapi budaya dan keseronokan ini juga mengkhayalkan dan saya bimbang khayal ini akan melemahkan seseorang itu, dia seronok aja. Sampai hari ini kita tengok Tuan Yang di-Pertua, Mak Long yang tua-tua pun dok keriau, Mawi-Mawi. Mak Ngah pun keluar, Mawi-Mawi, ini dia dok hayun, hak yang kata kubur mailah, hang bukan lama lagi pun Mawi dengan telinga capang dia, tak apalah itu kelebihan yang ada kat dia.

Tetapi benda-benda macam ini, kalau kita tak kawal, dan saya tengok dalam TV hari ini, kebanyakan TV bila kita tanya Menteri, Menteri jawab, "Oh kita jaga, kita monitor", tapi dengan jeritan mereka, dengan kelaku mereka, dengan pakaian mereka tidak langsung menunjukkan sopan santun dan lemah lembutnya orang-orang Malaysia ini. Kalau pun nyanyi lagu asli, pakailah pakaian yang elok, ni kadang-kadang kita tengoklah, tapi saya malaslah cakap, masih dalam bulan Syawal, bulan bermaaf-

maafan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri sendiri, seronokkah atau tidak seronok yang ada sekarang ini, yang itu saja. Terima kasih.

**Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Jerai. Soal seronok atau tidak seronok, soal yang kedua sama ada persembahan-persembahan dalam negeri mendapat pemantauan, ketiga sama ada sistem *monitoring* itu memuaskan. Secara sekali gus, saya sukacita untuk menjawabnya, begini. Semenjak tiga tahun yang lampau misalnya, kita telah mengambil tindakan kepada 8 penganjur - 2 pada tahun 2003, 2 pada tahun 2004 dan 4 pada tahun 2005. Ini menunjukkan bahawa kerajaan kita mengambil tindakan, bukan tidak mengambil tindakan, sama ada bagi penganjur, produksi hiburan dari luar negara mahupun yang wujud dan menganjurkan dalam negeri. Tinggal lagi, sekiranya ada makcik-makcik menggunakan istilah Yang Berhormat yang mengalu-alukan atau mengimbau-imbau penyanyi tertentu seperti Mawi, saya kira itu tidak salah, asalkan makcik itu berada dalam sifat yang murni, sifat ketimuran. Malah yang Berhormat bagi Tumpat tadi menyatakan bahawa di Kelantan sekali pun, Mawi mendapat sambutan. Jika ada makcik atau *grandmother* dengan izin, nenek kita seronok dengan Mawi, saya percaya ia bukan seronok atas rupa atau paras orang muda itu, tetapi atas nyanyian khasidahnya. Penyampaianya melalui lagu asli, penyampaianya menerusi lagu-lagu zapin. Di situ barangkali sedikit pendefinisian yang baru harus kita buat.

Kedua ialah tentang puas hati atau tidak puas hati. Kita telah mewujudkan satu jawatankuasa bersama iaitu antara Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Penerangan serta Kementerian Komunikasi dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, untuk menentukan supaya semua stesen televisyen mula berorientasi dan meninggalkan sikap lama.

Dalam hal ini, Ahli-ahli Yang Berhormat pun boleh memainkan peranan. Peranannya begini, bila dilihat sesuatu adegan di televisyen, menyolok mata atau bertentangan rasanya dengan sikap kemurnian kita, catatkan nama program, masa program disiarkan dan saya berharap sama ada disampaikan maklumat itu secara bertulis atau ditelefon terus *on line* kepada kedua-dua kementerian yang berkenaan, iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Kementerian Penerangan. Kami berjanji mengambil tindakan. Beberapa tindakan akan dan telah pun diambil tempoh hari pada beberapa stesen TV, yakni memberi amaran kepada mereka di atas ulasan atau pun penampilan program-program.

Akhirnya kita berharap iaitu dengan pemantauan yang kita lakukan, maka Ahli-ahli Yang Berhormat tidak kecewa apabila kami menyatakan kami akan menjalankan tugas. Sekiranya hal ini dapat sama-sama kita temukan dalam operasi yang menentukan murni atau tiadanya kehidupan, kita semua memainkan peranan. Terima kasih.

**5. Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah yang akan dijalankan oleh kerajaan bagi memulih serta merapatkan hubungan antara Malaysia dengan negara jiran, Indonesia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya kepada Yang Berhormat Kota Bharu kerana telah membawa soalan ini. Hubungan antara Malaysia dan Indonesia adalah cukup baik dan rapat. Kerajaan sentiasa mahu mempertingkatkan dan memperkukuh lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara. Selaras dengan itu, beberapa langkah telah diambil oleh negara kita dengan memberi penekanan kepada perkara-perkara berikut:

- (i) mempertingkatkan kekerapan lawatan, di kalangan pemimpin-pemimpin negara, pegawai-pegawai kanan kerajaan serta kumpulan-kumpulan bukan kerajaan di kedua-dua belah pihak;
- (ii) menjalinkan hubungan yang lebih *substantive* dalam bidang-bidang baru serta mempertingkatkan kerjasama dalam isu-isu yang sensitif;
- (iii) membuka lebih peluang kepada pelabur-pelabur dari kedua-dua negara untuk melabur dan menjalankan perniagaan

dalam sektor kewangan, telekomunikasi, pendidikan, hartanah, perladangan, infrastruktur dan sebagainya;

- (iv) memberi keutamaan kepada para pekerja Indonesia untuk bekerja di negara kita; dan
- (v) merapatkan kerjasama di dalam bidang operasi di kalangan anggota keselamatan di kedua-dua buah negara.

Eratnya hubungan kedua-dua kepimpinan Kerajaan Malaysia dan Indonesia dapat dilihat dengan seringnya perhubungan melalui telefon untuk membincangkan secara terus apa juga perkara ataupun permasalahan yang memerlukan perhatian yang segera. Di samping itu, pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai kerajaan dari kedua-dua negara sering mengadakan pertemuan dua hala secara rasmi atau tidak rasmi, di negara sendiri atau semasa menghadiri mesyuarat-mesyuarat atau forum-forum antara bangsa.

Keakraban yang terjalin antara kedua negara jelas ditunjukkan semasa bencana tsunami dan gempa bumi yang melanda Indonesia pada tahun 2004. Malaysia adalah di antara negara yang pertama menghantar pasukan pencari dan penyelamat serta pekerja-pekerja bantuan kemanusiaan. Kita turut membantu Indonesia dalam proses membina semula Aceh, di mana projek membaik pulih dan membina 9 buah bangunan separuh kekal yang terdiri dari 3 buah sekolah dan 6 blok asrama. Penempatan anak-anak yatim di Aceh di Pesenteren Al Fazul Khabir, Jantur, Aceh dalam proses pembinaan. Kerajaan juga melalui Syarikat Perumahan Negara adalah dalam proses akhir untuk membina 100 unit rumah di Long, Aceh. Malaysia juga menawarkan program-program kapasiti *building* untuk mempertingkatkan keupayaan sumber manusia terutama di kalangan guru-guru.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, Malaysia telah menyediakan program latihan yang bernilai RM10 juta di dalam rangka kerja Program Kerjasama Teknikal Malaysia khas untuk mangsa-mangsa tsunami Asia.

Akhirnya, di sektor pendidikan pula, ramai pelajar Indonesia telah diberi peluang dalam pelbagai bidang di pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia dan mereka ini nanti berpotensi untuk menjadi pemimpin-pemimpin negara tersebut di masa hadapan. Harapan kita semoga mereka ini di suatu hari nanti akan menjadi sahabat Malaysia untuk tujuan merapatkan hubungan di antara Malaysia dan Indonesia. Pada masa yang sama, jumlah penghantaran pelajar-pelajar Malaysia untuk menuntut di Indonesia telah dipertingkatkan. Mereka ini merupakan duta kecil di dalam merapatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kota Bharu.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim:** Terima kasih. Soalan tambahan. Tadi Setiausaha Parlimen menyebut tentang akrab dan baiknya hubungan kita dengan Indonesia dan nak mempertingkatkan lawatan-lawatan pemimpin-pemimpin ke Indonesia dan sebagainya. Saya rasa ini adalah satu perkembangan yang baik, malah saya cadangkan elok jugalah kalau Ahli-ahli Parlimen kita pun, bukan sahaja Ketua-ketua Menteri. Soalan saya ialah mengenai, dengan kita mempunyai hubungan yang baik, apakah *progress* dengan permasalahan yang ada sekarang ini khususnya mengenai Ambalat dan juga persekitaran *territorial limits* antara kedua-dua negara? Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Kalau boleh saya rangkumkan persoalan dari Yang Berhormat bagi Kota Bharu ini. Hubungan antara Malaysia dan Indonesia ini kadang-kadang dapat dilihat seumpama hubungan antara suami dan isteri yang tinggal serumah yang kadang kalanya berbalah, 'sedangkan lidah lagi tergigit.' Tetapi saya bawa keadaan ini di mana dua sahabat yang tinggal bersebelahan rumah, ada kalanya jiran kita membakar sampah, debu dan juga asapnya masuk ke rumah kita hingga sukar kita bernafas. Ada masanya anak-anak kita keluar masuk rumah jiran, menolong jiran memasak, pecah pula pinggan dan peralatan yang berharga. Ada ketikanya, pokok yang kita tanam, pohonnya dan akarnya dalam pagar kita, tapi dahan dan rantingnya, berbuah, hasilnya terletak di luar pagar, di rumah jiran.

Tetapi kebijaksanaan kepimpinan kita telah menangani isu ini dalam keadaan di mana suasana yang tegang menjadi kendur, bara yang panas membakar dicurahkan air supaya padam. Sebagai menjawab soalan Yang Berhormat, dalam isu Laut Sulawesi, kita akan mengadakan rundingan peringkat teknikal yang ke 5 di Indonesia

pada 29 dan 30 hari bulan ini, rundingan ini rumit, mengambil masa dari masa ke semasa, tapi kesimpulannya antara dua jiran kita hidup dalam keadaan terbaik antara satu sama lain, dalam keadaan aman sentosa dan saling memahami, bantu-membantu dan saling memerlukan antara satu sama lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengalu-alukan bahawa kita perlulah membantu jiran kita supaya jiran ini jadi maju, stabil dan sebagainya. Memang *prosper thy neighbour* .....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [Menyampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi peluang Yang Berhormat bagi Kepong untuk mengemukakan soalan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada soalan ini, buang masa sahaja. Bukan ada apa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Merapu. [Dewan riuh]

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi beliau peluang dahulu, ya?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Larut ..... saya cadangkan di Larut ada ..... itu..... itu .... Kamunting itu, masuk Kamunting cukuplah itu.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Ketawa] [Dewan riuh]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat. Sangkaan jahat Tuan Yang di-Pertua. Minta tarik balik. Kepong, tarik balik.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Ketawa] Masuk ke Kamunting, cukup.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Kepong sudah masuk Kamunting, cukuplah bawah ISA. Tidak puas lagikah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu beliau bergurau ya?

**Beberapa Ahli:** Soalan, soalan, soalan! [Dewan riuh]

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Ketawa] Soalan, memang ada soalan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Soalan hendak masuk di bawah ISA lagikah?

**Cik Fong Po Kuan:** [Menyampuk]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat kita mempertingkatkan usaha untuk menyelesaikan beberapa masalah termasuklah pembantu rumah, kerana tahun ini sahaja lebih 14,000 pembantu rumah yang lari bila datang ke sini mereka lari. Ini bermakna kita perlulah berusaha yang lebih gigih untuk menyelesaikan masalah seumpama ini sebab tidak lama lagi masalah orang yang tinggal di sini, iaitu pendatang tanpa izin akan mewujudkan masalah sosial yang sangat dahsyat seperti di Perancis sekarang dan banyak negara lagi. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kita, apakah usaha pihak kerajaan untuk menyelesaikan pelbagai masalah sosioekonomi di dalam hubungan dengan jiran kita?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila jawab.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong kerana mengemukakan soalan ini. Tentang isu tenaga kerja Indonesia, saya rasa kementerian yang terbaik untuk menjawab soalan ini adalah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan nanti apabila peluang dibawa dalam hal-hal berkenaan dengan ini, saya harap Yang Berhormat bagi Kepong dapat mengemukakan soalan yang tersebut.

Setakat yang saya ada, saya dapat memastikan Yang Berhormat berdasarkan hubungan kita antara Malaysia dan Indonesia yang merupakan satu bangsa, satu rumpun, ada di kalangan kita antara Ahli-ahli Parlimen ini pun yang ada sama keturunan, ada yang sama pertalian darah dan kekeluargaan, ada yang satu agama. Mungkin Yang Berhormat bagi Kepong tidak, kita harap berdasarkan hubungan yang istimewa dengan Indonesia ini, segala permasalahan yang masih lagi terbantut akan dapat diselesaikan dari semasa ke semasa. Terima kasih.

**6. Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]** minta Menteri Penerangan menyatakan maklum balas tentang keberkesanan proses “rebranding of RTM” untuk memberi RTM imej baru dan sejauh manakah kejayaannya apabila diukur dari segi penambahan hasil pengiklanan (*advertising revenue*) berbanding sebelumnya.

**Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang pernah dijelaskan oleh Dewan yang mulia ini sebelum ini, proses penjenamaan semula RTM memang telah berjaya memberikan imej dan wajah baru serta turut membawa perubahan ke arah meningkatkan imej stesen penyiaran kerajaan itu.

Ini terbukti berdasarkan penguasaan jumlah penonton kedua-dua rangkaian TV/RTM kini telah meningkat kepada 38% berbanding 34% tahun lalu. Nama dan format persembahan yang baru bagi semua stesen radio negeri dan tempatan sejak 1 April 2005 juga turut membantu meningkatkan populariti stesen-stesen berkenaan.

Kementerian berharap, peningkatan populariti stesen dan jumlah penonton juga akan memikat para pengiklan untuk menempah ruang masa siaran iklan bagi mempromosikan perkhidmatan dan barangan keluaran mereka. Walaupun perolehan pendapatan iklan TV/RTM bagi tempoh 10 bulan pertama tahun ini susut 9% kepada hampir RM60 juta berbanding dengan RM75.9 juta tahun lalu, tetapi ia tidak boleh menjadi kayu ukur utama populariti. Ini kerana para pengiklan perlu diberikan sekurang-kurangnya setahun dalam proses peralihan ini untuk mereka memerhatikan keberkesanan penjenamaan semula RTM.

Di samping itu, RTM sedar bahawa ia perlu meningkatkan keupayaan dalam pemasaran iklan yang memerlukan pegawai-pegawai dan kakitangan yang profesional. Mesti juga diingat bahawa situasi perkembangan pesat bidang penyiaran masa kini memerlukan RTM bersaing dengan beberapa stesen TV swasta lain yang kian bertambah salurannya dan semakin agresif dalam penjualan iklannya, dan mereka tidak lagi selektif dalam penyiaran iklan malah tidak memberikan keutamaan kepada nilai-nilai etika dan budaya.

Dalam hal ini, RTM mempunyai panel khusus penilaian iklan, maka itu sebagai contohnya iklan “Beras Jati” hanya kita siarkan ialah iklan berbanding dengan TV swasta yang lain, kita hanya menyiarkan kempis beras dan sawah padi. Tetapi di stesen yang lain menunjukkan raja murka kerana diberikan beras yang lain daripada “Beras Jati”.

Pendekatan operasi siaran TV/RTM juga dengan stesen-stesen TV swasta yang lain, termasuk iklan juga berbeza kerana sebagai stesen saluran penyiaran kerajaan, RTM meletakkan sasaran utamanya untuk menyebarkan berita dan maklumat mengenai dasar-dasar kerajaan. Dalam obligasi sosial ini, setakat Oktober tahun ini sahaja TV/RTM turut menyiarkan sekitar 45 kali siaran langsung mengambil masa sekitar 65 jam waktu siaran untuk menyiarkan pelbagai aktiviti penting rasmi kerajaan. Ini termasuk perasmian sidang Dewan Rakyat, Ucapan Belanjawan di Dewan Rakyat, sambutan Hari Kebangsaan, tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa tidak termasuk lagi tentang siaran langsung Sembahyang Jumaat serta aktiviti-aktiviti perasmian bagi acara-acara penting oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di seluruh negara.

Bagi siaran radio RTM pun begitu juga. Sasaran utama adalah untuk menyebarkan maklumat mengenai dasar-dasar kerajaan. Data jumlah pendengar radio masih dikumpulkan dan akan dianalisis hasil kajian yang dijalankan selepas enam bulan pelancaran penjenamaan semula radio pada 1 April 2005 yang lalu. Bagaimanapun, data perolehan pendapatan iklan bagi tempoh 10 bulan pertama tahun ini bagi semua stesen radio berjumlah hampir RM12.8 juta. Ini menunjukkan peningkatan positif sebanyak RM2 juta ataupun 18.5% berbanding perolehan RM10.8 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu. Perolehan ini dijangka meningkat pada bulan November dan Disember 2005 kerana sambutan perayaan Deepavali, Aidil Fitri dan Krismas yang biasanya menunjukkan kecenderungan para pengeluar barangan dan pasar raya yang menempah banyak masa iklan di radio atau di TV.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz:** Terima kasih Timbalan Menteri. Memandangkan keberkesanan *rebranding* dan juga jumlah pendapatan dari

pengiklanan, sejauh manakah eksekusi ini dapat mempengaruhi tarikh *roll-out date* untuk digital *audio broadcast* dan juga *high definition television*.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tarikh ini telah pun ditetapkan dan tidak mungkin dipercepatkan lagi, dan telah dimaklumkan di dalam Dewan ini juga oleh menteri yang berkenaan bahawa sebagai langkah yang pertama hanya ia akan dijalankan di kawasan Lembah Klang terlebih dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa *rebranding* RTM supaya dapat suatu kesan yang baru. Apa yang mustahak ialah memberi kepercayaan kepada orang ramai, bahawa RTM bukan semacam dahulu Radio Televisyen Mahathir dan sekarang Radio Televisyen Barisan Nasional, tetapi suatu radio televisyen untuk semua rakyat Malaysia. Untuk semua rakyat Malaysia tidak kira fahaman politik, tidak kira fahaman ..... [*Dewan riuh*]

**Beberapa Ahli Pembangkang:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jangan buat tuduhanlah. Sudahlah Ketua Pembangkang, tidak ada modalkah?

**Tuan Lim Kit Siang:** ..... merupakan satu alat politik Barisan Nasional yang semacam apa yang berlaku .....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Masuk Barisan Nasionallah!

**Tuan Lim Kit Siang:** ..... Timbalan Menteri dilantik dalam kerajaan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Masuk Barisan Nasionallah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah beliau boleh ..... boleh tukar wajah beliau supaya RTM dipandukan oleh satu *national agenda*, bukan Barisan Nasional Agenda dan bukan *national agenda*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Baik. Sila jawab Timbalan Menteri.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya rasa Yang Berhormat langsung tidak membuat penilaian terhadap perkembangan-perkembangan dan kemajuan-kemajuan ke arah kebebasan yang telah dijalankan menurut bentuk-bentuk Malaysia bukan .....

**Beberapa Ahli Pembangkang:** [*Menyampuk*]

**Datuk Zainudin bin Maidin:** ..... kalau ..... kalau ..... kalau ..... [*Dewan terlalu riuh*]

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Malangnya ialah kerana parti Yang Berhormat tidak berasaskan kepada parti Malaysia dan berasaskan kepada parti luar dan selalu membuat pengukuran-pengukuran daripada pandangan luar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu dakwaan liar. Sangka jahat. Tarik balik.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Bukan tuduhan liar, itu asas. Itu asas.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sudahlah Ketua Pembangkang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Buat tuduhan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak ada modalkah?

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini apa ..... DAP adalah anak kepada PAP.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Malulah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sudahlah, DAP boneka PAPlah.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** DAP mendapat arahan daripada Singapura.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan bagi peluang. Yang bercakap bukan .....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Siapa yang dipecat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk. Yang Berhormat, sila beri jawapan.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Ya, baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Saya kata, kita sendiri dapat melihat bagaimana kelakuan dan tokoh seorang pemimpin pembangkang. Beliau tidak pernah menunjukkan kesabaran. Cara beliau bercakap juga bukannya cara orang Malaysia, selalu dengan suara yang keras, tidak mempunyai keperibadian sebagai seorang anggota Dewan tidak menghormati *The Parliamentary Decorum*. Ini caranya.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** ..... nanti, saya hendak menjawab.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** ..... sebabnya, beliau dengan kerana sikap ini maka beliau tidak dapat membuat suatu pengukuran yang rasional.....

**Cik Fong Po Kuan:** Keluarkan keris. Keluarkan keris.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** ..... terhadap perkembangan yang berlaku. Dahulu RTM tidak memberikan tempat langsung kepada parti pembangkang. Sekarang kita jemput parti pembangkang untuk menyertai Forum Perdana. Itu sebagai langkah yang pertama.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu betul, kita mengakui, tetapi tidak cukup. Tidak cukup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Baik. Baik.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Sabarlah, Yang Berhormat tidak bersabar.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak cukup, buka stesen sendirilah.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Yang Berhormat tidak bersabar.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Gunakan stesen Singapura.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak ada modalkah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Sila duduk.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Saya menghormati Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Tetapi saya rasa kecewa Yang Berhormat tidak pernah berubah dalam sikap dan sebagainya, tidak pernah berubah.

**Tuan Lim Kit Siang:** *Mutual respect. Mutual respect.*

**Datuk Zainudin bin Maidin:** *Mutual respect.*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sampai matilah ini orang.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Saudara seharusnya menggambarkan seorang intelektual yang benar bukan hanya menjerit-jerit dalam Dewan. Itu saya cukup sedih. Saya cukup sedih, tetapi ini kalau saudara dapat benar-benar mengakui banyak luang yang telah diberikan kepada pembangkang malah saya pernah menjemput orang DAP sendiri untuk datang dalam 'Selamat Pagi Malaysia', tetapi tidak mahu datang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bila.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Pernah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dato' Timbalan Menteri, tarik baliklah peluang itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Pernah undang saya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Kita undang untuk "Forum Perdana" nanti. Ya, boleh. Kita harap biarlah membuat penilaian terhadap nilai-nilai kita menurut kaca mata Malaysia bukan kaca mata orang luar. Itu sahaja, terima kasih.

7. **Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan setakat manakah keterlibatan memimpin dan ahli masyarakat di peringkat akar umbi telah berjaya dan memberi kesan terhadap usaha-usaha memerangi Salah Guna Dadah (SGD) secara habis-habisan.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli Parlimen Sabak Bernam. Ketua Pembangkang ini memang tidak ubah perangai. *[Disorak]* Daripada dahulu sampai sekarang. *Last term*, dia tidak ada, amanlah sedikit.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Macam unta. *[Ketawa]*  
*[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]* .....

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila jawab.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** ..... keterlibatan pemimpin dan ahli masyarakat di peringkat akar umbi kebelakangan ini terhadap usaha-usaha memerangi dadah amatlah memberangsangkan. Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri kebanyakannya telah dilantik menjadi ahli dalam Majlis Tindakan Membanteras Dadah di peringkat negeri dan juga Majlis Tindakan Membanteras Dadah di peringkat daerah.

Dalam pada itu ramai Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri khususnya dari parti pemerintah telah melibatkan diri dan dilibatkan dalam program-program antidadah yang dianjurkan oleh agensi-agensi kerajaan dan juga badan-badan bukan kerajaan ataupun NGO dan juga bagi pihak sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu lebih banyak kumpulan NGO dan juga parti-parti politik telah berusaha menganjurkan program dan aktiviti pencegahan dadah. Antaranya yang aktif ialah parti UMNO, MCA, PEMADAM, PENDAMAI, persatuan penduduk, persatuan belia, Jawatankuasa Rukun Tetangga, Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan juga golongan-golongan artis. Juga lebih banyak sektor swasta yang membantu dalam bentuk kebendaan dan juga kewangan dalam program antidadah yang dianjurkan oleh agensi-agensi kerajaan, ataupun pihak-pihak NGO. Penglibatan pemimpin dan ahli-ahli masyarakat peringkat akar umbi telah berjaya memberi kesan yang positif terhadap usaha-usaha memerangi salah guna dadah.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh sepuluh bulan pertama tahun ini jika dibandingkan dengan sepuluh tahun pertama tahun lepas iaitu tahun 2004, seramai 25,243 orang penagih dadah telah dikesan yang menunjukkan terdapat penurunan sebanyak 26.38 peratus berbanding tempoh masa yang sama tahun lalu iaitu seramai 34,286 orang. Mereka terdiri daripada 11,579 orang ataupun 45.8 peratus penagih baru, telah menurun sebanyak 34.1 peratus berbanding 17,589 orang bagi tempoh

yang sama tahun lalu. Manakala penagih berulang yang dikesan adalah seramai 13,664 orang iaitu 54.1 peratus yang telah menurun sebanyak 18.1 peratus berbanding tahun lalu iaitu seramai 16,697 orang, terima kasih.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya saya tidak mengkhusus kepada data dan statistik. Walau bagaimanapun Sabak Bernam ingin mengucapkan tahniah terhadap usaha yang gigih dan penurunan data itu tetapi yang penting sekali daripada pagi tadi saya cuba mencelah tentang isu pil khayal di sekolah, saya rasa ini peringkat akar umbi, sebenarnya di peringkat sekolah, masalah salah guna dadah ini adalah serius Tuan Yang di-Pertua khususnya dalam konteks hidu gam.

Ramai di antara pelajar-pelajar kita yang ponteng sekolah itu memang dia menghidu gam, ramai di antara mereka oleh sebab gam ini mudah didapati, oleh sebab itulah kita meminta pihak kerajaan, pihak kementerian supaya gam ini dimasukkan sebagai salah satu daripada apa ini bahan yang dimasukkan dalam Akta Dadah Berbahaya kerana daripada Jasin sampai ke Sabak Bernam kalau Jasin ada memang terbukti bahawa gam ini memang telah menyebabkan bukan sahaja khayal, ada di antara mereka sudah tak betul otak dia, itu satu.

Yang keduanya di peringkat sekolah ini Tuan Yang di-Pertua kita menggunakan kertas jalur tetapi kertas jalur ini untuk mengesan positif ataupun negatif pelajar kita menagih dadah atau sebaliknya hanya diberi kuasa kepada pegawai AADK. Kita berharap supaya satu kelonggaran diberikan supaya guru-guru yang terpilih di sekolah ini dibenarkan untuk menjalankan pengesanan dengan menggunakan kertas jalur itu satu.

Yang ketiganya dari segi akar umbi ini Tuan Yang di-Pertua ini sangat penting. Kita lihat bahawa di peringkat akar umbi, di peringkat kampung umpamanya di peringkat JKK, mereka boleh memainkan peranan yang khusus untuk mencegah dan juga membantu dari segi rawatan maksudnya rawatan ialah penagih dadah yang keluar daripada pusat serenti jadi kita mencadangkan supaya di peringkat JKK, diadakan satu bentuk arahan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dimasukkan dalam agenda mesyuarat JKK mengenai membanteras salah guna dadah dengan modul tertentu, di mana mereka perlu mengenali penagih dan juga mereka perlu mengenali siapa yang berisiko tinggi.

Dengan ini maka tidak akan berlaku seperti yang berlaku sekarang ini, apabila berlaku masalah di kampung, mereka panggil polis, tetapi dah berlaku masalah, untuk mencegahnya maka pihak JKK sendiri harus diperkasakan dengan diberikan kemahiran, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Sabak Bernam yang begitu prihatin mengenai gejala dadah kerana Ahli Yang Berhormat sebenarnya ada satu pejabat khas dengan sistem 'prokadas', yang saya kira satu sistem yang amat baik. Kalau semua Ahli Parlimen boleh buat macam Sabak Bernam mungkin lebih banyak masalah dadah dapat kita selesaikan kerana ada pejabat dan juga program-program yang tertentu.

Mengenai saranan Yang Berhormat mengenai pelajar-pelajar sekolah saya ingin nyatakan bahawa setiap program yang kita buat memang kita melibatkan ramai pelajar sekolah. Sehingga bulan Oktober sahaja Tuan Yang di-Pertua, kita telah melibatkan 202,027 orang pelajar-pelajar sekolah rendah. Pelajar-pelajar sekolah menengah pula seramai 446,776 orang. Pelajar-pelajar di peringkat IPT dan juga kolej seramai 43,669 orang. Ini menunjukkan bahawa program yang kita buat ialah melibatkan bilangan pelajar seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Yang kedua mengenai kebenaran *urine test* yang Yang Berhormat maksudkan yang diberi kepada guru yang ketika ini hanya dijalankan oleh AADK dan kerjasama pihak PPD, ini satu cadangan yang akan kita ambil kira dan saya akan bincang dalam mesyuarat jawatankuasa pencegahan yang kini yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Yang ketiga, cadangan oleh JKK saya ingin maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita telah meminta semua pegawai AADK di peringkat daerah untuk memberikan nama, nama-nama penagih-penagih dadah di tiap-tiap daerah, nama ini mestilah diberikan terutamanya kepada wakil-wakil rakyat tempatan dan juga kepada

ketua-ketua kampung supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga ketua-ketua kampung JKK tahu di dalam kampung mereka, di dalam kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat sebenarnya berapa ramai penagih dadah dan siapakah mereka ini kerana pihak AADK sebenarnya mempunyai nama dan juga alamat secara terperinci bilangan-bilangan penagih dadah di setiap kawasan Parlimen dan juga kampung.

Saya berharap apabila nama ini diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga JKK maka saranan daripada Yang Berhormat Sabak Bernam kita mesti bertindak bahawa tidak guna hanya simpan nama tanpa kita mengambil tindakan untuk kita memerangi dadah di peringkat masing-masing, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akhirnya soalan Yang Berhormat daripada Gopeng.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit pembetulan pada soalan saya perkataan 'pemeriksaan' itu sepatutnya 'peperiksaan'.

**8. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]** minta Perdana menteri menyatakan bilakah kerajaan akan melaksanakan satu peperiksaan seragam untuk menilai dan mengiktiraf graduan-graduan perubatan dari universiti luar negara.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat, kerajaan sememangnya daripada masa ke semasa menyemak dan mengkaji semula pengiktirafan kelayakan termasuk bidang perubatan dari institusi pengajian tinggi luar negara untuk memastikan kualiti pendidikan yang diterima oleh pelajar-pelajar tajaan kerajaan khususnya dan rakyat Malaysia amnya terjamin dan memenuhi keperluan dan kehendak negara. Tambahan pula sistem pendidikan sekarang adalah suatu yang sentiasa mengalami perubahan dan perkembangan yang juga memerlukan penyesuaian.

Pada masa kini peperiksaan kelayakan perubatan untuk menilai dan mengiktiraf graduan-graduan perubatan dari universiti luar negara dijalankan oleh universiti tempatan. Apabila Akta Perubatan 1971 dipinda, peperiksaan tersebut akan dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan dan Majlis Perubatan Malaysia dengan kerjasama universiti-universiti tempatan demi memastikan peperiksaan yang seragam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat sekian sahajalah sesi soal jawab kita pada hari ini.

**[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah tamat]**

**Tuan Lim Kit Siang:** Peraturan Mesyuarat 14 Tuan Yang di-Pertua, sebelum masuk itu rang undang-undang. Semalam ada dibentang, diletak di depan meja saya, surat daripada Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia dengan satu carta organisasi yang baru untuk Parlimen, nampaknya satu revolusi atau satu kudeta sudah berlaku di mana kuasa-kuasa yang ada dalam tangan Setiausaha Dewan, Setiausaha Parlimen sudah hilang dan nampaknya ada satu interpretasi *separation of powers* yang baru di mana kuasa-kuasa yang sedia ada dalam Setiausaha Parlimen sudah ditarik balik dan ini bercanggah dengan apa hasrat Ahli-ahli Parlimen bulan lalu semua berdiri bahawa mahu memulihkan *Parliamentary Services Act* sekarang nampaknya ini dijalankan dengan begitu cepat dan satu carta organisasi yang baru dilakukan, nampaknya ini sangat serius nampak semua Ahli Parlimen berdiri mahu pulihkan *Parliamentary Services Act* tetapi nampaknya semua tidak dihirau, ini mana menunjukkan bahawa Ahli-ahli Parlimen dan Parlimen unggul.

Bukankah ini pun patut digantungkan supaya Dewan ini boleh ada satu kajian yang mendalam mengenai perkara ini khasnya apabila kita tengok semua Ahli Parlimen sama ada Barisan Nasional atau pembangkang mahu *Parliamentary Services Act* dipulihkan supaya Parlimen sebenar-benarnya bebas dan *independent* dan bukan menjadi satu jabatan kecil di bawah *executive*, ini saya rasa sangat terperanjat nampaknya itu revolusi sudah berlaku, saya tidak tahu apa Pengerusi BBC apa pendirian sama ada BBC pun sudah *surrender* dalam perkara ini sekarang. Kita perlu tanya siapakah Yang di-Pertua sebagai wakil Dewan Rakyat perlulah pun mewakili Ahli-ahli Parlimen supaya perkara ini selesai dengan mengikut dan menghormati *separation*

of powers. Saya rasa ini sangat mustahak jangan kita ada satu *white revolution* berlaku. Apa boleh buat dalam perkara ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini satu carta organisasi dan juga perutusan tugas yang baru yang telah pun dirangka, dibuat hasil daripada keputusan dahulu iaitu untuk meletakkan seorang 'Pengarah Tadbir' dan selepas itu ditukar kepada 'Ketua Pentadbir' di Parlimen ini untuk melicinkan perjalanan dan pengkhususan kepada pegawai-pegawai di Parlimen yang tertentu untuk melicinkan lagi, meningkatkan lagi keefisienan dan melicinkan lagi perjalanan pentadbiran Parlimen ini. Dengan adanya Ketua Pentadbir ini maka adalah seorang yang dikhususkan untuk menjaga pentadbiran dan seorang lagi dikhususkan untuk menjaga hal ehwal dalam Dewan ini di Dewan ini, *proceeding* sama ada Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara.

Mengenai konsep *separation of powers* ini ialah satu konsep yang lebih luas, lebih besar yang juga agak lebih penting yang saya rasa dalam jangka masa yang singkat saya beri penerangan ini tidak sampai ke mana jadi ia harus dibincang lagi dalam satu ruang satu masa yang akan datang, kalau ada ...

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mencadangkan kita diberi peluang untuk melihat kepada cadangan ataupun susunan semula yang telah dibawakan itu. Saya tak hendaklah menimbulkan banyak masalah dari segi ini tetapi lebih baik kalau kita ini dibawa berunding, diberikan kefahaman dari segi apa yang dirancang dengan kemunculan seorang Pegawai Tadbir. Ini satu perubahan baru yang dibawa yang berlaku dalam suasana yang kelam- kabut, yang berlaku dalam keadaan apabila Menteri yang di Jabatan Perdana Menteri rasa terkilan tidak ada *Post Cabinet Meeting briefing* dan berlaku menimbulkan masalah dari segi *small 'j'* dan *big 'J'*.

Dalam keadaan kelam-kabut begitu dengan berbagai-bagai tindakan dan perkara yang telah berlaku semenjak itu, saya rasa lebih baiklah saya dapat mencadangkan bagi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, menganjurkan satu pertemuan, perbincangan di kalangan Ahli-ahli Parlimen sama ada daripada semua untuk memahami apa yang dirancang dari segi susunan semula bagi pentadbiran Parlimen ini.

Kami sayangkan kepada Parlimen dan saya bersetuju sangat dengan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua bahawa soal kedudukan Parlimen sebagai satu badan yang boleh berfungsi secara bebas dengan penuh martabat. Ia patut menjadi agenda utama kami dan sudah pastilah soal Akta Perkhidmatan Parlimen itu merupakan satu yang penting bagi kita akhirnya tumpukan perhatian kita. Tapi sambil kita menunggu kepada soal ini, saya rasa pentadbiran dalaman Parlimen menjadi perkara yang juga minat kita dan kalau boleh diadakan satu pertemuan dan taklimat, perbincangan antara semua Ahli Parlimen dengan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua membenarkan perkara ini, bolehlah saya rasa kita menunggu kepada keadaan itu untuk kami semua memahami apa sebenarnya yang sedang dirancang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Jawatankuasa Dewan Negara ada buat satu mesyuarat atau keputusan yang dicadangkan bahawa apa-apa pelantikan yang baru patut digantung sehingga satu perkembangan di mana satu persetujuan di capai, adakah Jawatankuasa Dewan Rakyat dijadualkan untuk bermesyuarat? Bukankah sehingga satu cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat daripada Pengerusi BBC tadi satu pertemuan atau apa-apa bentuk perbincangan diadakan supaya satu muafakat baru dicapai. Bukankah kita tak patut diberikan dengan satu *a fake accompany*, di mana adalah satu Ketua Pentadbir diteruskan dengan kerjanya oleh sebab kalau ada satu *a fake accompany so* tak perlu lagi ada apa-apa perbincangan bahawa kita semacam pendirian Jawatankuasa Dewan Negara bahawa sehingga satu muafakat baru dicapai bahawa semua keadaan status quo dikekalkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, pelantikan Ketua Pentadbir ini sudah pasti dan saya sendiri percaya bahawa ia akan meningkatkan lagi keefisienan perjalanan Parlimen ini. Adanya satu pengkhususan dari segi pentadbiran dan ada juga pengkhususan dari segi kerja-kerja dalam Dewan sama ada Dewan Negara mahupun Dewan Rakyat. Dari segi itu, saya sendiri bersetuju bahawa ia meningkatkan keefisienan dan akan menolong kita menyelaraskan kerja-kerja kita dengan adanya pegawai tadbir yang berpengalaman untuk mentadbirkan Parlimen ini. Dengan dasar

itu pegawai yang lain dikhususkan untuk mentadbirkan perjalanan Dewan Rakyat, jadi ada dua kepala di sini untuk menjalankan usaha-usaha ini. Sudah tentulah ia akan meningkatkan lagi keefisienan dan menolong kita dari segi itu. Dari segi sama ada Jawatankuasa Dewan akan bersidang atau tidak saya harap saya akan dapat memberi pandangan sedikit masa lagi mengenai perkara ini.

Mengenai persidangan di antara Ahli-ahli Parlimen untuk membincangkan perkara ini, itu satu perkara yang saya harap dapat difikirkan dan diberi pandangan kemudian. Sekian daripada saya.

Kita teruskan agenda kita, urusan mesyuarat kita pada hari ini dengan mengisytiharkan Majlis dalam Jawatankuasa.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006**

**DAN**

**USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Anggaran Pembangunan 2006 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Kelapan]*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.23 [Jadual] –**

**Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan 2006] -**

**Tuan Pengerusi:** Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kepala Bekalan B.23 dan Kepala Pembangunan P.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyambung menjawab.

**11.20 pagi.**

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]:** Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk meneruskan jawapan saya kepada masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada petang semalam berkaitan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Yang Berhormat bagi Santubong ada mencadangkan supaya satu dasar di peringkat kebangsaan diwujudkan supaya dapat menyeragamkan semua pelaksanaan undang-undang dan juga dasar-dasar di peringkat negeri dan juga di peringkat kerajaan tempatan.

Kini kita sudah ada undang-undang nasional bagi mengawal masalah pencemaran iaitu Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Memang benar undang-undang ini dibuat berdasarkan perkara-perkara yang terletak di bawah kuasa-kuasa Kerajaan Persekutuan. Manakala masalah pencemaran tidak berpunca dari elemen-elemen di bawah bidang kuasa kerajaan, boleh berpunca dari elemen-elemen di bawah bidang kuasa kerajaan negeri seperti tanah, sungai dan lain-lain. Kementerian akan meneliti perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan satu jawatankuasa mengkaji semula Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah pun ditubuhkan antara lain untuk mengkaji perkara ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tapi buat masa ini sebenarnya semua penyeragaman dilakukan bukan sahaja melalui Akta tetapi juga melalui dasar-dasar yang digubal pada peringkat nasional di mana juga melibatkan semua kerajaan negeri seperti dasar-dasar pembangunan tanah tinggi, dasar-dasar pembangunan pulau-pulau dan juga dasar-dasar berkaitan dengan kerajaan tempatan pun di mana elemen-elemen berkaitan dengan alam sekitar itu dijadikan satu elemen yang penting dalam dasar-dasar tersebut.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** [Mengetuk mikrofon]  
Penjelasan sikit?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini soalan saya dibangkitkan ini. Minta maaf, ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tak apa, tak apa.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kalau kita lihat Yang Berhormat, negara-negara yang dianggap menyerlah ataupun di tengah dalam soal alam sekitar ini mempunyai dasar-dasar tertentu. Kita tak boleh tunggu sampai kita punya hutan dah habis, sampai kita punya bukit-bukau semua dah habis dan sungai-sungai kita semua dah tercemar, semua benda kita tak boleh tunggu. Patutnya kalau kita nak tubuhkan jawatankuasa ke, kajian itu kadang-kadang Ahli Parlimen dah bosan dengar, banyak dengar kajian, kajian demi kajian, tahun demi tahun membuat kajian.

Tapi akhirnya kajian itu tidak mendatangkan benda positif. Kita kena belajar daripada negara-negara lain juga, kita tak boleh mengaku kita sendiri *is the first class thinkers in all factors*. Jadi kita kena mengakui bahawa ada negara-negara lain yang mempunyai satu dasar yang elok, kajian yang elok, umpamanya kalau kita lihat di negara Denmark umpamanya. Denmark mempunyai satu dasar daripada peringkat pusat, peringkat kawasan dan peringkat daerah.

Begitulah juga kalau kita lihat di New Zealand dan Australia, juga mempunyai dasar-dasar yang tertentu di mana dasar itu diseragamkan dan *diunified* supaya pelaksanaan, apa saja undang-undang yang dibuat oleh peringkat pusat boleh diturun ke peringkat negeri walaupun bidang kuasanya berlainan. Kita memahami Perlembagaan kita mempunyai undang-undang Federal dan undang-undang negeri dan *concurrency law* iaitu undang-undang yang kedua-dua pihak boleh membuat. Kita memahami benda ini, sebab itulah kepentingan penyeragaman dasar ini mesti dibuat. Kalau tidak kita tak akan datang ke mana-mana.

Kalau kita tengok orang membakar - *open burning* umpamanya, kita nak tanya ada dipanggil inilah, dipanggil itulah sampai orang tak tahu siapa yang dia nak hubung sebab tak ada penyeragaman. Bila kita tengok *erosion* di satu-satu tempat, kita pun tak tahu juga di mana *erosion* itu siapa yang bertanggungjawab. Kalau ada penyeragaman, kalau ada satu badan yang *monitoring* di peringkat negeri, di mana rakyat boleh bertindak ataupun mengambil peluang untuk memberi *feedback* kepada kerajaan, jadi sekurang-kurangnya menyenangkan masyarakat. Akhirnya memberi kesan yang positif kepada negara kita.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita bukan buat kajian sekarang, kita sudah ada banyak dasar seperti dasar pembangunan tanah tinggi di mana semua pembangunan walaupun di peringkat kerajaan tempatan tetapi mesti juga mematuhi dasar pembangunan. Begitu juga untuk pulau-pulau, walaupun di bidang kuasa negeri tetapi Kerajaan Persekutuan telah pun menetapkan dasar dan baru-baru ini kita telah pun menetapkan satu dasar baru yang perlu diikuti oleh Majlis Pihak Berkuasa Tempatan dalam kerja-kerja pembinaan ataupun *development programme* mereka, di mana mereka mesti menggunakan satu sistem pembangunan yang teratur dan juga mesti mendapat kelulusan daripada JPS sebelum sistem pembangunan itu dapat dimulakan.

Ini adalah di antara dasar-dasar dan kita juga memastikan semua elemen berkaitan dengan alam sekitar ini dimasukkan juga dalam semua kementerian yang terlibat dalam pembangunan termasuk juga Kementerian Kerja Raya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana elemen-elemen, komponen-komponen penting dalam alam sekitar ini dimansuhkan. Ia juga terpaksa diturunkan sampai ke

Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah sebagai satu agensi yang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua dasar yang digubal pada peringkat nasional dilaksanakan pada pihak kuasa tempatan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Kita faham sebab itu kita selalu kaitkan dengan sistem *delivery* birokrasi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menyarankan mana-mana Akta, undang-undang yang lapuk perlu kita ganti dan kita ubahsuaikan mengikut keadaan. Hari ini Yang Berhormat mengatakan sebagaimana sahabat saya daripada Santubong, kita mesti ada satu *time frame*, kalau kita asyik mengatakan inilah kuasa dia, inilah bidang dia, sampai bila pun tak selesai masalah yang kita hadapi.

Kita mintalah satu *time frame* kerana kita bersidang di Parlimen ini adalah untuk meluluskan segala Akta dan undang-undang bagi pelaksanaan yang lebih berkesan dan kena ada satu *time frame* ke atas segala akta-akta yang kita lihat tidak lagi sesuai, tidak lagi relevan pada masa ini. Kalau perlu pegawai dan kakitangan kita melihat apa yang berlaku di luar negara, hantar mereka, balik buat *research* dan buat satu kertas kerja dengan seberapa segera. Kita tidak boleh mengatakan setiap kali ada masalah barulah kita nak bertindak. Kalau tidak sampai bila pun sistem *delivery* yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini tidak akan dapat dilaksanakan. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Sebenarnya memang bukan kita tidak, sebenarnya Akta itu sudah ada, sebarang kelemahan itu daripada masa ke semasa untuk diperbetulkan tapi cara yang paling baik kerana kita ada dua sistem federal dan negeri tapi cara yang paling untuk kita menangani masalah ini adalah melalui penggubalan dasar-dasar yang harus dilaksanakan dan itu sedang dilaksanakan sekarang. Sejak wujudnya kementerian ini sejak setahun dahulu memang banyak dasar ini telah pun diturunkan dan mula diperkenalkan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Tetapi apa yang penting ini ialah Pihak Berkuasa Tempatan terpaksa juga mengambil iktibar daripada dasar-dasar ini dan melaksanakannya dengan penuh semangat barulah kita boleh dapat lihat kesan sepenuhnya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, boleh saya tanya sikit?

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya minta laluan, beri peluang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, ya. BBC *chairman*.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Terima kasih. Saya tertarik dengan apa yang sedang kita bincangkan tentang soal pengaruh kementerian terhadap negeri-negeri terutamanya. Mungkin kurang pengaruh ataupun ada pengaruh dan kami mengalu-alukanlah dari segi pandangan kami terhadap usaha-usaha kementerian dan usaha kerajaan dalam cuba berusaha untuk mengendalikan satu pawai mengenai dengan alam sekitar yang munasabah dan boleh membantu bagi generasi yang akan datang.

Kalau kita tidak dapat mempengaruhi sangat kepada kerajaan-kerajaan negeri kerana banyak kepentingan yang tertentu, mungkin tidak kita cuba lihat pengaruh kementerian sendiri terhadap Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur umpamanya. Sebagai *test case* kita adanya tempat kita tumpukan perhatian kita. Saya hendak bertanya dengan Timbalan Menteri sama ada boleh atau tidak kementerian menyatakan dengan serius sama ada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kita benar-benar boleh meletakkan pengaruh kita supaya implementasikan seluruh dasar dan prinsip alam sekitar, pemuliharaan alam sekitar sekurang-kurangnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, sebenarnya kita ada banyak program untuk melibatkan bandar raya-bandar raya. Ia juga turut terlibat dalam program-program untuk menunjukkan bahawa bandar raya ini mempunyai satu elemen alam sekitar yang penting. Tetapi malangnya di negara kita ini, cuma di peringkat ASEAN ini pun kita ada banyak inisiatif yang dijalankan. Tetapi bila ada jemputan untuk mengambil bahagian dalam peringkat ASEAN untuk menjadikan *model sustainable city* di peringkat ASEAN pun kita ada juga, cuma ada dua bandar sahaja yang sanggup tampil ke hadapan untuk mengambil bahagian iaitu Putrajaya dan juga Kuantan.

Kalau Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebenarnya boleh tampil ke hadapan. Mereka kena mematuhi semua kriteria untuk menunjukkan satu *sustainable city*. Tetapi, malangnya mereka tidak mengambil bahagian. Itu adalah satu perkara yang kita pun rasa tidak begitu gembira dengan perkara ini. Sebenarnya kita harapkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan menjadi salah satu daripada bandar raya yang akan mengambil bahagian dalam *sustainable city in ASEAN*. Kita cuma ada dua bandar sahaja daripada 25 bandar di peringkat ASEAN.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Boleh, boleh saya, Menteri.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih. Saya minta maaflah Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak balik hak yang kawasan saya semalam, pasal semalam saya buat *homework*, saya *on line* sana sini dan hari ini saya dapat jawapan dan kerjasama daripada Jabatan Alam Sekitar Kedah. Baguslah. Saya dapat jawapan balik dan saya dah baca *conditions* ataupun syarat-syarat yang telah diberi.

Tetapi, Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat iaitu walau pun kerajaan negeri mempunyai *authority* untuk meluluskan peraturan dan undang-undang di dalam tangan kementerian. Hendak meluluskan sesuatu mesti dan perlu mengikut syarat-syarat, undang-undang dan peraturan yang diluluskan oleh Dewan Rakyat, walaupun mereka adalah kerajaan negeri, kerana peraturan ini merangkumi keseluruhan negara kita. Kelulusan telah diberi dan syarikat ini telah pun menjalankan kegiatan perniagaan mereka. Apabila mereka menjalankan perniagaan separuh jalan, apabila hujan datang begitu lebat maka ia berlaku suatu banjir yang cukup-cukup mendukacitakan.

Pada ketika itu saya telah berjumpa dengan pihak syarikat dan mereka bersetuju untuk memberi ganti rugi kepada orang kampung. Seluruh Kampung Singkir ini banjir lumpur. Sampai hari ini tak dak ganti rugi. Dalam kelulusan ini, dia kata kerja-kerja pemulihan tapak dan sebagainya kena buat, ni kelulusan, ni. Dia pulih tapak ja lah. Hak orang yang kena tu siapa nak pulih. Takkan wakil rakyat nak kena pe pulih, dia tu. Takkan kerajaan nak kena pulih rumah yang ni ganti rugi itu. Tak adil ke kita ambil duit rakyat, pebayak kepada rakyat kerana orang nak untung daripada bukit tu.

Yang satu lagi, mendapat kebenaran bertulis dan peraturan berkualiti alam sekitar udara bersih. Mana ada kuari yang udara bersih, Tuan Pengerusi. Apabila sudah tembak itu batu sudah letup, itu semua lompat naik, mana ada bersih, Tuan Pengerusi. Itu angin pukul habis kampung. Kampung Singkir ini kampung yang cukup elok. Kampung bila orang sakit jantung, orang tua-tua dia pe dok tang tu dok rehat, dia sembuh baik dia cepat. Kampung yang aman dan tenteram. Bukit ini duduk dalam kampung orang, sungguh pun rizab kerajaan tanah tu. Tetapi, dikelilingi oleh kampung orang.

Cuba kita guna logik sedikit, apabila kita buat kuari di tengah-tengah perkampungan orang, adakah sesuai. Memang betul depa lantik syarikat ni, juru perunding, *consultant* untuk membuat kajian. Mereka lantik syarikat pelantik tentulah dia akan buat kajian dan cara mengikut kehendak syarikat kerana dia makan upah. Jadi, boleh atau tak boleh pihak kementerian walaupun diluluskan, saya membangkang sebagai wakil rakyat dan rakyat di kawasan tu pun membangkang.

Kalau sesuatu berlaku, baru ni hujan, saya kata ada sejam naik ayak dua kaki dengan lumpuk, malam tak kira, siang sahaja dua kaki. Saya nak beritahu Yang Berhormat, kalau berlaku sesuatu siapa nak bertanggungjawab, sama ada kerajaan negeri ataupun syarikat.

Apakah kita di sini meminda undang-undang dan sebagai untuk keuntungan sesuatu syarikat yang empat, lima orang lembaga pengarah ataupun kita meminda rang undang-undang untuk menjaga kesejahteraan rakyat. Saya bukan anti pembangunan tetapi saya tidak mahu rakyat menanggung susah di atas kesenangan segelintir masyarakat. Terima kasih, Timbalan Menteri.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jerai. Sebenarnya seperti yang saya janjikan kepada Yang Berhormat semalam, memang perkara ini telah mendapat aduan daripada Yang Berhormat. Kita akan melihat semula sama ada syarikat yang beroperasi di sana itu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Sekiranya mereka tidak mengikuti dan akan membawa mudarat kepada penduduk tempatan, kita tidak akan ragu-ragu untuk menyokong, memberi cadangan kepada kerajaan negeri supaya menutup kuari tersebut. Tetapi, kita kena lihat sendiri pegawai-pegawai dan ketua pengarah saya, Jabatan Alam Sekitar ada di sini dan beliau akan hantar pegawainya dengan segera untuk melihat perkara ini. Perkara-perkara ini secara serius. Kalau perlu ditutup kita akan syorkan kepada kerajaan negeri supaya ia ditutupkan.

Tetapi, kalau ianya boleh diteruskan balik dengan syarat semua syarat yang tertentu dapat diikuti maka kita kena juga beri peluang bagi mereka meneruskan. Apa yang kita amalkan sebenarnya ialah *sustainable devolepment*. Tetapi sekiranya syarikat yang diberi tanggungjawab itu tidak dapat memenuhi prinsip-prinsip *sustainable development* ini, maka cara terakhir ialah untuk menutup. Itu sahaja yang kita boleh buat. Kita akan pandang perkara secara serius, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Boleh saya minta, Yang Berhormat. Kalau Ketua Pengarah hendak apakah itu, beritahu saya, saya nak ikut sama, ya.

Yang kedua, Yang Berhormat, kalau orang buat jalan, tepi jalan orang buat piling pun Yang Berhormat Dato' rumah *crack*, rumah retak. Kita tengok sudah banyak yang kompelin. Yang ni rumah kampung buat daripada kayu, tiang, tahu-tahu kita hendak letup bukit, hendak ambil batu, Yang Berhormat fikir sendirilah. Apa akan jadi kepada rumah itu. Kemudian bumbung rumah pula, bukan bumbung seperti ini, bumbung biasalah. Ketul batu itu terjun masuk ke dalam daripada atap, ia timpa habis atas orang, wakil rakyat juga yang hendak menanggung.

Saya bukan apa. Bukan saya hendak mencadangkan supaya - tak usah kaji-kajilah, tak boleh buat, pasal benda ni duduk dalam - macam *volcano* benda ini. Ia meletup habis semua batu tu turun mai. Orang tu, di sekeliling kampung. Itulah pandangan saya. Bukanlah saya anti, Yang Berhormat tetapi saya tak mahu benda ini.

- (i) merosakkan alam semula jadi;
- (ii) merosakkan penghidupan rakyat;
- (ii) menganggu fikiran saya.

Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasihlah Yang Berhormat, kita akan meminta supaya Yang Berhormat pun turut hadir dalam lawatan tersebut. Tetapi, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat, kerana kita tahu perkara ini memang membawa banyak masalah kepada sekiranya ada kawasan perumahan berhampiran. Biarlah kita lihat secara serius dan mengambil satu keputusan yang baik demi kepentingan negara.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tanjung telah pun membangkitkan tentang isu kerja tambatan banjir di Kula Muda. Sebenarnya masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, isu di Pekan Sembeling itu telah pun saya rujukan kepada Ketua Pengarah untuk tindakan. Perkara ini baru sahaja dirujuk kepada saya tapi kita akan mengambil tindakan serta-merta untuk mengatasi masalah yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat juga, ini adalah sebahagian daripada rancangan tambatan banjir Sungai Muda di mana dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM200 juta telah pun dibelanjakan. Projek ini akan terus dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi peruntukannya masih belum ditentukan lagi.

Berkaitan projek di Georgetown, sebenarnya projek ini telah pun disiapkan tetapi apa yang dilaksanakan buat masa ini adalah kerja-kerja penyelenggaraan dan juga projek-projek pembersihan sahaja yang akan diteruskan buat selama-lamanya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kepong telah membangkitkan masalah tentang kelewatan permohonan bagi geran hak milik strata dan masalah pengurusan bangunan-bangunan kos sederhana dan kos rendah, di mana beliau mengesyorkan mesti ada satu kajian untuk mengatasi masalah ini dan juga mesti ada satu Jabatan khas.

Sebenarnya untuk mempercepatkan untuk mengatasi kelewatan permohonan kerajaan telah mengambil beberapa tindakan iaitu:

- (i) mengujudkan suatu pasukan petugas khas untuk atasi masalah tunggakan permohonan ataupun *flying squad*;
- (ii) mengkaji Akta Hak Milik Strata untuk buat pindaan yang boleh mempercepat proses permohonan dan pindaan ini sedang dibuat dan mungkin akan dibentangkan di sesi Parlimen yang akan datang.

Satu lagi langkah yang diambil dalam mengkaji proses keseluruhan permohonan untuk pendekkan proses pengeluaran hak milik dan seterusnya tahap kecekapan dan profesionalisme...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' S. G. Sothinathan:** .....pegawai-pegawai pentadbiran tanah melalui latihan dan kursus-kursus.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Biar saya habiskan, Yang Berhormat. Satu lagi ialah berkaitan dengan pengurusan apartmen-apartmen kos sederhana dan rendah. Kerajaan sedar mengenai kekurangan mentaliti untuk hidup dalam keadaan sejahtera dan bekerjasama di kalangan penghuni-penghuni rumah pangsa. Mereka perlu diberi kesedaran melalui mengadakan program-program kesedaran untuk meningkatkan kefahaman penghuni-penghuni untuk sama-sama bertanggungjawab mengurus bangunan mereka mengikut panduan yang terdapat dalam Akta Hak Milik Strata 1985.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang pemaju yang enggan memohon *strata title* untuk *apartment*nya, khususnya di kawasan saya seperti yang dibangkitkan dalam mesyuarat yang lalu iaitu Kondominium *Ridge Shadow*. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian terhadap pemaju yang enggan memohon *strata title* untuk kondominium ini walau pun *certificate fitness*, dengan izin, telah dikeluarkan enam tahun yang lalu. Sekian.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, sebenarnya itu adalah satu masalah yang serius yang kita hadapi buat masa ini. Sebenarnya mengikut undang-undang seseorang pemaju mesti memohon untuk hak milik strata dalam tempoh enam bulan selepas CF kekal dikeluarkan. Sekiranya beliau melanggar semua tindakan undang-undang seperti mengenakan kompaun ke atas dan juga tindakan mahkamah sahaja yang boleh sahaja diambil kepada mereka. Tetapi, untuk mengatasi masalah ini kita juga mengesyorkan di bawah pindaan kepada Akta Hak Milik Strata ini supaya permohonan dibuat sebelum CF dikeluarkan. Itu adalah satu syarat yang kita akan tetapkan supaya permohonan itu dikemukakan sebagai satu syarat di mana sijil kelayakan menduduki boleh dikeluarkan.

Ini akan sebanyak mungkin boleh mengurangkan masalah yang sedia wujud kerana banyak *apartmen* buat masa ini, ia dapat *temporary CF*. Selepas ia dapat *temporary CF* lepas itu dia tak mohon untuk CF. Ini bermakna dia tidak ada CF dalam tempoh enam bulan itu, ia tidak wujud lagi, sampai dia dapat *permanent CF*, jadi bermakna dia terkeluar daripada gengaman undang-undang.

Ini adalah di antara kelemahan-kelemahan yang telah pun kita kenal pasti dan sedang dipinda dan kita menunggu untuk kelulusan daripada Jabatan Peguam Negara. Ya, Yang Berhormat bagi Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya tentang pindaan terhadap Akta Hak Milik Strata telah pun dikatakan oleh bekas Timbalan Menteri pada, agaknya dua tahun lebih yang lepas, khususnya beliau telah pun menyebut secara terbuka tentang bangunan lama yang mana telah wujud sebelum Akta Hak Milik Strata diadakan, tetapi, kita tunggu sampai hari ini pun tidak dan belum dibentangkan.

Di kawasan bandar seperti di kawasan saya, memang kita menghadapi banyak masalah tentang *Strata Title Act*. Saya hanya nak tanya satu soalan, sama ada dalam pindaan yang akan datang itu adakah kerajaan mengambil cadangan-cadangan yang dibentangkan oleh *House*. *'Tired' Association*. Adakah kementerian mempunyai rancangan untuk mengadakan dialog dengan peguam-peguam yang mengendalikan perkara perumahan ataupun wakil rakyat supaya pindaan yang akan datang ini

dijadikan satu pindaan yang mencukupi, yang baik untuk *cover* semua masalah yang kita hadapi sekarang.

Saya juga ingin tanya dalam pindaan yang akan datang adakah bangunan yang terbiar ataupun *open building*, yang mana *developer* telah pun bankrap, adakah bangunan seperti ini kerajaan akan membantu penduduk atau pembeli rumah tersebut untuk memohon hak milik strata.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Sebenarnya semua masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memang terkandung dalam pindaan hak milik strata yang telah pun kita serahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk kelulusan. Tetapi berkaitan dengan pemaju-pemaju yang bankrap bermakna penghuni-penghuni apartmen tersebut mesti mewujudkan satu jawatankuasa dan memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan hak milik strata ini kerana sebenarnya ia adalah di bawah penerima *official vizier, official signatory*. Mereka terpaksa memohon kepada beliau untuk bertindak sebagai pemaju untuk mendapatkan hak milik dan kementerian akan berikan bantuan dan pertolongan dalam perkara-perkara seperti ini. Tetapi untuk semua bangunan lama memang kita tahu buat masa sekarang ini di bawah peruntukan yang sedia ada memang banyak masalah yang dihadapi tetapi dengan adanya peruntukan-peruntukan baru yang dicadangkan, saya harap kita boleh mengatasi semua masalah yang wujud untuk bangunan-bangunan lama yang tidak ada CF atau tidak ada *strata title* lagi.

**Tuan Lau Yeng Peng:** [Bangun]

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada dua.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Ya, Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa dalam *Strata Title Act* ini kalau kita baca klausa-klausa yang tertentu yang di mana pemaju sekarang ini menghadapi masalah. Apa yang saya katakan ialah pemaju yang *genuine*, yang betul-betul untuk memberikan satu *maintenance* yang cukup baik kepada pembeli-pembeli kondominium atau apartmen di sekitar Lembah Klang. Kalau sekiranya pembeli rumah yang kurang daripada 33% yang tidak membayar *stamp duty* dan sebagainya ataupun permohonan *strata title*, maka pemaju sebenarnya terpaksa untuk kekalkan MC ataupun *management corporation* dia di mana sebenarnya *management corporation* sepatutnya diserahkan kepada persatuan penduduk ataupun penduduk-penduduk pangsapuri itu.

Saya berharap kalau dalam pindaan yang akan datang ini, lihatlah dengan klausa-klausa ini yang di mana bagi saya kalau untuk pemaju-pemaju yang jujur, yang benar-benar berkaliber dan berwibawa, ini tidak adil untuk pemaju-pemaju yang saya sebut tadi kerana kalau kurang daripada 33%, maka pemaju terpaksa tanggung MC yang di bawah *company* atau syarikat pemaju tersebut. Saya harap pegawai-pegawai yang ada ataupun penasihat undang-undang *department* itu melihat perkara ini. Ini sangat-sangatlah penting. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang itu adalah satu perkara yang kita pun beri perhatian kerana kita tahu *there is a loop hole there*. Memang diberikan perhatian supaya *management corporation* itu bila dapat berfungsi dengan sempurna bila sahaja milik strata dapat dikeluarkan. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kpong....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hanya berharaplah dalam pindaan Akta Hak Milik Strata yang akan datang akan mengandungi perkara yang menegah pihak pemaju atau pejabat tanah untuk membenarkan pertukaran dibuat dalam pelan. Di kawasan saya ada tiga kondominium yang menghadapi masalah yang saya sifatkan ini adalah satu penipuan. Yang satu ialah di mana bila pemaju memohon *strata title*, ia termasuklah koridor di hadapan unit itu sebagai pada unit yang asal sehingga pemaju menghendaki pembeli rumah membayar lebih wang kepada dia untuk mendapatkan *strata title* kerana itu telah pun dimasukkan ke dalam unitnya dan unitnya ditambah besar.

Kedua adalah masalah macam di Kondominium Villa OUG dan juga di Kondominium Seri Desa di Kuchai Entrepreneurs Park di mana pemaju menjadikan *common facilities* dan tukar bawah namanya dan juga ingin dijual. Dalam Kondominium Seri Desa di Kuchai Entrepreneurs Park, kolam renang dan *club house* yang sepatutnya adalah *common facilities* bagi penduduk kondominium, bila *strata title* dipohon di pejabat tanah iaitu semua dikeluarkan daripada lingkungan halaman kondominium itu sehingga penduduk di sana rasa selepas mereka dapat *strata title*, *club house* bukan miliknya dan juga kolam renang bukan miliknya kerana pemaju itu menggunakan *club house* dijadikan sebagai satu restoran dan pub untuk mengaut keuntungan. Jadi saya hanya buat cadangan supaya pindaan yang akan datang akan juga mengambil kira tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kondominium sekarang. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasihlah Yang Berhormat, kita akan mengambil kira tentang cadangan Yang Berhormat tetapi masalah yang dibangkitkan secara spesifik tentang apartmen di OUG itu semuanya adalah masalah spesifik, maka saya rasa kita perlu menyasat perkara ini secara mendalam untuk mengesahkan aduan yang diberikan oleh Yang Berhormat dan mengambil tindakan yang seterusnya. Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pulau.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Timbalan Menteri. Saya ada soalan mengenai *management company* untuk flat kos sederhana dengan flat kos rendah ini kerana di kawasan saya di Taman Perling di Johor Bahru, flat yang ada di situ berumur lebih kurang 20 tahun dan penyerahan kuasa kepada *management committee* yang diketuai oleh penduduk mengambil masa yang lama. Dalam masa yang lama itu banyaklah perkara asas dalam bangunan tersebut seperti tangki air, paip dan sebagainya telah berkarat dan telah rosak.

Masalah yang timbul sekarang ini adalah duit yang dikutip oleh *management committee* tidak cukup kerana ia hanya merupakan duit yang dikutip untuk membayar *variable cost* seperti kos api, air, cukai tanah dan sebagainya. Tetapi pada tahun-tahun sebelum itu sewaktu pembangunan tersebut diuruskan oleh pemaju. Pemaju mengutip tidak cukup *sinking fund* untuk membuat kerja-kerja baik pulih dan mengganti perkara-perkara asas dalam pangsapuri seperti ini. Ia menimbulkan masalah kesihatan juga kerana tangki air yang berkarat menimbulkan masalah karat, masalah kesihatan dan sebagainya.

Saya ingin memberi sedikit pandangan dan juga untuk meminta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah yang perlu dibuat untuk memastikan bahawa setiap pembeli rumah pangsapuri seperti ini faham mengenai pentingnya *sinking fund* ini, dana yang perlu dimasukkan ke dalam *sinking fund* supaya tidak timbul masalah di kemudian hari kerana sekarang ini kalau penghuni sekarang ini yang bukan penghuni asal diminta untuk mengganti perkara-perkara tersebut, mereka enggan berbuat demikian dan ia akan menjadi masalah kepada rakyat yang tinggal di flat tersebut. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, sebenarnya kementerian saya cuma berfungsi sehingga hak milik dikeluarkan tetapi saya boleh membantu Yang Berhormat berkaitan perkara ini tetapi sebenarnya kementerian bertanggungjawab untuk mengatasi masalah ini ataupun koordinasi masalah ini adalah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sebenarnya *sinking fund* itu adalah satu yang diwajibkan. Dengan adanya *management corporation* mereka mempunyai kuasa, di mana sekiranya mana-mana pihak yang tidak membayar *maintenance fee* dan juga *sinking fund* itu, maka pihak *management corporation* itu boleh menahan balik sebarang perpindahan juga kepada mana-mana pihak kerana itu adalah satu tanggungjawab dan satu syarat yang dikenakan. Itu adalah satu yang diwajibkan. Sekiranya *management corporation* itu dapat berfungsi dengan sempurna dan baik, jadi kita boleh memastikan bahawa semua penghuni yang ada ataupun semua pemilik dapat menjelaskan bayaran *maintenance fee* dan juga *sinking fund* mereka. Tetapi yang penting .....

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat, maksud saya adalah tempoh masa sebelum *management corporation* itu diserahkan kepada persatuan penduduk. Kadang-kadang mengambil masa sampai 5, 8 atau 10 tahun. Tetapi dalam

masa waktu *management corporation* tersebut ditadbir oleh syarikat pemaju, mereka tidak mengutip *sinking fund* yang cukup. Jadi tanggungjawab itu seharusnya diletakkan kepada pemaju juga untuk memastikan bahawa *sinking fund* tersebut cukup supaya masalah tidak akan timbul selepas *management corporation* ini diserahkan kepada jawatankuasa penduduk. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Masalah ini sebenarnya wujud kerana mereka tidak memohon untuk hak milik. Sebenarnya selepas sesuatu bangunan itu diduduki kalaulah mengikut prosedur, mereka boleh mendapat hak milik dalam tempoh satu tahun bermakna semua urusan boleh dilaksanakan dengan sempurna. Tetapi bila urusan hak milik ini tergendala sehingga 5 atau 6 tahun, masalah-masalah seumpama ini akan terus meningkat kerana buat masa itu pemaju yang akan mengendalikan pengurusan bangunan tersebut dan semakin hari bila bangunan itu menjadi lama, maka kos untuk menyelenggarakan bangunan itu akan meningkat dan juga wujudnya kurang kesedaran di kalangan penghuni-penghuni juga tentang obligasi mereka untuk membayar *sinking fund* ini.

Mereka percaya cuma bayar *maintenance fee* sahaja sudah cukup tetapi sebenarnya ia ada dua elemen iaitu *maintenance fee* dan *sinking fund*. *Sinking fund* ialah yang sebenarnya digunakan untuk menyelenggarakan bangunan itu supaya bangunan itu sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Jadi itu pun kuasa pada pemaju yang menguruskan bangunan itu sehingga diserahkan kepada *management corporation* untuk mewajibkan semua penghuni membayar. Kalau sekiranya mereka tidak mengutip, mereka pun boleh juga dikenakan tindakan undang-undang untuk mengutip balik bayaran tersebut.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada ....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya ada satu perkara yang akhir sekali.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Saya ada lagi beberapa perkara berkaitan hak milik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh nanti Yang Berhormat boleh bertanya masa itu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kepong ada buat pertanyaan tentang projek Peremba. Sebenarnya projek Peremba ini kosnya ialah RM600 juta dan dijangka siap pada tahun 2007. Buat masa ini ia berada pada tahap 38% peringkat siap. Berkaitan dengan projek *smart tunnel* belanjanya adalah lebih kurang RM2 bilion dan ianya dijangka siap pada awal tahun 2006 dan secara keseluruhannya dijangka siap pada akhir tahun 2006.

Yang Berhormat bagi Kepong juga ada mengutarakan betapa pentingnya menjaga, mengurus dan memelihara Taman Negara dan mengesyorkan supaya pertambahan kakitangan dan latihan yang cukup diberikan kepada kakitangan. Sebenarnya Jabatan PERHILITAN yang bertanggungjawab terhadap pengurusan Taman Negara bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kepong. Di bawah program penstrukturan semula Jabatan PERHILITAN baru-baru ini, pihak jabatan telah diberi tambahan kakitangan dan jabatan akan berusaha lebih gigih menjaga dan mengurus Taman Negara dengan tambahan kakitangan ini.

Yang Berhormat bagi Kepong juga ada mencadangkan supaya FRIM dijadikan satu *research centre* yang terunggul di rantau ini dan juga di dunia. Sebenarnya FRIM sentiasa berusaha ke arah tersebut dan mereka mempunyai satu pasukan kepakaran yang sungguh berkaliber iaitu sebanyak 200 penyelidik dan daripada mereka ada 65 penyelidik ini adalah mempunyai ijazah Ph.D. Semua penemuan FRIM sebenarnya juga diterbitkan dalam jurnal-jurnal antarabangsa dan juga FRIM banyak mempunyai jaringan kerjasama dengan Harvard University dan Oxford University.

Berkaitan dengan Taman Botani Kepong yang ditanyakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, sebenarnya ianya dimajukan sebagai satu *botanical garden* antarabangsa di mana ia akan memberikan tumpuan kepada tanaman daripada negara kita sahaja. Banyak kajian dan program-program konservasi akan dilaksanakan di dalam Taman Botani Kepong ini dan juga ini adalah juga sebagai satu langkah untuk mempromosikan rekreasi alam semula jadi dan juga untuk kemudahan orang ramai.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor telah menyentuh tentang masalah *enforcement* ataupun penguatkuasaan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Sebenarnya Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sentiasa menjalankan penguatkuasaan bagi memastikan hutan simpan kekal termasuk

yang melibatkan hutan bakau. Pelbagai aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan oleh pihak jabatan sama ada di peringkat Persekutuan ataupun peringkat negeri dan pemantauan dan laporan sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa.

Tetapi perkara spesifik yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Selangor itu sebenarnya satu projek pemeliharaan undang harimau itu sebenarnya kawasan tersebut dikeluarkan daripada hutan simpan dan ia sebenarnya tanah kerajaan di mana diberikan kerajaan negeri telah memberi kelulusan untuk projek tersebut.

Yang Berhormat bagi Kuala Selangor juga telah menyentuh tentang Jabatan Perhilitan dan menyarankan supaya bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani...

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang saya sebut soal penguatkuasaan, bukan sahaja melibatkan Jabatan Perhutanan dan bukan sahaja melibatkan hutan paya bakau yang pada asalnya ada *objection*, dengan izin, daripada Jabatan Perhutanan untuk kerajaan negeri mengeluarkan bagi tujuan pembangunan akuakultur ataupun ternakan undang harimau yang diberikan kepada beberapa syarikat yang jumlahnya 1,000 ekar yang kalau dapat kerajaan melalui kementerian ini bertegas, oleh kerana hari ini pemaju menggunakan pendekatan ataupun kerajaan negeri meluluskan secara kecilan.

Maksudnya kalau mengikut kehendak alam sekitar, 50 hektar. Tetapi apabila diserahkan kepada satu pemaju membangunkan kawasan seluas 1,000 ekar yang melibatkan ramai pemilik, inilah yang menyebabkan kesannya kepada alam sekitar. Kalau dapat, kalau perlu melibatkan pindaan undang-undang, perkara ini harus ditangani dengan baik pada masa yang akan datang kerana kemusnahan yang besar telah berlaku. Sebagai contoh yang saya sebutkan di kawasan Penampian yang cukup pendek, yang kalau berlaku ombak besar atau tsunami, binasalah penduduk di kawasan persekitaran, satu.

Yang kedua, berhubung dengan penerokaan tanah haram di kawasan hutan di Sungai Panjang dan juga di Hulu Tinggi yang mana kebakaran hutan ini sentiasa berlaku akibat daripada pembakaran terbuka daripada peneroka tanah. Ini juga melibatkan penguatkuasaan tanah hutan yang di bawah kawalan Jabatan Perhutanan. Ini perkara yang saya sentuh mengenai Jabatan Perhutanan. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Sebenarnya memang pada satu ketika dahulu syarat yang ditetapkan ialah 50 hektar tetapi sekarang ianya telah pun ditukar kepada 20 hektar. Kita juga tahu walaupun ianya 20 hektar, mungkin juga ada pihak-pihak yang akan menggunakan taktik-taktik tertentu untuk memastikan bahawa 50 hektar itu dibahagi kepada tiga, tetapi kita telah mengambil maklum tentang perkara ini dan pastikan bahawa sekiranya ada elemen seumpama itu, maka kita akan wajibkan supaya satu penilaian impak terhadap alam sekitar dilaksanakan.

Satu lagi perkara yang sebenarnya saya tertarik ialah tentang pencerobohan tanah di mana aktiviti pertanian ini dilakukan melalui aktiviti pembakaran. Sebenarnya ini adalah salah satu punca utama juga untuk kita menghadapi masalah jerebu dalam negara kita. Punca jerebu dalam negara ini, khususnya di Lembah Klang ini berpunca daripada aktiviti ini iaitu banyak aktiviti pembakaran dilakukan di kawasan-kawasan pedalaman hutan ini untuk melakukan aktiviti pertanian oleh kerana ini adalah satu cara yang paling mudah di kawasan-kawasan paya bakau untuk *land clearing*, dengan izin, di mana kalau hendak pakai mesin semua itu memang ia tidak boleh masuk, jadi dia bakar sahaja. Tetapi jumlah jerebu yang dihasilkan melaluinya memang terlalu banyak dan kesannya memudaratkan kesihatan orang awam, tetapi kita akan membuat pemantauan yang lebih rapi tentang perkara ini di musim-musim yang akan datang.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** [Bangun]

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun, Yang Berhormat.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Kuala Selangor, ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kuala Selangor dahulu. Dia hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Tetapi soalnya, Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, dia bagi Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam sila duduk.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Sekejap sahabat saya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, selepas saya. Susulan daripada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pemantauan satu perkara, penguatkuasaan satu perkara. Tetapi saya lihat Jabatan Alam Sekitar tidak konsisten dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Seperti yang saya bangkitkan, saya menunggu jawapan dan ada perkaitannya, soal larangan pembakaran terbuka.

Apabila Jabatan Alam Sekitar mengesan daripada bulan Mei sampai bulan September, berlaku pembakaran terbuka di Riau, Sumatera dan juga pembakaran tempatan yang berterusan sepanjang tahun di tempat yang saya sebutkan, termasuk juga tindakan petani dan pesawah membakar jerami, termasuk juga pengusaha industri membakar bahan-bahan atau sisa-sisa industri dan juga tindakan penduduk di taman-taman perumahan membakar bahan-bahan buangan.

Hari ini saya melihat dalam surat khabar *Era Jaya* merupakan akhbar rasmi Kerajaan Negeri Selangor dan di sini dipaparkan kenyataan Pengarah Jabatan Alam Sekitar Selangor, Cik Asmah Ibrahim dan juga Exco Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dalam soal alam sekitar, "Kesedaran masih rendah menyentuh soal pembakaran terbuka. Pembakaran terbuka, tindakan tegas akan diambil". Kenapakah larangan terbuka yang dikeluarkan oleh kementerian, oleh Jabatan Alam Sekitar bermula daripada bulan Ogos dan pada 29 September ditarik balik, sedangkan kita hendak mendidik masyarakat bahawa pembakaran terbuka merupakan satu perkara yang cukup penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat tanya kementerianlah, tidak payah berucap, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Ya, ini saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kedudukan larangan yang ditarik balik yang sepatutnya larangan ini dilakukan secara berterusan walaupun indeks pencemaran di bawah 100. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Sebenarnya, Yang Berhormat, ada sedikit kekeliruan dalam perkara ini. Memang larangan pembakaran terbuka ini memang sentiasa ada, tetapi memang kita memberikan kebenaran kepada pekebun-pekebun kecil yang mempunyai 2 hektar ke bawah ini untuk mengamalkan pembakaran terbuka ini sebagai satu usaha untuk membantu mereka mengurangkan kos pengendalian mereka. Tetapi apa sebenarnya bila sahaja indeks pencemaran mencapai satu tahap yang membimbangkan, maka segala aktiviti seperti yang telah dibenarkan itu pun ditarik balik.

Sebenarnya itulah yang dilonggarkan sekarang kerana keadaan mengizinkan. Kita membenarkan pekebun-pekebun kecil sahaja untuk melaksanakannya. Ini tidak bermakna semua orang boleh membuat pembakaran terbuka, tidak ada. Larangan itu memang tetap ada pada bila-bila masa sahaja dan sekiranya mana-mana pihak didapati melanggar, maka tindakan undang-undang boleh diambil dengan serta-merta.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Sabak Bernam hendak khusus kepada hutan simpan, hutan bakau. Kita dapati bahawa hutan ini jika dikekalkan, di situ boleh ada satu habitat hutan itu yang boleh menjadi sumber pendapatan kepada penduduk, umpamanya siput sedut dan ketam. Saya tengok di Sabak Bernam ini ada unsur hutan-hutan simpan ini telah bukan sahaja dicerobohi malah ditebang secara berleluasa.

Sabak Bernam ingin mengetahui setakat manakah pihak kementerian mengawal perkara ini? Dan apabila berlaku penebangan haram itu, berapa ramaikah, khususnya di Sabak Bernam yang telah dikenakan tindakan? Ini ada kaitan dengan penguatkuasaan. Sehingga kini kita tidak dengar pun berapa yang telah dikenakan tindakan, siapa dan apakah hukuman-hukuman itu. Kalau tidak boleh dijawab pada ketika ini, saya mohon jawapan bertulis kepada Sabak Bernam. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, sebenarnya program ini untuk memastikan bahawa hutan kita secara terpelihara ini dilaksanakan melalui Majlis Perhutanan Negara di Peringkat Persekutuan, di mana kita meminta semua negeri untuk pastikan bahawa semua hutan kekal itu dipelihara dengan baik. Tetapi kadang-kadang ada juga tanah-tanah kerajaan yang buat masa ini juga, ketika ini dalam kawasan hutan. Itulah mungkin kelulusan-kelulusan yang diberikan oleh kerajaan negeri untuk pembangunan, jadi bila sahaja kelulusan diberi untuk pembangunan bermakna mesti ada penebangan untuk mereka.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Minta maaf, Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri. Saya difahamkan di Sabak Bernam ini ada unsur ataupun istilah 'tertebang', tidak sengaja ditebang. Ini bukan sepuluh, dua puluh ekar, lebih daripada itu. Jadi, saya berpendapat bahawa satu bentuk tindakan dan penguatkuasaan harus dikenakan supaya ia menjadi contoh kepada pihak lain, sebab hutan simpan ini sangat penting. Hutan bakau ini sangat penting. Saya berharap perkara ini diambil secara lebih serius, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Sekiranya ia hutan simpan maka saya akan minta Jabatan Perhutanan supaya menyiasat perkara ini. Kalau ia 'tertebang' bermakna pihak yang terlibat itu boleh didakwa dan diambil tindakan undang-undang terhadap beliau ataupun terhadap pihak yang berkenaan.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Pendang dan Yang Berhormat bagi Pulau.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Yang Berhormat bagi Pulau.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin kembali semula pada soal jerebu tadi dan juga masalah pembakaran terbuka. Saya ada mengemukakan soalan pada beberapa minggu lepas mengenai tindakan kerajaan untuk menguruskan soal pembakaran terbuka yang menyebabkan perkara jerebu dan juga melibatkan negara jiran kita Indonesia.

Kalau tidak salah saya, dahulu kementerian ini tidak bertanggungjawab ke atas perkara-perkara melibatkan pembakaran dan jerebu ini, ia terletak di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Bencana Alam. Sekarang ini saya hendak tahu apakah masih ada koordinasi di antara kementerian dan juga Jawatankuasa Bencana Alam ini dan siapakah Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam ini yang bertanggungjawab? Adakah Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar ini ataupun orang lain? Dahulu Menteri Penerangan yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam ini. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, sebenarnya kita ada satu Jawatankuasa Jerebu Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Masalah jerebu ini sebenarnya berpunca daripada masalah yang di luar kawalan kita iaitu khususnya negara-negara jiran kita, tetapi perkara ini telah kita bangkitkan beberapa kali di peringkat mesyuarat ASEAN. Pada mesyuarat yang lalu iaitu pada bulan September, kita telah menegaskan kepada sekretariat ASEAN bahawa perkara ini harus dibincangkan oleh pemimpin-pemimpin ASEAN yang akan bersidang pada bulan Disember ini.

Ini kerana ia perlu satu tindakan, satu komitmen yang tinggi daripada pemimpin-pemimpin negara barulah kita boleh mengatasinya. Kalau tidak – kerana kita dapat lihat ada kelemahan-kelemahan dalam sistem pentadbiran mereka, di mana ini tidak membawa satu kerjasama yang baik kepada kita di peringkat ASEAN supaya dibangkitkan di peringkat pemimpin-pemimpin negara ASEAN. Kita harap satu keputusan ataupun satu komitmen yang tinggi dapat diberikan oleh pemimpin-pemimpin pada persidangan tersebut.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pendang, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

**Dato' S. G. Sothinathan:** Ya, Yang Berhormat bagi Pendang.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya berhubung dengan pembakaran terbuka tadi yang dikenakan tindakan. Bagi kami di Kedah memang ini merupakan satu perkara yang amat malanglah kalau ini dikenakan tindakan. Ini kerana dalam sawah padi kita hendak melupuskan jerami dengan cara *natural* memakan masa selama enam bulan, jadi terpaksa jerami itu dibakar dan ini merupakan satu daripada halangan kalau sekiranya akta ini dikuatkuasakan.

Saya rasa kerajaan perlu memberi kelonggaranlah kepada petani-petani berhubung dengan pembakaran terbuka, khususnya untuk jerami sahaja. Ini kerana ia bukan sahaja untuk melupuskan jerami tetapi menghapuskan serangga, makhluk perosak macam tikus, sarang-sarang tikus dan juga tumbuh-tumbuhan lain yang boleh merosakkan tanaman padi itu. Saya rasa kerajaan perlu mengambil perhatian dalam perkara ini. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, pada masa ini kelonggaran memang diberikan untuk pembakaran jerami padi, khususnya perkara ini memang selalu berlaku di negeri Kedah dan juga di kawasan Selangor. Tetapi, sebenarnya musimnya memang bertembung dengan masa musim kemarau iaitu pada bulan Mac, April ataupun ini adalah permulaan bagi kita menghadapi musim angin Barat Daya, di mana kita menghadapi musim kemarau pada bulan Mei ataupun April hingga Julai. Ini adalah musim jerebu juga bagi kita.

Namun demikian kita beri kelonggaran, tetapi sekiranya keadaan udara tidak mengizinkan maka kita terpaksa juga mengambil, mengisytiharkan larangan pembakaran terbuka secara keseluruhan demi menjaga kesihatan. Tetapi untuk jerami padi ini, memang kita telah pun membincangkan dengan pelbagai pihak, ada juga cara-cara lain yang boleh digunakan. Kita telah pun berbincang perkara ini dengan Kementerian Pertanian supaya mengamalkan sistem pertanian yang lebih moden dan yang lebih berkesan daripada menggunakan sistem pembakaran secara terbuka ini kalau boleh pada masa-masa akan datang. Ini adalah satu sistem, satu amalan yang kita harus tidak gunakan lagi di masa akan datang. Kita terpaksa mencari satu kaedah yang lain. Kita akan memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada Kementerian Pertanian untuk mencari satu alternatif bagi kaedah ini.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Panjang lagikah, Yang Berhormat?

**Dato' S. G. Sothinathan:** Panjang lagi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kalau boleh minta....

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Tuan Pengerusi, saya keliru dengan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berhubung dengan larangan pembakaran terbuka. Saya sudah rujuk kepada pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar yang ditandatangani oleh Saudara Shafie dan juga Saudara Mohd Zaidi, berhubung dengan perintah larangan terbuka yang dikeluarkan pada 9 Ogos 2005 meliputi seluruh kawasan negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya ditarik balik kecuali pembakaran mayat, pembakaran bagi tujuan keagamaan dan *grill* barbeku. Saya minta penjelasan.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, biar saya terangkan untuk menjelaskan kekeliruan ini ataupun menghilangkan kekeliruan ini. Sebenarnya apabila

kita isytiharkan larangan pembakaran terbuka secara keseluruhan bermakna kita cuma berikan untuk aktiviti-aktiviti keagamaan sahaja. Walaupun dalam keadaan-keadaan paling teruk pun kita benarkan, itu sahaja. Apabila dikatakan larangan terbuka itu ditarik balik bermakna ia dilonggarkan ke gred kedua, di mana aktiviti keagamaan terus akan dilakukan, untuk petani-petani kecil pun kelonggaran diberikan tetapi untuk ladang-ladang besar, bila-bila masa pun tidak ada. Itulah sebenarnya dasar kita tentang pembakaran terbuka. Saya harap Yang Berhormat jelas sekarang.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor telah pun membangkitkan tentang masalah musuh tanaman seperti babi hutan dan lotong. Sebenarnya pihak Jabatan PERHILITAN sedia maklum akan perkara ini dan sentiasa berusaha untuk menangani masalah ini menggunakan beberapa kaedah untuk mengurangkan populasinya. Pihak jabatan telah dan akan meneruskan kerjasama dengan Kementerian Pertanian melalui program bersama anggota RELA contohnya untuk membasmi musuh tanaman ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tuaran telah membangkitkan tentang masalah .....

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Tuan Pengerusi, ada soalan penting yang Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab berhubung penguatkuasaan yang melibatkan guna syarat tanah di mana, saya ambil contoh semalam, kilang tahu kering dibuat di atas tanah pertanian tidak ditukar syarat. Jabatan Alam Sekitar kompaun tapi tindakan daripada kementerian melalui pejabat tanah tidak diambil. Adakah elemen 'kautim' wujud, ataupun kelemahan yang lain? Termasuk soal hubungan kait pelaksanaan undang-undang yang melibatkan pihak berkuasa tempatan, kilang *condom* dan kilang *glove* yang membuang kumbahan, masuk ke sungai.

Apabila Jabatan Alam Sekitar bawa ke mahkamah, kompaun tetapi melibatkan pihak berkuasa tempatan tidak dapat mengambil tindakan susulan seperti yang diarah oleh Jabatan Alam Sekitar, tutup kilang ataupun tindakan penyelesaian yang lain. terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, untuk menjawab pertanyaan tersebut, sebenarnya kes-kes penguatkuasaan kadang-kadang didapati kurang berkesan oleh beberapa sebab.

- (i) kerana denda yang dikenakan mampu dibayar oleh pihak yang didapati melakukan kesalahan; dan
- (ii) kedudukan kilang yang sememangnya tidak sesuai, hampir dengan kawasan perumahan.

Walaupun kilang patuhi syarat-syarat alam sekitar tetapi *residual pollutant* tidak dapat dihapuskan sama sekali. Ini adalah kerana masalah pembangunan di mana selepas kilang-kilang itu diadakan, selepas itu pula datang pembangunan yang berhampiran ke tempat-tempat tersebut. Inilah yang sebenarnya mewujudkan masalah alam sekitar kepada penduduk di kawasan-kawasan tersebut. Tetapi sekiranya ia melebihi daripada batas-batas toleransi yang dipermitkan ataupun yang tidak dapat lagi disenangi oleh masyarakat di sana, maka kita boleh mengesyorkan kepada pihak berkuasa tempatan supaya kilang-kilang tersebut dipindah ke tempat lain.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tuaran telah pun membangkitkan tentang pencemaran daripada ladang khinzir yang masih berlaku di Tuaran dan sama ada undang-undang boleh dikenakan kepada pengusaha ini. Sebenarnya masalah pencemaran dari ladang khinzir boleh diatasi dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar dan Pihak Berkuasa Tempatan yang melesenkan pengusaha-pengusaha ladang khinzir. Kita harap perkara ini juga dapat dibincangkan bersama-sama dengan Kementerian Pertanian yang dapat membantu dalam menyelesaikan masalah ternakan khinzir ini.

Satu perkara lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran ialah tentang *perimeter survey* iaitu *survey* sempadan luar hutan simpanan kekal.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tuaran bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas perhatian terhadap perkara yang telah saya bangkitkan tentang ladang khinzir tadi. Sebenarnya pihak Majlis Kerajaan Tempatan, Majlis Daerah dan Jabatan

Alam Sekitar sudah pun mengambil tindakan yang sewajarnya. Perkara yang saya bangkitkan semalam ialah dari segi perundangan. Ladang khinzir ini sudah lama wujud. Dari segi penggunaan tanah ia dibenarkan untuk wujud di sana tetapi dari segi alam sekitar ia mencemarkan.

Persoalan yang saya bangkitkan semalam ialah dari segi perundangan, ia bukan setakat pentadbiran. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri ingin benar bersungguh-sungguh bahawa kementerian ini menyelesaikan perkara dan membantu boleh bertanya dengan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah sebab pegawai-pegawainya pun datang bermesyuarat dengan Majlis Daerah. Tetapi saya ingat pada hari ini, perkara ini tidak selesai. Itu yang saya pertikaikan semalam. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita tahu bahawa penternakan khinzir ini harus diuruskan secara terbaik dan oleh sebab itu Kementerian Pertanian pun mewujudkan pelbagai sistem penternakan kaedah terbaru yang hendak dilaksanakan di seluruh negara. Tetapi sebenarnya salah satu kaedah yang paling baik ialah dengan adanya *oxidation ponds*. Tetapi kita tidak tahu sama ada *oxidation ponds* ada di kawasan ini atau tidak. Kita akan menyiasat perkara ini dan akan memaklumkan kepada Yang Berhormat apa tindakan yang kita telah ambil tentang perkara ini.

Tentang *perimeter survey* ini, sebenarnya adalah benar bahawa *survey* sempadan luar hutan simpan kekal (*perimeter survey*) adalah penting bagi menjamin kewujudannya dan dari segi masalah pencerobohan kawasan hutan simpan kekal tersebut. Walau bagaimanapun, masalah kewujudan kampung-kampung di dalam hutan simpan kekal sememangnya menjadi masalah dalam melaksanakan projek *perimeter survey* ini. Masalah ini akan diberikan perhatian oleh pihak Jabatan Perhutanan Sabah bagi penyelesaian masalah ini dari pelbagai sudut yang terbaik. Ini adalah satu perkara yang sensitif dan kita harus menanganinya secara yang terbaik di masa yang akan datang. Yang Berhormat bagi Kinabatangan pula menanyakan tentang kes kematian Rumie .....

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Penjelasan, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Perkara yang saya bangkitkan semalam, kita akui langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Hutan Negeri Sabah. Di Jabatan Hutan Negeri Sabah ada unit untuk menangani hal-hal komuniti sama ada di pinggir ataupun yang terperangkap di hutan simpan.

Persoalan yang saya bangkitkan semalam ialah apabila Kerajaan Persekutuan melalui kementerian Yang Berhormat memberi peruntukan untuk *perimeter survey* ini, perkara-perkara tadi itu harus dibincangkan.

Sebagai contohnya, kalau dibuat *perimeter survey* untuk hutan simpan, peruntukan juga harus diberi untuk '*survey to excise out*' komuniti dan perkampungan-perkampungan yang terperangkap dengan hutan simpan.

Ini bererti bahawa jika sekiranya perkara sempadan dan sebagainya itu belum selesai, peruntukan belum boleh diberi. Sebab walaupun peruntukan diberi nanti tetapi tidak masuk ke hutan simpan tersebut untuk membuat *surveying* ia akan dihalau oleh orang kampung - masih menghadapi masalah. Itu persoalan yang sebutkan semalam. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Memang saya sedari perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tetapi kita diberi tugas untuk membuat *perimeter survey* tetapi setelah menentukan bahawa sesuatu kawasan itu telah pun termasuk, maka proses seterusnya ialah kerajaan negerilah yang sebenarnya harus mengambil dan perkara ini terpaksa juga dirunding dengan kerajaan negeri supaya mengambil langkah-langkah sama ada untuk mengeluarkan mereka daripada kawasan tersebut atau menggazetkan semula kawasan kampung tersebut supaya terkeluar daripada hutan simpan kekal itu. Saya rasa ini boleh dibuat pada peringkat negeri oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh membangkitkan perkara ini dan melalui rundingan perkara ini boleh diselesaikan.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah pun membangkitkan tentang kes kematian Rumie. Kes ini adalah kes yang telah dilaporkan kepada pihak polis. Kini kes ini masih dalam siasatan polis. Satu *inquest* sedang dilakukan oleh pihak polis. Jadi kita menunggu keputusan yang akan dibuat oleh pihak polis sebagai agensi sewajarnya menyiasat kes ini. Berkaitan dengan kes di Perak di mana satu lori yang telah

dikatakan hilang itu adalah sebenarnya dilepaskan kerana lori itu tidak diperlukan sebagai bahan bukti untuk ditahan setelah siasatan selesai dijalankan.

Perkara ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan ialah tentang fail sulit di Johor Bahru yang telah terbakar. Sebenarnya bilik fail terbuka sahaja yang terbakar dan kes ini juga masih lagi dalam siasatan polis. Walau bagaimanapun, seperti yang diragu-ragukan sama ada ia mungkin mempunyai kes yang ada sehubungan dengan mana-mana kes yang didakwa itu, kita tidak tahu. Tetapi bagi mana-mana kes penting yang dibuat di Johor itu memang kita mempunyai bukti-bukti dengan ibu pejabat.

Yang Berhormat bagi Kuala Lipis pula menyatakan kerisauan beliau tentang ketiadaan butiran pendidikan alam sekitar dalam belanjawan. Memang ini juga menjadi kerisauan saya sendiri kerana elemen pendidikan sebenarnya adalah sangat penting. Tetapi mungkin kerana *constrain* belanjawan yang kita hadapi, berkemungkinan perkara ini telah tidak diberikan perhatian. Tetapi sebenarnya ini adalah satu elemen yang penting dan kita harap Kementerian Kewangan akan memberikan pertimbangan yang serius tentang perkara ini pada masa-masa akan datang.

Walaupun butiran ini tidak ada di dalam bajet tetapi kita masih lagi melakukan program-program pendidikan dan kesedaran alam sekitar. Sudah lama kita jalankan program-program ini bersama-sama dengan Kementerian Pelajaran iaitu program-program seperti Sekolah Lestari, Program Briged Alam Sekitar, Wira Alam dan lain-lain lagi. Pihak Jabatan Alam Sekitar akan terus melaksanakan Program Pendidikan Alam Sekitar ke seluruh sekolah melalui kerjasama Kementerian Pelajaran dan juga pihak NGO.

Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Lipis iaitu mengenai tandas di *canopy walk way* dan juga di pintu masuk kedua di Taman Negara dicadangkan untuk diswastakan. Untuk menjawab soalan ini, untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat terdapat sebuah tandas di kawasan permulaan *canopy walk way*. Jabatan Perhilitan bercadang untuk menambah sebuah tandas lagi di penghujung *canopy walk way* tersebut. Jabatan juga akan menaikkan taraf kemudahan pelawat termasuk di pintu masuk kedua ke Gunung Tahan di Merapoh dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Cadangan untuk penswastakan boleh juga dipertimbangkan oleh Jabatan Perhilitan.

Satu perkara lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Lipis ialah tentang perlombongan haram secara kecil-kecilan di kawasan Lipis. Sebenarnya mengikut laporan Pejabat Tanah, saya dapati tidak ada sebarang laporan dibuat di pejabat tanah. Namun demikian kita akan sentiasa memantau keadaan di situ untuk memastikan bahawa tidak ada perlombongan.

Mengenai pencemaran di Sungai Lipis dan juga di Sungai Pahang disebabkan oleh pembangunan di Cameron Highlands, memang perkara ini kita telah ambil maklum dan kita telah pun memaklumkan kepada pihak Kementerian Kerja Raya yang melaksanakan projek jalan di kawasan tersebut supaya mengambil tindakan serta-merta untuk memastikan tidak ada hakisan akibat daripada kerja-kerja pembinaan jalan di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kemaman telah pun membangkitkan tentang masalah pemendapan kuala-kuala sungai dan juga penyediaan kapal korek untuk pemulihan kuala-kuala sungai. Sebenarnya dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kita cuma memperolehi sebanyak RM33 juta sahaja untuk melaksanakan program ini dan peruntukan yang disediakan ini memang tidak mencukupi. Kita telah pun memohon untuk satu jumlah yang agak banyak iaitu lebih kurang RM700 juta tetapi kita tidak tahu berapa banyak yang akan diberikan oleh Perbendaharaan. Tetapi kalau kita mendapat satu peruntukan yang cukup baik bermakna kita boleh juga mengadakan lebih banyak kapal korek dan juga lebih banyak lagi program-program untuk mengorek kuala-kuala sungai yang telah mendap.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Seputeh telah pun .....

**Tuan Lau Yeng Peng:** [Bangun]

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ada dua yang bangun Yang Berhormat. Hendak bagi yang mana? Parit dengan Puchong.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Yang Berhormat bagi Parit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Parit.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah peruntukan ini hanya untuk mengorek muara sungai kerana sungai-sungai utama di negara kita, termasuk Sungai Kelantan dan Sungai Perak, saya dapati bukan sahaja di kuala tapi juga di tengah-tengah sungai juga yang menjadi begitu cetek dan sungai yang begitu besar asalnya 30 tahun dahulu sudah menjadi begitu kecil dan menyekat pengaliran sungai dan juga memberi kesan kepada pembekalan air bagi sawah-sawah dan sebagainya. Mohon penjelasan, Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Apa yang saya maksudkan tadi ialah bukan sahaja untuk muara tetapi juga untuk sungai-sungai yang lain. Ini tidak termasuklah Rancangan Tebatan Banjir dan lain-lain yang dilaksanakan tetapi untuk melaksanakan program-program yang melibatkan kuala sungai dan juga untuk program-program di mana kerja-kerja pengorekan terpaksa dilakukan di sepanjang sungai yang menjadi masalah kepada punca air untuk tanaman pertanian dan juga air minuman.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Seputeh telah pun.....

**Tuan Lau Yeng Peng:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Puchong.

**Dato' S. G. Sothinathan:** .....membangkitkan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Puchong bangun.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Ya.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai sungai ini, saya hendak tahu mengenai pembangunan di tepi-tepi sungai di mana, khususnya di Selangor ataupun Sungai Hulu Langat pun kadang-kadang kita dengar pun banyak pencemaran berlaku. Maksud saya ialah apakah tindakan dan kuasa di bawah kementerian untuk menentukan bahawa pembangunan di sepanjang sungai itu tidak akan mencemarkan sungai pada bila-bila masa. Ini di bawah akta apa ataupun syarat mana ataupun bagaimanakah kuasanya terhadap PBT. Kita tengok sekarang ini sungai-sungai di negara ini, terutamanya di Kuala Lumpur, Sungai Klang, warnanya mengikut musim hujan dan musim tidak hujan. Tetapi kalau kita tengok sungai-sungai di bandar-bandar besar macam di Paris atau di London, mereka boleh mengguna sungai sebagai satu *mode transportation*, dengan izin, di tengah-tengah ibu kota.

So, apakah pandangan ataupun penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai bagaimana kita boleh mengawal pembangunan di tepi-tepi sungai, di mana kita boleh sekurang-kurangnya dapat mengurangkan pencemaran di sungai-sungai utama ini, seperti yang saya nyatakan di Selangor. Sungai Hulu Langat ialah sungai yang penting untuk satu sumber air di loji-loji penapis air di Selangor. *Thank you.*

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, sebenarnya itu adalah satu perkara yang sangat penting dan sebenarnya banyak sungai-sungai kita menghadapi masalah pemendapan dan juga hakisan akibat daripada pembangunan yang tidak teratur. Umpamanya pembangunan yang dilakukan di kawasan pedalaman ataupun di tepi sungai itu.

Itulah sebabnya dalam Majlis Kerajaan Tempatan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada bulan lalu, kita telah pun menggubah satu dasar pembangunan yang baru di mana semua pembangunan-pembangunan sama ada projek perindustrian ataupun projek perumahan mesti ada satu sistem, satu *proposal* ataupun satu cadangan sebagai syarat kelulusan projek tersebut. Di mana, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh mereka untuk mengatasi masalah *salutation* kepada sungai-sungai ini.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Tidak, tidak. Apa yang saya hendak Yang Berhormat macam ini. Setakat ini, dasar pembangunan di tepi sungai apakah kuasa di bawah kementerian ataupun Jabatan Alam Sekitar untuk mengambil tindakan kalau seseorang

itu atau seseorang pemaju melanggar syarat-syarat ataupun undang-undang. Saya hendak tahu apakah undang-undang ataupun kuasa yang ada di bawah kementerian itu? Apakah hukuman yang akan dilakukan oleh kementerian Yang Berhormat?

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, perkara ini sebenarnya pihak yang berkuasa ialah Pihak Berkuasa Tempatan dan kerajaan negeri kerana sungai dan semuanya adalah di bawah pihak berkuasa negeri. Kementerian tidak ada kuasa terhadap perkara ini tetapi kita telah pun memasukkan input kita kepada Majlis Kerajaan Tempatan supaya perkara ini harus diberi pertimbangan dan sekarang ia sudah jadi dasar baru lebih kurang sebulan yang lalu, di mana semua pembangunan mesti mengamalkan sistem ini dan mesti mendapat kelulusan daripada JPS untuk memastikan bahawa ianya tidak akan memberi kesan kepada sungai.

Pemendapan daripada kerja-kerja tanah itu tidak akan membawa longgokan tanah kepada sungai-sungai ini. Bukan itu sahaja tetapi juga untuk mengatasi masalah-masalah pencemaran ke sungai lain juga kita telah pun pastikan bahawa semua gerai-gerai makanan dan juga premis-premis perniagaan supaya mengadakan *grease trap* dan juga *sediment trap* di premis masing-masing dan arahan ini telah pun dikeluarkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk diamalkan secara berperingkat-peringkat.

**Tuan Markiman bin Kobiran:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

**Tuan Markiman bin Kobiran:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masih dalam soal sungai. Saya difahamkan bahawa alasan mengapa larangan berkenaan dengan pengorekan dan pengambilan pasir sungai air di sungai akan menjadi lebih deras dan akibatnya berlaku lebih banyak hakisan, terutama sekali di tebing-tebing sungai. Soalan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita sudahlah kehilangan sumber untuk menggunakan bahan pasir sungai sebagai bahan binaan pada masa negara kita memerlukan bahan-bahan pembinaan dan pasir sungai dikatakan satu bahan yang sangat baik untuk dijadikan bahan binaan.

Tetapi saya lihat alasan ini banyak tidak benarnya kerana walaupun kebenaran mengorek pasir sungai, mengambil pasir sungai sudah dihentikan begitu lama, sungai-sungai masih menjadi cetek, hakisan masih berlaku dengan berleluasa dan kita kehilangan kedua-dua. Di satu pihak kita tidak dapat menggunakan hasil pasir ini dan satu pihak lain kita terpaksa membelanjakan wang yang begitu banyak untuk tambatan banjir, mengorek sungai dan sebagainya. Dalam dua-dua keadaan, kita rugi. Adakah pihak kementerian mengkaji satu kaedah atau teknik yang terbaik untuk kita mendapat faedah daripada kedua-duanya, tebing bagus, tebing cantik, tidak roboh, tidak banjir tetapi kita boleh menggunakan pasir untuk tujuan pembangunan. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, sebenarnya pengambilan pasir ini walaupun di bawah bidang kuasa kerajaan negeri tapi kita juga boleh nasihat kepada mereka tentang mana-mana sungai yang boleh dikorek. Kalau semua pasir sahaja di sungai itu dikorek bermakna memang ianya membantu kita untuk memastikan bahawa tidak ada masalah banjir di masa-masa akan datang. Tetapi itu memang tidak *economical* kecuali kalau sungai-sungai yang besar itu kerajaan terpaksa menentukan berapa banyak pasir yang ada dalam sungai itu. Tetapi bagi sungai-sungai yang sederhana, kalau dia hendak korek sungai itu sahaja, pasir itu tidak cukup. Apa yang dia buat itu ialah ianya keluar daripada kawasan pasir, ia pergi ke tempat lain, di mana tempat itu sebenarnya diusahakan sebagai lombong pasir.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [Bangun]

**Dato' S. G. Sothinathan:** Jadi, itulah di mana ia membawa banyak masalah kepada semua petani ataupun nelayan di muara kuala sungai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun, Yang Berhormat.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat. Saya terpanggil dalam isu ini sebab Sungai Kinabatangan ini merupakan

sungai kedua terpanjang di negara kita, Malaysia. Yang membimbangkan kita ialah aktiviti mencuri pasir sungai ini berlaku di kawasan Kinabatangan dan tidak ada pemantauan dari mana-mana pihak kecuali dari pejabat daerah sahaja.

Saya juga ingin tahu apakah implikasinya sebab Sungai Kinabatangan ini besar, bukan sungai kecil seperti di Puchong. Ia sungai besar lagi panjang berluk-luk, memang tempat untuk menggerudi pasir itu memang banyak. Beratus-ratus kilometer dia boleh menggerudi pasir. Apakah langkah-langkah dari kementerian sama ada kita biarkan ataupun ada jalan mencegah sebab dia tidak ada lesen, tidak ada kebenaran. Dia mencuri. Berunding dengan masyarakat sekitar setempat dan sebagainya, ini membimbangkan. Minta pandangan.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Yang Berhormat, lesen pengeluaran pasir sungai-sungai ini sebenarnya dikendalikan oleh kerajaan negeri. Kalau sekiranya ada masalah-masalah spesifik seperti yang disebut, saya rasa kerajaan negerilah yang boleh berikan satu jawapan yang betul terhadap perkara ini.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** [Bangun]

**Dato' S. G. Sothinathan:** Kita cuma tentukan dasar sahaja. Ya.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri, masih berkenaan dengan sungai tetapi saya dalam perspektif lain, iaitu Tuan Pengerusi, 50% daripada kawasan tadahan air di negara Malaysia terutama di Semenanjung adalah kawasan yang telah pun membangun. Maknanya kebanyakan air yang masuk ke sungai daripada JPS dan sebagainya datang daripada kawasan membangun, bukan kesemuanya datang daripada kawasan belum membangun seperti hutan dan sebagainya. Air-air ini akhirnya menjadi sumber utama kepada air yang dibekalkan kepada orang ramai dalam bentuk air bersih setelah dirawat oleh syarikat-syarikat ataupun agensi-agensi yang merawat air.

Contohnya, Sungai Muar adalah sumber utama kepada bekalan air di Muar tetapi hulu Sungai Muar adalah di Negeri Sembilan. Sepanjang Sungai Muar daripada Negeri Sembilan sampai ke kawasan saya adalah kawasan yang telah membangun yang telah pun dibangunkan dalam bentuk perumahan, kilang, pertanian dan sebagainya. Maknanya air baja masuk dalam sungai, air kilang masuk dalam sungai dan sebagainya sebab saya yakin kita tidak ada satu pengawasan yang rapi.

Persoalannya sekarang ialah kalau boleh Timbalan Menteri bantu kita, sejauh mana kementerian ini akan dapat memastikan pada masa akan datang bahawa air akan sentiasa berada pada tahap yang sempurna, tidak tercemar teruk supaya sumber air yang akan kita minum pada masa akan datang adalah sumber air yang bersih dan tidak memerlukan kos yang tinggi untuk dirawat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau boleh sila gulung jawapan.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Ya, saya akan habiskan sebelum pukul 1. Tuan Pengerusi, sebenarnya kita sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Air dan Telekomunikasi supaya sumber air yang kita dapat itu ataupun air mentah yang dihasilkan untuk pemprosesan itu dapat dikurangkan bahan pencemaran supaya ini akan mengurangkan kos pemprosesan. Itulah sebabnya pelbagai program rehabilitasi sungai itu dilaksanakan sebagai satu cara untuk pastikan bahawa kita dapat mengembalikan kebersihan air mentah kita di kebanyakan sungai-sungai di negara kita ini.

Seterusnya saya masuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh iaitu pertukaran hak milik tanah yang berlaku tanpa pengetahuan hal tuan punya dan juga pemilik tanah. Sebenarnya peruntukan dan dalam Kanun Tanah Negara 1995 adalah mencukupi dan memadai iaitu Peruntukan 340 bertujuan untuk melindungi tuan tanah atau hak-hak mereka yang berkepentingan.

Seksyen ini menekankan pendaftaran yang diperolehi melalui pemalsuan tidak akan menerima perlindungan ketidakbolehsangkalan, *indefectibility of title*. Namun demikian kita juga melihat masih ada lagi banyak kes penipuan masih lagi dilakukan dan kita juga telah pun mengadakan perbincangan dengan Jabatan Peguam Negara mengenai cadangan pindaan Seksyen 340. Kementerian ini juga telah menjalankan kajian yang terperinci terhadap sistem pendaftaran tanah berkomputer. Hasilnya didapati sistem ini yang sedang diguna pakai pada masa ini adalah selamat dan ciri-ciri

keselamatannya adalah ketat. Oleh yang demikian, sekiranya semua prosedur keselamatan telah diikuti oleh pengguna, sistem tersebut adalah sukar untuk melakukan penipuan.

**Tuan Markiman bin Kobiran:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Hulu Langat bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Markiman bin Kobiran:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berminat dalam bidang sistem pengkomputeran yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang dikatakan selamat. Sebagai pengamal undang-undang, saya banyak kali berhadapan dengan sistem pengkomputeran yang tidak selamat dan berlaku terlalu banyak peluang oleh penipu ini di mana sistem yang lama akan dipindahkan kepada sistem komputer dan inilah masa yang terbaik untuk mereka merancang, pemalsuan, penipuan, *forgery* dan sebagainya. Akibatnya sistem yang dikatakan selamat dan yang dikatakan tahan daripada sebarang tindakan jenayah ini tidak begitu selamat sebenarnya.

Selepas daripada itu pun, hasil daripada sistem pemodenan dan pengkomputeran ini didapati terlalu banyak maklumat yang tidak dapat dimasukkan daripada maklumat yang sistem tradisional kepada sistem yang moden berdasarkan kepada beberapa maklumat yang tidak dapat dibaca dan ini mengakibatkan bahawa transaksi urus niaga serta nilai untuk menjadikan tanah itu sebagai satu benda yang berharga, hilang begitu sahaja. Itu satu keadaan.

Yang kedua, mengapakah dengan adanya sistem pengkomputeran ini, sepatutnya sistem pengkomputeran apabila kita menekan dua, tiga *button* komputer semuanya sudah keluar dan semuanya sudah diperolehi, tetapi hakikatnya sekarang pejabat-pejabat di seluruh negara menghadapi kelewatan untuk mendaftarkan apa juga transaksi yang dilakukan oleh pemilik atau penggadai atau pemegang gadaian. Saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya sistem pengkomputeran secara keseluruhan belum dilaksanakan. Apa yang dibuat sekarang ini adalah cuma *imaging* sahaja yang dilakukan tentang hak milik-hak milik yang ada. Tetapi projek e-tanah ini akan dilakukan di seluruh negara tetapi kita akan buat satu *pilot project* pada permulaan di Pulau Pinang dan barulah projek-projek ini atau tender ini dibuat sebagai satu *pilot project* di Pulau Pinang.

**Tuan Markiman bin Kobiran:** Terima kasih Tuan Pengerusi, *pilot project* ini sudah banyak kali *pilot*. [Ketawa] Satu contoh jelas di pejabat PTG Shah Alam, tiap-tiap kali ada *pilot project*, pejabat itu akan ditutup, pendaftaran tidak dibenarkan dibuat, pendaftaran untuk tujuan urus niaga tanah langsung tidak boleh diterima. Ada yang sebulan, ada yang dua bulan dan selepas dibuka untuk tujuan urus niaga biasa, masih juga dalam keadaan yang sama.

Adakah ini menunjukkan bahawa pihak kementerian sendiri tidak bersedia untuk tujuan pendaftaran dan selepas kita menunggu sebulan, dua bulan untuk tujuan transformasi daripada sistem pendaftaran biasa kepada sistem pendaftaran berkomputer masih juga menghadapi masalah, masih juga menghadapi penipuan dan akibatnya transaksi tanah yang berlaku terutama sekali di negeri Selangor dan di kawasan Lembah Klang, banyak yang tergendala dan akibatnya banyak kes penipuan dan kes-kes yang sampai ke pihak mahkamah tidak dapat diselesaikan hingga sekarang ini. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, memang ini adalah salah satu masalah yang kita hadapi pada satu, dua tahun dahulu kita ada banyak *backlog* tentang perkara ini kerana masalah urus niaga yang lewat di banyak pejabat tanah dan kerajaan telah pun menubuhkan *flying squad* untuk mengendalikan *backlog* ini dan kita hampir selesai semua *backlog* yang ada, khususnya di negeri Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

Memang kita mengetahui tentang masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dan kita dalam program pengkomputeran di seluruh negara ini, kita akan melaksanakan pada peringkat pertama di Pulau Pinang dan memastikan bahawa perkara ini tidak akan berulang. Apa yang kita pelajari daripada peringkat awal di seluruh negara itu, kita akan pastikan. Itulah sebabnya kita tidak mahu lakukan di

seluruh negara dan kita akan buat di Penang dahulu dan pastikan bahawa ianya berjalan dengan sempurna, barulah ia akan dilaksanakan untuk seluruh negara secara sekali gus. Jadi kita akan mengambil kira tentang masalah dan aduan yang diberikan oleh Yang Berhormat dan pastikan kita akan berusaha sesungguhnya bagi memastikan bahawa ianya tidak berulang di masa akan datang.

Berkaitan dengan satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh iaitu Lembaga Hak Milik Strata yang belum ditubuhkan, sebenarnya hanya Pulau Pinang sahaja yang telah tubuhkan lembaganya. Negeri-negeri lain iaitu Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan tubuhkan sebelum akhir tahun ini dan negeri-negeri lain sedang mengambil tindakan untuk penubuhan lembaga tersebut.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh ialah supaya diberikan lebih banyak peruntukan kepada taman laut. Sebenarnya buat masa ini taman laut kita ada 40 taman laut, tetapi walaupun di bawah seksyen taman laut ini kita cuma ada 86 jawatan di mana cuma 56 sahaja yang diisi. Tetapi kita fikir bahawa ianya harus diputus semula untuk menjadi satu agensi yang efektif. Kita telah pun memohon kepada JPA supaya mewujudkan satu jabatan dan satu penstrukturan semula dibuat dan dengan peruntukan yang lebih dan kakitangan yang lebih, untuk pastikan bahawa semua taman laut yang ada di negara kita ini diurus dengan baik dan supaya menjadi satu khazanah negara dan juga satu daya tarikan pelancongan kepada negara kita.

Tuan Pengerusi, saya percaya itu sahajalah perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, jadi saya mengucapkan terima kasihlah kepada semua Ahli Yang Berhormat dan cabaran untuk memastikan bahawa alam sekitar kita dijaga dengan baik dan dipelihara dengan baik adalah di tangan setiap individu dan khususnya kepada Ahli-ahli Parlimen.

Marilah kita bersama-sama memastikan bahawa dalam segala aktiviti yang kita lakukan, dalam segala tindakan yang kita lakukan, supaya elemen alam sekitar itu menjadi satu budaya cara hidup kita. Saya ucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang bernas dalam membincangkan perkara ini dan memberi sokongan kepada belanjawan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM698,667,800 untuk Maksud B.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM698,667,800 untuk Maksud B.23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM742,311,000 untuk Maksud P.23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM742,311,000 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

#### **Maksud B.24 [Jadual] -**

#### **Maksud P.24 [Anggaran Pembangunan 2006] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kepala Bekalan B.24 dan Kepala Pembangunan P.24 di bawah Pembangunan di bawah Kementerian Perdagangan dan Industri terbuka untuk dibahas. Ya, Puchong.

**12.53 tgh.**

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membahaskan butiran-butiran berikut iaitu Butiran 05000 di bawah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia ataupun MIDA, dan juga Butiran Pembangunan yang berkaitan dengan MIDA 00402 dan juga 00520. Peranan MIDA memang begitu penting

terutamanya pada masa-masa di awal 90'an di mana negara kita mengalami satu *influx* ataupun *inflow*, dengan izin, pelaburan yang sangat-sangat tinggi dan juga berkesan untuk pembangunan negara pada waktu itu dan tidak dapat dinafikan bahawa kalau kita melihat bajet yang telah ditempatkan ataupun *diallocate* kepada MIDA ini, kalau kita kira tiga kepala ini, ia sejumlah RM196 juta iaitu lebih kurang 35% daripada *total* bajet yang telah diberikan kepada MIDA ini iaitu sebanyak RM483 juta untuk tahun 2006 ini. Dan kalau kita baca dengan detail apa yang telah dibawa kementerian ini, memang MIDA telah menyokong banyak aktiviti di masa lepas dan juga di masa-masa akan datang.

Di antara aktiviti yang saya ingin beri sedikit pandangan dan juga persoalan ialah mengenai aktiviti bagaimana penggalakan pelaburan tempatan dan juga pelaburan asing dan akhir sekali ialah khidmat industri yang telah dinyatakan dalam bajet kali ini. Tidak dapat dinafikan dalam awal 90'an di mana ekonomi negara kita ini telah mencapai satu tahap yang amat tinggi, di mana proses perindustrian negara kita ini berasas kepada tenaga buruh dan juga infrastruktur-infrastruktur asas iaitu infrastruktur seperti jalan raya, infrastruktur seperti sumber manusia, ataupun bahan-bahan mentah yang senang didapati di negara kita ini.

Tetapi persoalan sekarang ialah mengenai keberkesanan MIDA untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan-pelaburan dalaman ataupun luaran. Adakah syarat-syarat ataupun perkara ataupun promosi-promosi yang dilakukan oleh MIDA dengan menggunakan syarat-syarat seperti *tax holiday*, ataupun dengan cukai pelaburan dan sebagainya masih berkesan pada waktu ini kerana dengan proses globalisasi kita boleh tengok pola pelaburan sekarang ini ialah berbentuk kepada beberapa peringkat. Iaitu saya nak memberi persoalan, saya nak tahu apakah fungsi utama sekarang ini dalam MIDA dalam proses globalisasi di mana kita tahu negara China dan negara India ini sudah muncul sebagai destinasi pelaburan yang penting untuk dunia ini. Apakah peranan kita sebagai Malaysia dan MIDA untuk mempertingkatkan lagi daya saing negara kita ini supaya pelaburan-pelaburan mungkin berbentuk jenis yang lain ataupun berbentuk lebih *technology orientated* dapat masuk ke negara ini. Itu satu persoalan yang sangat penting dan itu juga satu perkara yang saya harap dapat satu penjelasan yang lebih detail mengenai MIDA ini untuk mempertingkatkan lagi ataupun mempertahankan lagi iklim pelaburan di negara kita ini.

Selain itu Tuan Pengerusi, saya hendak tahu juga apakah setakat ini keberkesanan MIDA telah menarik masuk pelabur-pelabur asing kerana rintihan demi rintihan, rungutan demi rungutan bahawa kadang-kadang pelabur asing dia datang ini beri banyak karenah birokrasi dan sebagai contoh Tuan Pengerusi saya difahamkan bahawa tahun lepas satu syarikat gergasi logistik yang ingin melabur di Malaysia, mereka ingat Malaysia adalah satu tempat yang baik untuk pelaburan, tetapi kerana karenah birokrasi dan sebagainya, syarikat ini telah beralih *basenya* ataupun *companynya* kepada negara jiran kita iaitu di Thailand. Kerana saya difahamkan negara jiran kita telah menubuh satu pasukan untuk perkara tertentu ini. Pelaburan ini saya difahamkan sekurang-kurangnya permulaannya USD100 juta. Tetapi kita telah hilang orang kata apa *customer* ini, pelanggan ini kepada negara jiran.

Yang kedua, Tuan Pengerusi saya ingin juga bahas Butiran 06000 iaitu mengenai Perbadanan Produktiviti Negara ataupun NPC. Kalau kita baca di sini, kita tahu fungsi NPC ialah untuk memberikan satu *indicator* produktiviti sesuatu sektor dan juga untuk memberikan satu *indicator* kepada industri yang tertentu supaya daya saing mereka dapat dipertingkatkan lagi. Tetapi persoalan sekarang ini, baru-baru ini kita tahu, daya saing, kedudukan daya saing negara kita telah menurun mengikut satu laporan daripada IMD, daripada kedudukan ke 16 kepada kedudukan 28. Dan saya nak tahu apakah fungsi, ataupun apakah perubahan yang akan dilakukan oleh NPC supaya boleh membantu industri-industri di negara ini dapat dipertingkatkan lagi daripada segi daya saing dan juga produktiviti.

Saya juga hendak tahu adakah satu kajian yang konsisten, kajian yang berkekalan untuk sektor-sektor perkilangan yang tertentu. Sekarang kita ini dalam sektor perindustrian, kita ada banyak sektor. Bolehkah NPC ini kita tumpukan kepada sektor-sektor yang tertentu di mana kita ada mempunyai daya saing yang tinggi kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Dan ini saya nak tahu bolehkah ataupun apakah rancangan NPC untuk memberikan satu perubahan yang baik demi untuk pertumbuhan perindustrian di negara kita ini. Kerana kalau kita hanya membuat seperti orang kata dengan izin, *the jack of all trade*, buat di sini, buat di sana, tetapi

tiada satu tumpuan atau fokus tertentu kepada sektor tertentu, maka ini mungkin kita akan merosot lagi, teruk lagi daripada daya saing di masa-masa depan.

Saya ingat Timbalan Menteri pun tahu, kalau kita membaca buku, kalau the *Michael Bolton* mengenai *The Nation Competitiveness*, kita tahu satu strategi yang paling penting ialah *the differentiation strategy* iaitu satu strategi untuk membezakan negara kita ini dengan negara yang lain dengan menggunakan *advantages* yang ada pada negara kita ini. Saya ingin tahulah sedikit mengenai NPC kita ini.

Satu perkara lagi Tuan Pengerusi ialah mengenai Butiran 0700 iaitu MATRADE. Saya ada dua persoalan di sini. Dan saya baru-baru ini telah melawat pusat MATRADE di Jalan Raja Laut bersama-sama dengan beberapa Ahli Parlimen juga, dan saya mengucapkan terima kasihlah kepada pegawai di MATRADE kerana memberi penerangan dan juga pemahaman yang lebih mendalam mengenai MATRADE. Tetapi saya juga difahamkan bahawa, saya juga ada satu cadangan semasa dalam meeting itu, supaya MATRADE kita ini ialah untuk mempromosikan eksport ataupun produk-produk kita di luar negara. Ini memang satu kerja yang setakat ini saya ingat satu kerja yang telah dilakukan dengan baik dan juga memuaskan.

Tetapi daripada strukturnya, saya juga telah mencadangkan bahawa mungkin di MATRADE kita boleh menumpukan perhatian kepada lebih *sector* ..... Maksud saya ialah mesti ada satu pegawai atau pegawai-pegawai tertentu yang *specialize* di dalam sesuatu bidang untuk mempromosikan sektor-sektor tertentu. Sebagai contoh, kalau kita tidak ada pegawai yang *specialize* dalam ICT, bagaimana kita boleh mempromosikan sektor-sektor ICT khasnya daripada sektor perkhidmatan ICT. Dan ini satu cadangan saya ingat MATRADE boleh ambil satu perhatian ini.

Persoalan yang kedua ialah mengenai, memang kalau kita nak mempromosikan sesuatu produk ataupun perkhidmatan, maka kita pun harap, MATRADE memberikan lebih perhatian kepada industri-industri tempatan di mana terutamanya IKS di mana produk-produk ataupun perkhidmatan-perkhidmatan mereka mungkin lebih - saya tahu MATRADE sekarang telah memberikan banyak perhatian kepada IKS tetapi saya harap MATRADE juga boleh memberikan lebih perhatian kepada IKS di Malaysia ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat habiskan ucapan.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Apa dia?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habiskan ucapan.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Okey. Dan akhir sekali Tuan Pengerusi, mengenai SMIDEC. SMIDEC ini terutama butiran 00601 dan sehinggalah 00604 ini mengenai beberapa insentif yang dinyatakan yang akan diberikan kepada industri-industri yang tertentu. Satu rintihan yang telah saya dapati orang ramai ialah mengenai proses pemprosesan, semua geran dan sebagainya masih tidak mengikut apa yang telah ditetapkan dan kadang-kadang ini ada banyak kesusahan yang dihadapi oleh kesemua pemohon ini kerana mereka ini mendapat bahawa maklumat-maklumat yang diberikan itu tidak lengkap dan sebagainya. Dan mereka mengalami kelambatan untuk mendapatkan jawapan dan sebagainya dan ini saya haraplah SMIDEC boleh memberikan perhatian yang lebih terhadap pemohon-pemohon ini dan juga untuk ..... dengan izin, jenis permohonan yang telah ditetapkan itu. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Tangga Batu.

1.04 ptg.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya pun berminat untuk melibatkan diri sama di dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa Kementerian Perdagangan dan Industri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sambung petang, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Ya? [Ketawa].

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sambung petang, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Oh, ingatkan suruh habiskan sekarang. Terima kasih.

*[Majlis mesyuarat bersidang semula]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

**Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.05 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Majlis dalam Jawatankuasa. Kita masih di perkara B.24 dan P.24, Yang Berhormat Tangga Batu sila menyambung semula ucapan.

**2.32 ptg.**

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya baru hendak *start* tadi Tuan Pengerusi yang dahulu itu dia berhentikan sayalah, kalau tidak sudah habis sudah ucapan saya itu. Tuan Pengerusi saya ingin turut sama terlibat dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa ini dan saya ingin merujuk kepada B.24 Butiran 030100, 030200 di bawah tajuk Perdagangan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi biarlah saya mula beginilah, di dalam apa juga urusan ataupun *transaction* ataupun perbincangan kita akan selalunya melihat kepada hasil perbincangan tersebut. Kalau ia melibatkan dua pihak maka ia perlulah meletakkan kita di dalam keadaan untung-untung ataupun *win-win situation*.

Tuan Pengerusi baru-baru ini pada, 25 Mei 2005 suatu perjanjian telah ditandatangani di antara pihak negara Jepun dan juga Malaysia di bawah tajuk *Japan-Malaysia Economic Partnership Agreement (JMEPA)* Di dalam persetujuan ini kita dapati kemungkinan setengah pihak memandangkan ia sebagai *win-win situation*, tetapi pada pihak masyarakat pada pihak rakyat Malaysia ia mungkin tidak menampakkan keseimbangan di dalam perkara-perkara yang telah dipersetujui bersama di antara negara Jepun dan negara Malaysia.

Saya suka merujuk kepada surat Ketua Setiausaha kepada *Consumers Association of Penang* yang telah menyatakan bahawa dengan izin Tuan Pengerusi, *Malaysia and Japan reached agreement in principle on key elements of the JMEPA on 25 May 2005. Details of the commitment and the text of the agreement are still being finalized.* Jadi di sini saya hendak kemukakan di Dewan ini supaya di peringkat Jawatankuasa yang menguruskan perkara-perkara yang bakal dipersetujui oleh pihak Kerajaan Malaysia dan negara Jepun ini diperincikan supaya ia menampakkan keseimbangan di dalam hasil yang kita harapkannya itu untung-untung tadi.

Tuan Pengerusi suka saya sebutkan di sini yang pertama perkara bidang yang dipersetujui adalah dengan izin Tuan Pengerusi, *the gradual elimination of import duties on automotive and auto parts for over ten years in exchange for Japanese commitment on cooperation to further promote competitiveness of the automotive and automotive components and parts industries in Malaysia.* Di sini Tuan Pengerusi kita dapat lihat bahawa untuk produk *steel and iron* kita akan mengurangkan dan akan menghapuskan tarifnya dalam jangka masa empat hingga ke lima belas tahun, di mana sebagai pulangannya pula Tuan Pengerusi kita dapat lihat apa yang telah dipersetujui di dalam *agreement* ini adalah amat tidak, boleh saya kalau orang Melaka kata tidak masuk akal lah di mana Malaysia *in return* akan mengecualikan cukai pada pihak Jepun ini perkara-perkara yang berasaskan pertanian, perhutanan dan *fisheries products*.

Tuan Pengerusi, dekat mana keseimbangannya, kita menghapuskan tarif kereta-kereta Jepun *complete build up (CBU)* masuk ke negara kita. Sudahlah kita ada masalah dengan kereta kita. Sepatunya sebagai tukaran *exchange* kepada *agreement* itu untuk menampakkan keseimbangan, kita ambil kereta dia, *reduce the tariff*, kurangkan tarif hapuskan tarif dan dia ambil kereta kita hapus dan kurangkan tarif. Dekat sini baru kita nampak ada epal dengan epal tetapi hari ini kita bersetuju hendak bagi dia harga *agricultural product* seperti *mangoes* berapa banyak *mangoes* yang kita sedia. Kementerian Pertanian semalam kita bahas macam hendak rak, dekat 42 orang

yang ambil bahagian dalam perbahasan ini Tuan Pengerusi, dekat mana *mango* yang kita hendak hantar ke Jepun.

Jepun ini kalau kita hantar *mango* pula satu titik hitam ada pun akan ditolak dan kita masih lagi bekerja keras di dalam memastikan standard kualiti kita itu menepati piawaian antarabangsa. Mangosteen, durians, papayas, rambutans apa benda ini, Ini kita bagi *immediate tariff elimination* seperti juga dengan kereta-kereta CBU mereka yang masuk ke negara kita, kita bagi *immediate tariff elimination*. Di manakah keseimbangannya? Dan kita hari ini dengar juga untuk *fisheries product* untuk *forestry* dan juga untuk *agricultural product* ini Japan sebenarnya lagi maju daripada kita Tuan Pengerusi. Ikan salmon mereka itu boleh tahan dua minggu tanpa ais, kita baru duduk hari sudah busuk sudah ikan itu sudah berulat.

Tuan Pengerusi seperkara lagi yang saya minta supaya pegawai-pegawai peringkat jawatankuasa yang mengatur acara-acara persetujuan ini perlulah berikan perhatian kepada contohnya sebagai *barter trade* kepada apa yang akan diberikan kepada negara Jepun kepada kita ialah tentang perkhidmatan profesional (*professional services*) dan sebagai tukarannya kita pula *offer* mereka menawarkan mereka *accounting auditing services* yang saya percaya Jepun mempunyai syarikat yang lebih kukuh (*establish*) daripada kita *engineering services*. Japan sudah bina *tunnel* bawah air Tuan Pengerusi, bawah laut menghubungkan Tokyo dengan pulau, pulau apa nama itu, lalu bawah air, kita masih lagi fikir-fikir boleh buat tidak buat di antara Penang dan Tanah Besar. *Computer and related services they are* oh jauh, jauh ke hadapan daripada kita Tuan Pengerusi, kita masih lagi hendak belajar. Telefon kita dekat tempat dia tidak boleh pakai pun, telefon dia dekat kita *free of charge*, kadang-kadang tidak kena tarif pun oleh syarikat Telekom kita.

Dekat mana yang sebenarnya kita hendak *offer* mereka ini. Ini yang kita hendak tawarkan kepada mereka. Dan sebagai pulangnya pula Jepun menawarkan kita *professional services*, takut pula nanti Jepun bagi *professional services* kepada kita kita pula tawar balik oh ini kita dapat daripada Jepun dahulu kita bagi balik pada you. Bukankah itu jadi satu bahan ketawa. Tuan Pengerusi, saya harap di bawah butiran ini, pihak kementerian tolonglah janganlah jadikan Menteri kita ini, sekarang ini sedang sakitlah tetapi saya dengar khabar ada dekat,... sakit-sakit boleh pergi mana?

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Bukan jalanlah. Ada mesyuarat, ada kerja. Tolonglah jangan jadikan Menteri kita ini, jangan jadikan Timbalan Perdana Menteri kita ini, jangan jadikan Perdana Menteri kita ini sebagai *the naked emperor*, yang Yang Berhormat bagi Santubong cakap hari itu. Buatlah kerja betul-betul, letakkan *wisdom*, letakkan kebijaksanaan di dalam menggariskan perkara-perkara yang memberikan keutamaan, kepentingan kepada masa depan negara kita untuk meletakkan negara kita ini sebagai negara yang mempunyai ruang dan peluang yang luas kepada masyarakat antarabangsa untuk melabur dan berdagang di negara kita.

Tuan Pengerusi, ada seperkara lagi yang saya kira perlu diberikan perhatian oleh kementerian di peringkat jawatankuasa ini ialah yang kena-mengena dengan peringkat tempatan ini iaitu Butiran 00601 dan juga 00603, di mana ia melibatkan khidmat-khidmat sokongan di peringkat *local* supaya apa juga yang difikirkan oleh pelabur-pelabur antarabangsa ini, apabila masuk ke negara kita mereka tidak mempunyai halangan ataupun rintangan untuk mereka mengekalkan piawaian produk mereka supaya produk mereka itu masih lagi boleh diterima di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh Tuan Pengerusi, di Melaka, di kawasan Alor Gajah kita mempunyai sebuah kilang Honda yang besar.

Di sini, kita perlu memberi penghargaan kepada pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi yang bekerja kilang Honda di Alor Gajah kerana *bearing, drive shaft*.... yang dikeluarkan oleh kilang Honda Alor Gajah ini telah menjadi *drive shaft* yang terbaik di dunia. Ini diberitahu sendiri oleh pengurus besar bahagian production Honda, orang Jepun kepada saya. Dia kata, entah macam mana entah, produk *drive shaft* yang keluar daripada kilang Honda Alor Gajah ini adalah yang terbaik di dunia. Ini bermakna Tuan Pengerusi, anak-anak muda kita, belia-belie kita ini mempunyai bakat yang terpendam jika *dipolish*, jika diasuh, mereka ini akan menunjukkan keupayaan mereka untuk melahirkan produk yang bermutu tinggi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Cukup Tuan Pengerusi. Saya minta pihak kementerian supaya khidmat-khidmat sokongan ini, sedikit peruntukan dialihkan kepada khidmat-khidmat ini untuk mereka melahirkan bakat-bakat yang terpendam tadi supaya kita mempunyai tenaga-tenaga kerja yang benar-benar memberikan kepentingan kepada *the end result of the product*. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya bercakap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Batu Pahat.

**2.40 ptg.**

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Tuan Pengerusi, saya juga ingin turut serta dalam perbincangan dan terus kepada Butiran 070000 yang berkaitan dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia ataupun *Malaysia External Trade Development Corporation*, short formnya MATRADE. MATRADE ini ditubuhkan dengan bertujuan untuk menjadikan satu *frontier* ataupun barisan hadapan dalam memasarkan barang-barang yang berkaitan ataupun yang dihasilkan di dalam negara kita kepada pasaran antarabangsa. Ada tiga persoalan yang akan saya utarakan.

Persoalan yang pertama, apakah langkah-langkah atau aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh MATRADE bagi membantu usahawan Melayu dan juga usahawan bumiputera supaya berjaya menembusi pasaran antarabangsa tersebut. Kalau ada, apakah program-program yang telah dijalankan dan telah berjaya melahirkan usahawan-usahawan Melayu atau bumiputera tadi dalam menembusi pasaran antarabangsa yang tersebut.

Persoalan yang kedua, Malaysia telah disarankan sebagaimana dalam saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadi halal *hub* dan saya juga ingin bertanya kepada MATRADE, apakah peranan yang dimainkan oleh MATRADE sekarang supaya Malaysia dapat benar-benar berjaya dalam menjadi halal *hub*, kerana kita pasti dan kita yakin bahawa negara kita *certificate* ataupun sijil Halal *Hub* yang dikeluarkan oleh negara kita telah diterima oleh seluruh masyarakat antarabangsa? Apa yang berlaku sekarang ini ialah halal *hub* di dalam negara kita ialah dalam bentuk fizikal sahaja.

Maksudnya, sesuatu produk yang dihasilkan dalam negara kita dicop atau dikeluarkan sijilnya di dalam negara kita. Ada juga kita dengar bahawa produk-produk yang dihasilkan daripada New Zealand atau Australia atau India, contohnya daging-daging lembu dibawa masuk ke dalam negara kita, *direpacking* dan dicop sebagai halal *hub*. Saya ingin bertanya, adakah MATRADE mempunyai cadangan untuk membawa syarikat-syarikat dalam negara kita, terutama syarikat-syarikat bumiputera untuk *joint venture* dengan peladang-peladang ataupun penternak-penternak yang besar di luar negara? Seterusnya menjalankan proses-proses penyembelihan dan sebagainya mengikut piawaian yang ditetapkan untuk mencapai tahap halal tadi di negara tersebut, dan dijadikan sebagai satu pusat ataupun pengeluaran sebahagiannya daripada Malaysia dan daripada sana, sijil itu dikeluarkan kerana ini dapat mengurangkan sedikit sebanyak proses penghantaran. Tetapi kalau kita kata kita boleh mengadakan di tempat tersebut, dalam waktu yang sama juga kita boleh bawa masuk ke dalam negara kita, ke dalam Malaysia sebagai *value added*.

Yang ketiga, apakah program-program yang telah dijalankan dan yang telah berjaya melahirkan pengekspor-pengekspor makanan halal dan kalau ada, apakah kerjaya atau bidang tersebut dan berapakah nilai eksport yang telah dihasilkan oleh pengusaha-pengusaha, pengekspor makanan halal daripada negara kita? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ipoh Timor.

**2.48 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Pengerusi, kita bincanglah mengenai MITI tadi ialah kita bincang mengenai satu kementerian di mana adalah seorang Menteri yang ada *mandate* dalam tugas beliau, yang terendah sekali dalam Kabinet Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Sekarang kita ada seorang Menteri yang tidak ada di sini. Kita mahu tahu kenapa Yang Berhormat Menteri, kita tahu sekarang ada di Pusan, tetapi kenapa tidak pernah datang ke sini? Dia kata dia sudah pulih, boleh pergi Pusan, boleh berhari raya. Saya pun ada jumpa dia berhari raya dan saya sudah cakap Selamat Hari Raya. Kenapa tidak pernah datang ke Parlimen?

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu kepada beliau, kalau Menteri MITI tidak mahu datang ke Parlimen, panggil dia letak jawatan oleh kerana Parlimen ialah antara tugas penting kepada beliau.

**Seorang Ahli:** Butiran, butiran.

**Tuan Lim Kit Siang:** Butiran berapa? Menteri tidak tahu? Tidak faham? Menteri gaji, *emolument*, kalau Menteri tidak mahu datang.....

**Seorang Ahli:** Sebutlah, sebutlah.

**Tuan Lim Kit Siang:** ..... panggil dia letak jawatan. Kita tidak boleh membenarkan, kita mahu *first world Parliament*, bagaimana kita boleh ada *first world Parliament* kalau kita ada *third world* Menteri sungguhpun dia cakap dia pandai, kita tahu dia pandai cakap tetapi dia *third world Menteri*. Ada isu-isu yang masih belum diselesaikan. AP, skandal AP, kita tidak boleh membiarkan kata bahawa skandal AP sudah tutup, selesai oleh kerana ada *National Automotive Policy Framework* dan disebut bahawa tujuan adalah suatu masa di hadapan, AP akan dihapuskan bahawa isu penyelewengan AP sudah selesai, tidak selesai.

Apa yang berlaku sepuluh tahun dahulu, lima belas tahun dahulu, penyelewengan-penyelewengan, kita mahu satu *accountability*. Kita tidak boleh tutup semacam ini. Kalau begitu ini satu bayangan, yang sangat buruk terhadap bukan sahaja Yang Berhormat Menteri MITI pun kepada pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, perkara AP skandal perlulah dibuka semula, di mana *scrutiny* patut diadakan mengenai segala penyelewengan, segala salah guna kuasa, segala rasuah yang berlaku supaya bolehlah di teliti dan dibongkarkan.

Sungguh pun *National Automotive Policy* ada diumumkan kita boleh lihat reaksi pasaran. Tiada *reaction*. Tidak ada satu *injection*, satu *adrenaline boost* untuk pasaran, semua nampaknya sangat *look warm* dan kita mahu tau apa mengenai *National Automotive Policy* yang dijamin akan diumumkan dan kenapa tidak ada satu input dan satu *exchange* dengan Ahli-ahli Parlimen mengenai *National Automotive Policy* berasas *National Automotive Policy Framework*.

Kita tahu bahawa *National Productivity Centre*, antara lain ialah mengenai *competitiveness*. Malaysia sudah hilang *competitiveness*, kita tengok apa yang berlaku dalam pasaran saham begitu sejuk, semenjak bajet 30 September sampai sekarang jatuh sahaja - 'pergi selatan' (*gone south*). Hari ini sudah kurang dari 900 mata, *below 900 points*, kenapa? Kenapa? Ini satu ulasan (*comment*) yang sangat tepat ialah, dengan izin, *there are not enough strategic businesses for them to invest in*. Itulah tanggung jawab MITI! Kenapa tidak cukup *strategic businesses for them to invest in*, *strategic businesses are those that are regional or global, they have a competitive edge or critical mass*, kenapa? Kenapa MITI sudah gagal untuk menggalakkan dan memastikan adalah cukup *strategic businesses*. Kalau kita tidak faham, mungkin kita boleh mendapat satu contoh.

*What we mean, what we say that we need strategic businesses* ialah *we are need more* Nickle David in Corporate Malaysia. *We need more Malaysia companies that can compete against global peer in their own right*. Itulah, untuk apa yang gagal. Kita tengok dalam *Institute of International Development a World Competitiveness Year Book*, Malaysia jatuh 12 tangga daripada yang ke-16 kepada yang ke-28, kalah kepada Thailand yang kali pertama. Thailand adalah tempat yang ke-27.

Kita patut baca kriteria-kriteria khasnya *the weakest criteria*. Bukan kita mahu cari apa nak cari yang *disadvantages* tetapi supaya kita boleh membetulkan apa yang kita terlemah sekali. Antara yang terlemah sekali ialah *economic performance*, *export of commercial services real growth* bermasalah, *direct investment stock income*, *real growth*, *GDP per capital* pun bermasalah, *employment* bermasalah, *growth domestic product* dan *government efficiency*, *foreign investors are not free to acquire control in domestic companies*. Perlu buat satu kajian, *Public sector contracts are not sufficiently open to foreigner bidders*, *harassment and violence do destabilize the work place*, *discrimination race, gender, ext. poses the handicap in society*, *protectionism in economy*. Mengenai *business efficiency*, *female labour force percentage of total labour force* satu masalah, *percentage of population* masalah, *overall productivity*, *GDP*, *PPP per person employ*, *part time employment*, *brain drain*, *well educated skilled people hinders competitiveness in the economy*. *Corporate debt*, .....the ability of enterprises to

*compete in econom....* Mengenai infrastruktur, *illiteracy medical assistant, fixed telephones, energy intensity, real roads*, semua apa berlaku?

Sekarang kita sudah kalah kepada Ipoh - kepada Thailand. Kita tengok apa yang berlaku di bidang universiti baru-baru ini, kita lihat ranking Malaysia jatuh. University of Malaya daripada ke-89 jatuh ke-169, USM dulu ke-111 langsung tidak ada dalam 200 itu *bracket*. Itu *time education supplement*, Shanghai University, Chai Tong University antara dunia terbaik, 500 buah universiti langsung tidak ada sebuah universiti Malaysia yang termasuk. 500 universiti!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini butiran yang mana satu?

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu mengenai *National Productivity Centre*, mengenai *competitiveness*, ini semua mengenai *competitiveness*, bagaimana kita *competitive....*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu minggu depan boleh bangkit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, bukan. Itu *National Productivity Centre*, kalau *National Productivity Centre* tak kaji perkara ini apa guna *National Productivity Centre* dan saya harap ini masalah tunjukkan, saya bukan bincang dengan *detail* mengenai *crisis higher education*. Kalau 200 universiti ranking pun ada jatuh, kalau 500 universiti ranking di dunia pun tak ada masuk, kalau dalam 2,000 buah universiti satu kajian, Malaysia, satu pun tak masuk, bukankah ini satu masalah? 2,000 universiti yang terbaik di dunia, kajian dibuat universiti di Malaysia satu pun tak masuk? Adakah kita ambil perhatian dalam perkara ini? Bagaimana kita boleh kata kita *competitiveness*? Ada *competitive*?

Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah ambil perhatian dalam perkara ini bahawa kalau MITI tidak boleh memastikan, menentukan Malaysia lebih *competitive* itulah satu kegagalan yang besar. Janganlah kita oleh kerana ada laporan di mana kedudukan kita tidak baik kita ketepikan, tetapi apabila ada laporan yang tunjukkan kita ada kedudukan yang baik, kita *glorified*, kita sebut 'Malaysia Boleh'. *Good news* kita *front page head line*, *bad news* kita tutup. Bagaimana kita boleh maju? Bagaimana kita boleh menjadi *first world*? Kita akan terus - mungkin kita boleh *lead the third world*, kalau kita mahu dan masuk menerokai, menyertai *first world*, kita perlulah tukar sikap, *mindset*. Kita perlu apabila kita ada *result* yang buruk semacam IMD 27 placing, kaji kenapa? Semacam universiti ranking, 2,000 universiti dunia, kita satu pun tak masuk, kenapa? Adakah kita rela berbincang? Adakah Yang Berhormat tahu? Adakah Yang Berhormat rela untuk menghadapi? Tanya kenapa 2,000 universiti, satu universiti pun tak masuk? Tak ada orang berani tanya saya, apa itu kajian tidak tahu benar atau tidak benar. Fikirlah, 2,000 universiti, satu kajian, Malaysia satu universiti pun tak ada.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung,

**Tuan Lim Kit Siang:** *No body dare to ask!* Itulah contoh, kita perlulah minat perkara ini, kalau tidak ada menteri yang sangat pandai pun tak guna. Dia tak datang ke Parlimen, dia pergi Busan sahaja. Kalau begitu bila balik dari Busan panggil dia letak jawatan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Santubong.

2.58 ptg.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ini tak berapa tu....saya ingatlah. Saya ini benda-benda ....Tuan Pengerusi, tapi persoalan yang saya susul daripada ucapan dasar daripada dulu, daripada pihak yang tertentu bertanya, soalan industri kereta kita. Tapi bukan tanya soalan dasar atau pun bertanya soalan AP *matters*. Persoalan saya menyusul daripada apa yang saya sebut dalam soalan dasar, iaitu kuasa alternatif kepada kereta.

Dalam konteks perbahasan dulu menghala kepada kementerian yang lain iaitu saya sebutkan kuasa 'ethanol', sebagaimana di negara-negara lain, saya bincangkan ini daripada perancangan strategik 02000. Saya dulu menyusul kepada soalan pembangunan kuasa ethanol, daripada barang-barang yang boleh kita buat, tanam dan

kita boleh menggunakan teknologi yang rendah yang kita boleh juga buat. Kalau Brazil boleh buat, kalau negara China boleh buat dan American sekarang nak ikut Brazil mengeluarkan ethanol yang lebih besar, bahkan kongres baru membincang hendak mengeluarkan US7 bilion untuk membina satu loji dan belajar dari pihak Brazil mengeluarkan ethanol ini.

Tetapi dalam masa yang sama kita juga melihat industri kereta kita. Adakah tidak kereta kita, pihak yang terlibat dengan pembinaan kereta nasional ini menghala ke arah itu. Soalan saya bangkitkan juga ialah soalan *hydrogen power*. *Hydrogen power* ini telah menjadi satu '*captured*' dalam industri automotif dunia. Kalau kita lihat pada Tokyo Motor Show pada 6 November 2005, baru-baru ini banyak pengeluar kereta-kereta Jepun umpamanya - tunggu Yang Berhormat saya tengok dulu. Dia kata, Mercedes Benz F600, Suzuki Ignis, Daihatsu Tanto, Honda FCX, Toyota Fine dan sebagainya telah dikeluarkan mencontohi menggunakan *hydrogen powered*. Walaupun dalam masa yang singkat, kereta ini mungkin belum boleh dijual ke seluruh dunia tetapi dalam masa yang sama kita melihat pembangunannya dan keghairahan orang terlibat dengan pembinaan *hydrogen powered cars* ini.

Kalau di Tokyo, mereka sudah mempunyai 10 *hydrogen filling station* dan 15 di seluruh negara Jepun. Bahkan *General Motor*, *Daimler* sudah melihat ke arah ini dan mereka telah membina. Walaupun pihak-pihak yang tertentu dalam industri ini mengatakan, umpamanya *Ron Crgan* daripada *Green Cars Journal*, penulisnya mengatakan, industri ini *is a horse and cart* punya *situation* yang mana, mana satu dahulu, infrastruktur dahulukah ataupun kereta dahulu.

Tetapi kalau kita hendak lihat perkara ini dalam konteks *Ron Cogan* punya *argument* memang kita tidak akan menjadi, kita akan takut, kita akan bimbang. Ini kena kita pandang juga apa orang buat. Kalau kita hendak jual kereta Proton kita keluar negara, pada suatu ketika nanti, dia orang mempunyai satu fokus yang amat jelas mengatakan bahawa dalam masa 15 tahun, *other than a car will be on the road*. Ini perkara pasti kata dia orang. Bahkan Jepun sudah mengatakan RX8 – kereta yang menggunakan *rotary* enjin, Mazda itu akan dikeluarkan dalam masa tiga tahun akan datang menggunakan teknologi yang ada, yang mana *hydrogen* itu dikeluarkan dalam *rotary* enjin itu sendiri.

Tuan Pengerusi, saya hendak bertanyalah apakah dorongan dan gesaan daripada pihak kementerian kepada Proton supaya jangan ketinggalan. Nanti bila masanya tiba gas, petrol, diesel dan sebagainya akan naik. Dia tidak akan turun. Dia akan terus naik dan kekurangan bahan ini nanti akan menggugat industri automatif ini, kalau tidak mengambil satu tindakan yang proaktif dan menanganinya. Ini yang pertama.

Yang kedua, soalan kereta juga, gas. Tadi saya berbincang dengan kawan yang menyebutkan soalan gas. Malaysia ini besar rizab dia kalau dicampur, mengikut kata Yang Berhormat bagi Batu Pahat. [Disampuk] Oh! Batu Pahat. Dia kata, 60% daripada rizab gas dunia ini ada disimpan di Malaysia dan di Indonesia. Ini bermakna kita mempunyai rizab yang begitu besar sekali. Tetapi pada masa sekarang hanya teksi sedikit-sedikit. Proton taksi di Kuala Lumpur yang menggunakan gas.

Kita melihat di negara-negara lain menggunakan gas untuk bas dan bermacam-macam lagi. Bas di Australia, umpamanya semua menggunakan *gas powered*. Kenapa kita tidak boleh membangunkan perkara ini dengan besar-besaran di seluruh bandar, di seluruh Malaysia menggunakan bas yang menggunakan gas. Masalahnya, kalau hendak kita laksanakan, infrastruktur memang mahal. Tetapi *for long terms* program, pertama dia *ecofriendly*, yang kedua dia murah, ketiga dia *available*.

Perkara ini kena kita pandang. Kenapakah tidak - teknologi kita ada, kita berkemampuan, kita boleh buat. Tetapi kita tidak buat. Tetapi kita hendak mencari teknologi-teknologi yang kita tidak berkemampuan. Tetapi yang benda kita ada kemampuan ada bahan, kita tidak susul. Maknanya, Tuan Pengerusi, kadang-kadang kita nampak menguruskan negara ini, *in groping the dark*. Walau pun kita maju, kita boleh maju dalam keadaan negara kita masih membangun. Apabila kita sampai satu *stage* nanti yang mana susah, melainkan *strategic thinking* ini mesti dibuat.

Kita akan mendapati bahawa *the growth* kita akan terhad begitu sahaja. Tetapi saya menggesa dan meminta penjelasan daripada pihak kementerian, hendak menggunakan gas ini, kita Proton yang menggunakan gas itu. Dia punya *design* tidak

diubah. Hendak simpan beg pun saya datang naik daripada KL Sentral hendak pergi ke hotel pada 16 hari bulan naik Proton SAGA. Dia simpan gas dekat itu, bila beg saya masuk, beg itu tidak boleh masuk. Dia kena ikat tali lagi.

Oleh kerana Proton yang ia buat itu hanya menggunakan gasolin bukan menggunakan gas, bila dimasukkan gas di sana, jadi ia punya *boot* menjadi kecil. Proton ini sibuk sangat - industri motor ini, tidak boleh *design* kalau *boot* besar sedikit. Hantar ke garaj saya, saya buka ia, buat '*bolentorch*'nya, buka tambah belakang dia. Boleh buat besar. Tidak boleh buatkah itu? Saya ingat *designer* kereta ini, kadang-kadang kita sebut ini kereta kita, kita bangga dengan kereta kita tetapi keluar kereta dari Jepun itu, kalau *brand Mitsubishi* itu ada masih macam itu juga.

Kalau kita tengok Perdana masih sama dengan kereta Jepun apa nama *brand*nya. Sama *design*, bermakna *mould* dia masih semua dari Mitsubishi. Kenapa kita tidak boleh berubah. Gunakan kemudahan kita, kemampuan kita dan *resource* kita. Tetapi *resource* ini tidak dipakai untuk teksi umpamanya, orang sekarang marah. Orang datang besar-besar, mat saleh yang enam kaki tinggi hendak masuk Proton SAGA tidak cukup tempat. Kaki dia tinggi sangat. Dia tidak boleh duduk. Proton juga patut ubah suailah.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Saya minat bukan sahaja *design*, Yang Berhormat bagi Santubong tetapi saya tengok masalah yang dihadapi oleh Proton itu pun ia tidak dapat hendak diselesaikan. Yang *reactive* ini tidak buat, apa lagi yang proaktif ini, Yang Berhormat bagi Santubong. Cuba Yang Berhormat bagi Santubong komen sedikit benda ini. Saya suka dengar Yang Berhormat bagi Santubong komen benda-benda macam ini.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang mana satu? Cuba ulangkan?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Proton V6 umpamanya, *gear box problem*, sampai hari ini tidak selesai masalah. Bila tanya menteri, menteri jawab ini bukan kerja dia. Ini kerja orang lain, tetapi kita ingat kita kena ada semangat patriotisme yang tinggi kan? Proton Executive, Proton - masalah, pintu masalah, bearing masalah. Ini semua, kita suruh dia betulkan pun dia kata bukan kerja dia. Apa lagi seperti Yang Berhormat sebutkan tadi. Itu proaktif itu. Ini yang *reactive* dia tidak buat. Yang proaktif lagi tidak buat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Pada tahun 2000, saya pergi ke *Embassy* kita di London. Saya telah bertanya dengan *Embassador*, kenapa tidak pakai kereta nasional. Kereta nasional boleh digunakan di mana-mana sahaja saya kata. Kenapa tidak pakai. Masalah dia bagi satu. Satu Yang Berhormat kata dia, masalah kereta ini kita tidak ada mekanik. Habis macam mana mekanik - kita eksport kereta dari Malaysia pergi ke London, tetapi tidak apa tidak ada mekanik pula.

Kedua, *spare part* macam mana? *Spare part*, orang London itu sudah keluarkan apa tidak boleh *supply* dengan *Embassy* kita. Kenapa pula tidak boleh? Alasan yang ketiga itulah tadi, dia punya *design*. Dia punya bawah itu begitu rendah kata dia. Bila suatu masa yang tertentu dia punya bawah itu tergesel ke atas muka *snow* dan sebagainya tidak boleh pakai. Dia *suspension* tidak berapa elok. Tidak berapa kuat, katanya. Termasuklah apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu.

Saya *disupply* satu Proton Perdana untuk dipakai di pejabat. Proton ini baru tiga tahun saya pakai, *gear box* sudah rosak. Saya hantar kepada *supplier* ini. Apa nama syarikat yang *supply* kereta untuk pegawai-pegawai kerajaan itu?

**Seorang Ahli:** SPANCO.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** SPANCO. Bagi tahu dengan SPANCO, tidak apalah kata dia YB. Kita akan *supply* yang baru pula kata dia. Jadi, tidak atasi masalah *the problem of Proton* tetapi dia kata hantar kereta baru. Saya sudah tunggu kereta baru tetapi kereta ini susah juga hendak tukar dia punya *gear box* itu. Sampai sekarang masih teruk. Baru empat tahun.

Kalau kita hendak beli Perdana, hendak pakai dia sampai enam atau tujuh tahun macam kita pakai Mercedes, pakai BMW, Volvo dan sebagainya sampai 10 tahun tidak datang masalah. Macam mana kita hendak dikatakan patriotik dan tidak patriotik kalau tidak pakai Proton atau kereta nasional. Kalau kita hendak beli, kita kena *value for money* itu di sana. Kalau dia tidak, macam mana kita hendak sokong.

Pihak Proton bukan sahaja .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Fahamlah.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Faham. [Ketawa] Pengerusi *Backbenchers*, Presiden *Backbenchers* kata sudah faham.

Di samping kita menghala ke arah baru, kereta kita yang ada diperbaikilah kualitinya. Apa benda yang *feedback* daripada *public* itu kita ambil kira, jangan kecil hati. Jangan marah.

Kita perbaiki akan keadaan, kalau suspension ia kurang elok kita perbaiki elok. Kalau dia punya *gear box* kurang baik kita perbaiki *gear box*. Baru-baru ini Tuan Pengerusi, kita dengar *Mercedes 23224 OE* yang baru, model yang baru kena *recall* berapa puluh ribu kereta kena *recall*. Proton tak pernah buat *recall*. Kalau kita nak jadi *world player* dalam benda ini apabila dapati benda ini kurang baik kita kena *recall* kereta ini, hendak ajarkan pihak pengurus ini barulah kita dapat jadi *world player*, kita menerima hakikat kalau kita lemah kita terima. Kalau dia kata betul kita sokong, jadi Tuan Pengerusi saya minta dengan menteri, satu perkara sahaja saya bangkit ini, industri kereta ini.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** ...macam mana membaiki dan mengelokkannya supaya dapat sokongan daripada rakyat Malaysia dan khususnya daripada Ahli Parlimen di Dewan ini daripada kuasa alternatifnya, daripada *ethanolnya*, hidrogennya, gasnya, *design* keretanya, semua minta dilihat semula. Saya nak apa benda yang *feedback* daripada *public* yang kurang elok itu beritahu dengan Proton kalau tak boleh *handle* ini *then the managers ought to be change* dan kita tidak boleh berkompromi. Tuan Pengerusi saya menyokonglah, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Bintang.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih Tuan Pengerusi, mengikut Butiran 080000 - Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) dan Butiran 00505 sehingga 00604 - (SMIDEC). Izinkan saya merujuk Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) yang ditubuhkan pada tahun 1996 untuk membangunkan IKS di negara kita dan dari peruntukan 2006 yang disediakan. Saya didapati SMIDEC menerima peruntukan yang kecil, misalnya bagi Maksud Bekalan ia menerima RM8,663,100, manakala bagi Maksud Pembangunan ia menerima RM59,100 000. Jika diagihkan menurut tempat dan fungsi SMIDEC ternyata ia tidak berupaya bergerak lebih jauh.

Jika berbandingkan berkenaan dan tugas yang dipikul peruntukan tadi memanglah jauh dari mencukupi. Setelah hampir 10 tahun ia ditubuhkan saya tidak nampak peranan SMIDEC begitu menonjol dan membangunkan IKS di negara kita dan pencapaian pengusahaan IKS kita masih belum boleh dibanggakan. Tuan Pengerusi, selain menyediakan khidmat nasihat, bantuan fizikal dan kemudahan kepada pengusaha IKS, SMIDEC mempunyai keupayaan yang terbatas untuk membangun, mengembangkan operasi. Para pengusaha IKS mungkin boleh bernafas lega dengan muncul SME Bank yang boleh membantu pengusaha-pengusaha baru IKS.

IKS yang merupakan lebih 90 peratus dari keseluruhan syarikat dalam sektor pembuatan wajar diberikan tempat yang utama untuk membangunkan pelaburan sektor swasta. Sungguhpun SME Bank baru ditubuhkan pada Oktober tahun ini, 2005 kementerian hendaklah memastikan supaya dielakkan ke arah birokrasi yang berlebihan dalam penyorotan bantuan kepada IKS.

Saya ingin tahu berapakah jumlah IKS yang sudah dibantu, berkembang dan boleh berdikari sendiri yang kita nak sejak SME-SMI SMIDEC diberi tugas membantu IKS dalam tahun 1996 sehingga kini, bagaimanakah hebat sekali tahap pengeluaran

sesebuah industri jika gagal mendapat pasaran yang mantap bagi kekurangan maka industri itu bakal menuju kehancuran. Dalam hal ini, berapakah IKS kita berjaya melepasi halangan pasaran baik dalam atau di luar negara. SMIDEC tidak sahaja menubuhkan khidmat nasihat, mengeluarkan dan membantu fizikal tetapi usaha hendaklah pertingkat untuk memberi bantuan nasihat dan membantu dalam menyediakan rangkaian pemasaran IKS.

Apakah sumbangan SMIDEC dalam membantu IKS. Adakah ia memberi membiarkan IKS terumbang ambing dalam mencari pasaran setia dan pasaran baru bagi IKS. Tuan Pengerusi, saya ingin tanya tugas kementerian berapakah pula industri kecil kita yang berjaya menetapkan diri dalam menubuh industri sederhana dan industri besar. Sungguhpun kerajaan menggalakkan jaringan kerjasama syarikat-syarikat besar dan multi nasional dengan IKS yang ikhlas menyahut seruan kerajaan.

Kerajaan hendaklah memberi insentif tertentu kepada syarikat multi nasional yang menubuhkan jabatan dalam syarikat masing-masing untuk membantu dan membangunkan IKS. Syarikat multi nasional yang besar hendaklah merancang, meningkatkan sesebuah IKS sebelum diberikan insentif itu. Yang terpenting sekali IKS hendaklah diberi status taraf perintis dan menikmati potongan cukai 100 peratus bagi tempoh tujuh hingga sepuluh tahun dan diberikan pengecualian cukai dan duty bagi bahan-bahan mentah yang diimport untuk dijadikan bahan siap termasuk elaun cukai pelaburan.

Saya difahamkan peraturan untuk menikmati taraf perintis adalah juga.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Fong Kui Lun:** Lagi satu ayat Yang Berhormat, ...keluaran tanda diiktiraf oleh MIDA. Bagaimanakah pula kedudukan SMIDEC adalah berkuasa untuk memberi pengiktirafan bagi mendapatkan pengecualian cukai ini. Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Macam inilah jangan terlalu bising kuat macam Ketua Pembangkang itu. [Ketawa] Saya tertarik dengan hujah-hujah yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat. Bagi saya boleh masuk akal sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat apa hendak minta? [Ketawa]

**Tuan Lau Yeng Peng:** Okey, seterusnya tadi Yang Berhormat menyata bahawa SMIDEC. Memang SMIDEC sekarang ini pada masa ini orang kata macam mati tak mati, hidup tak hidup. Okey, untuk membantu IKS ini memang sukar. Bermacam-macam birokrasi, bermacam-macam kerenah birokrasi telah berlaku. Setujukah Yang Berhormat bahawa sekarang ini MITI kalau hendak hidupkan IKS di Malaysia mesti mempunyai satu rancangan yang boleh *revamp* semula, memberi kesedaran yang lebih kepada semua pengusaha-pengusaha IKS negara ini bahawa SMIDEC ini mempunyai tujuan ataupun objektif yang asal ialah untuk membantu IKS dengan tujuan tertentu ini maka harapan kita untuk menghidupkan semula IKS di negara ini dapat dipertingkatkan lagi. Apa komen Yang Berhormat?

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong, saya setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puchong bahawa SMIDEC haruslah bergiat masuk.

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masuk, bersabarlah ya, cakap lembut sikit.

**Tuan Fong Kui Lun:** Memang kita berharap kerajaan khususnya MITI memberi bantuan kepada IKS ini. Memang ini satu hasrat kita.

Tuan Pengerusi, tentang Butiran 030400 - Kerjasama Ekonomi ASEAN, tentang ASEAN khususnya AFTA. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bilakah AFTA ini yang merangkumi polisi kereta khususnya automobil industri, bilakah ini akan dilaksanakan di negara kita sebab kita dapat tahu jiran khususnya Thailand, tidak bersetuju bahawa kerajaan kita tidak melaksanakan industri automobil, bahawa kereta mereka tidak dibenarkan masuk kepada negara kita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Fong Kui Lun:** Lagi ada banyak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu simpan untuk masa akan datang, masa cukup.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Fong Kui Lun:** Boleh minta?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukup, lain boleh simpan untuk masa akan datang.

**Tuan Fong Kui Lun:** Okey, terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Jerai nanti sebab Johor Bahru sudah tunggu lama. Yang Berhormat baru saja masuk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, ya, chairman, chairman.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat baru masuk.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Memang betul saya masuk dulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, betul-betul, Jerai baru masuk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya Alor Setar, tu yang .....  
[Ketawa]

### 3.21 ptg.

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Tuan Pengerusi, saya nak pergi kepada Butiran 030400 - Kerjasama Ekonomi ASEAN dan juga hujah yang disampaikan oleh Ahli Parlimen Bukit Bintang.

Saya rasa apabila kita berbincang tentang soal AFTA dan kita berbincang tentang soal pengimportan kenderaan buatan ASEAN iaitu akibat daripada AFTA, berikutan daripada AFTA bermakna bahawa pasaran kenderaan buatan ASEAN boleh mendapat layanan yang istimewa bagi pasaran AFTA. Tetapi saya nak bertanya dengan kementerian bagaimanakah, atau siapakah, yang menentukan kesahihan komponen 40%, komponen ASEAN itu atau komponen dalam sesebuah kenderaan atau dalam sebuah kereta.

Kita mendengar bahawa apabila sesuatu kenderaan dipasang atau dibuat di negara ASEAN, seantara negara ASEAN, ia mendapat keistimewaan apabila ia mempunyai 40% bahan komponen tempatan. Tetapi badan manakah yang menentukan kesahihan tentang 40% *local component*, dengan izin Tuan Pengerusi. Bagaimana ia ditentukan, adakah ia hanya dari segi material atau komponen yang dipakai dan diguna dalam sesebuah kenderaan atau adakah ia termasuk juga kos pembangunan dan kos penyelidikan yang diperlukan bagi kenderaan yang berkenaan?

Kalau kita masih lagi tak mempunyai satu sistem piawaian untuk menentukan sebenarnya peratusan nilai sesebuah kenderaan itu, bagaimanakah kita boleh melaksanakan soal pasaran yang kita harapkan daripada AFTA ini dan sebab itu saya harap bahawa kementerian melalui Timbalan Menteri boleh memberikan rancangan ASEAN sebagai yang mengendalikan satu pasaran yang sudah bertambah dan bukan sahaja pasaran negara-negara anggotanya, tetapi satu pasaran yang sudah diperluaskan. Tentulah dalam soal ini mesti ada piawaian yang diterima pakai oleh semua negara untuk kita melaksanakan dan menentukan supaya pemasaran dan pengedaran serta pengimportan kenderaan-kenderaan yang dipasang di ASEAN menepati kehendak AFTA itu sendiri.

Tuan Pengerusi, itu sahaja yang saya harap dapat Timbalan Menteri menghuraikan dan saya percaya bahawa Timbalan Menteri memang mampu untuk menghuraikan soal-soal ini, walaupun mungkin ini tidak dipersetujui oleh Ketua Pembangkang yang saya nampak dah mula menjadi sebagai monitor sebuah darjah, ketua darjah, dia asyik mencari tentang kehadiran menteri-menteri. Bagi saya Tuan Pengerusi, Timbalan Menteri yang bijaksana pun asal dia mampu menjawab memberi soalan yang baik kita menerimanya dengan baik. [Tepuk] Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kuala Selangor, dia lebih awal daripada Jerai juga.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Betul Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Nanti saya ambil nomborlah. [Ketawa]

**3.26 ptg.**

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Saya turut mengambil bahagian untuk membahaskan dan menyentuh Butiran 040000 - Pembangunan Perindustrian dan 050000 - Lembaga Kemajuan Malaysia (MIDA) yang ada kaitan dengan dasar perindustrian negara dan juga usaha MIDA untuk membawa pelabur tempatan juga luar negeri. Selangor sudah menjadi negeri maju, negara akan menuju negara maju menjelang tahun 2020 dan sektor perindustrian merupakan pemangkin kepada kemajuan yang berkenaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tangga Batu bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya Kuala Selangor, saya sedap dengar Selangor dah jadi negeri maju. Boleh tak saya tahu apakah *performance* negeri Selangor pada hari ini dari segi penempatan kepada piawaian antarabangsa yang mengatakan *the key performance indicator*, ciri-ciri tu yang telah menepati Selangor ini sebagai negeri maju. Dari segi fizikal, jasmani, dan rohani, pembangunan jasmani dan rohani, itu saya nak tahu.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jawapan 10 minit cukupkah?

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Jawapan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan jawab hari Isnin menyentuh soal yang saya bangkitkan mengenai negeri maju, maksudnya Selangor.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Bagi memastikan dasar pembangunan yang seimbang di antara bandar dan luar bandar, tumpuan sektor perkilangan atau pembangunan perindustrian bukan sahaja di kawasan Lembah Kelang, kementerian harus melihat supaya daerah luar bandar seperti Kuala Selangor, Sabak Bernam, tidak menekankan pembangunan perindustrian bagi daerah-daerah umpamanya di Petaling, di Kelang, Ulu Langat yang mana hari ini Kuala Selangor juga dari segi infrastruktur dah lengkap. Jalan Persekutuan sudah di naik taraf, perjalanan cepat, laju, lori atau kontena boleh bawa barang laju ke pelabuhan ataupun ke *airport*.

Ia merupakan satu tarikan, apa yang jadi masalah kita pada hari ini menyentuh soal dasar perindustrian negara ialah soal wujudnya kilang halal jelaslah, kilang-kilang haram yang tumbuh banyak di luar bandar khususnya di Kuala Selangor, apatah lagi yang mencemarkan alam sekitar, parit, sungai dan sebagainya. Kaedah mana kementerian boleh membantu khususnya kerjasama dengan kerajaan negeri untuk mengawal keadaan ini, dan dengan pertumbuhan kilang-kilang baru yang kita galakan tanpa mengabaikan kilang lama.

Saya nak menyentuh sebuah kilang SANYO di Kuala Selangor yang telah beroperasi selama 8 tahun, mengeluarkan komponen elektronik telah ditutup tahun 1999 yang menyebabkan seramai 4,000 pekerja tempatan hilang pekerjaan. Saya nak tahu kenapa perkara ini berlaku, adakah kerana *finance* status, dengan izin dan juga *tax incentive*, dengan izin yang diberikan oleh kementerian tidak cukup menarik minat mereka untuk kita mengikat mereka tidak memindahkan operasi ke negeri China kerana kos pembuatan yang rendah berbanding dengan negara kita.

Oleh sebab di Kuala Selangor yang menganggur termasuk kita nak bela ibu-ibu tunggal tak kurang 2,000 orang, saya pun dah berbincang dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada potensi jadi menteri, dan beliau telah mengarahkan MIDA untuk melihat perkara ini membantu membawa pelabur sama ada dari luar atau dalam

bagi mengisi kekosongan berkenaan. Untuk maklumat sedikit sebanyak bagi rujukan pihak MIDA dan kementerian, keluasan kawasan kilang yang kalau dibiarkan berterusan lama lapuk, melibatkan tanah 160 ribu kaki persegi kilang masih kukuh, hak milik tanah persendirian, harga sewa tanah cuma 80 sen kaki persegi.

Saya harap ada tindakan susulan dan saya bersedia membantu untuk memastikan ada gantian kilang yang berkenaan. Di samping itu, saya harap pihak kementerian juga dapat melihat dasar tenaga kerja yang mana hari ini keutamaan diberikan kepada pekerja asing untuk bekerja di kilang-kilang. Ada sesetengah kilang itu pula terpaksa memberhentikan pekerja tempatan yang bertentangan dengan dasar. Ini berlaku di beberapa buah kilang di Kuala Selangor dan agar siasatan dapat dilakukan oleh pihak-pihak yang berkenaan atau kementerian yang bersangkutan untuk memastikan tindakan yang sewajarnya dapat diambil, dan untuk memastikan bahawa anak di buaian tidak dibiarkan mati kelaparan kera di hutan disusui. Inilah yang saya harapkan supaya agensi seperti MIDA ini dapat memainkan peranan yang lebih berkesan untuk memastikan bahawa negara menuju Negara Perindustrian Negara Maju di tahun 2020, termasuk bukan sahaja di Selangor tetapi di Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak juga akan menjadi negeri maju menjelang tahun 2020. Sekian, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jerai.

**3.31 ptg.**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap tentang Kepala 040000 - Pembangunan Industri, sekali dengan 040100 - Dasar Pelaburan dan Perkhidmatan Perkilangan, 040200 - Dasar Sektor dan Perkhidmatan Industri dan 040300 - Penyusunan Semula Syarikat dan Penyelarasan Industri.

Tuan Pengerusi, akhir-akhir ini bila saya tengok macam-macam perubahan berlaku di dalam struktur perindustrian dan sebagainya. Ada yang mengatakan kita mengejar kemajuan. Ada yang mengatakan kita terpaksa bersaing dengan negara-negara asing tetapi yang pentingnya, Tuan Pengerusi, apa juga yang kita buat baliknya keuntungan mestilah kepada rakyat dan negara kita. Kita tidak sepatutnya melakukan sesuatu apa jua dasar sekalipun kerana hendak menunjukkan kebaikan kita maka kita mengalah dengan sesuatu benda dan akhirnya kita akan dijajah.

Yang saya takut zaman moden sekarang ini ialah penjajahan ekonomi yang dilakukan oleh negara-negara besar, yang akhirnya kita akan berada di bawah tapak kaki mereka. Mereka tidak menghantar peluru berpandu, mereka tidak menghantar bala tentera tetapi mereka menghantar duit untuk membeli ekuiti, membeli apa sahaja yang ada di dalam negara kita ini yang telah dibangunkan dengan bantuan kerajaan dan sebagainya dan akhirnya kita akan melutut kepada mereka. Ini telah dapat kita lihat, negara-negara jiran kita .....

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Baru balik dari Kelantan, kempen di Kelantan. Terima kasih, Yang Berhormat. Negara-negara jiran kita melutut kepada Barat hari ini. Melutut kepada negara-negara besar hari ini disebabkan oleh kononnya dasar terbuka .....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, boleh mencelah sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Larut.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat bagi Larut kena bagi, Tuan Pengerusi.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Walaupun kita bercakap dalam soal MITI - perindustrian, baru-baru ini timbul tentang penjualan 7 buah hospital di bawah satu kumpulan yang berpangkalan di Amerika, akhirnya kita hilang ekuiti pegangan. Apakah Yang Berhormat melihat ini sebagai satu amaran, loceng kecemasan, sebagai ingatan kepada kita bahawa kita mestilah berwaspada tentang pegangan ekuiti, yang akhirnya bila hilang kita juga akan hilang pegangan dan kita akan dijajah semula di sudut ekonomi. Apakah itu satu contoh sebagai huraian Yang Berhormat dalam penjajahan baru ini? Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Pengerusi, ia sekarang ini sudah ke tahap ICU, yang kita tidak tahu benda ini setakat mana lagi. Kita tidak mahu satu hari nanti kita jadi *base* untuk mengaut keuntungan oleh negara-negara besar memperlakukan rakyat kita, memperlakukan kerajaan, memperlakukan *government link company* dan sebagainya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya sambung lagi sikit. Sikit lagi. Kalau begitu saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat dan Yang Berhormat mungkin setuju supaya disegerakan penubuhan sebuah badan, bukan sahaja pengawasan, pemantauan untuk bertindak ke atas mana-mana pegangan bumiputera, hak milik tempatan. Apakah pertolongan yang perlu diambil ke atas mereka ini yang mungkin mereka ini kita tidak tahu perjalanan mereka. Apa pandangan Yang Berhormat, perlu disegerakan oleh pihak kerajaan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini khusus dan perlu disegerakan walaupun kita tidak buat usul. Saya bersetuju. Kalau kita kaji balik sejarah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dahulu kita ada Unit Penyertaan Bumiputera. Ditubuhkan oleh kerajaan untuk memonitorkan perjalanan syarikat-syarikat bumiputera dalam memegang ekuiti, dalam memindah ekuiti dan sebagainya. Tetapi sekarang ini kerana kita berasa kita sudah okey, kalau kita hendak tunjuk kepada dunia luar kita baik, *we are very friendly, come, come invest here and go*, lepas itu mereka pergi.

Apabila mereka tengok kos meningkat dan sebagainya, mereka tinggalkan kilang dan sebagainya. Sebab itu pelabur asing tidak pernah beli aset. Dia sewa aset. *Nestle* yang bertapak di Malaysia, berpuluh tahun, cap burung yang kita makan, yang anak cucu kita minum susu cap junjung itu, ia tidak beli aset, sampai hari ini ia sewa kerana *when times come they got to. They pack and they go*, Tuan Pengerusi. Jadi inilah yang harus kita fikirkan. Macam hospital tu, kita bagi tanah kononnya atas dasar itu, dasar ini, kita bagi benda itu kita bagi benda ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak minta sedikitlah, tadi kot masa saya terhad, Tuan Pengerusi bagilah masa kecederaan atau pun masa kelukaan sedikit, ya.

**Tuan Lau Yeng Peng:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Lebih seminit. Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng:** [Ketawa] Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Jerai. Saya ada pendapat yang berbeza sedikit dengan Yang Berhormat bagi Jerai mengenai penjajahan ekonomi. Dalam dunia sekarang ini salah satu faktor mengapa Malaysia kita ini daya saingnya semakin hari semakin menurun ialah kerana ketidakterbukaan kita, sektor-sektor tertentu kepada dunia luar.

Sebagai contoh, baru-baru ini 27 Oktober 2005, *Construction Bank of China*, salah satu bank terbesar di China telah membuka pintunya untuk dimiliki oleh bank-bank dunia yang lain seperti SSBC, Standard Chartered Bank, Bank of America dan sebagainya untuk mendapatkan kepakaran mereka untuk mempertingkatkan lagi ekonomi. Tetapi kalau kita masih berpandangan ataupun idea-idea yang tutup ini, saya takut satu hari nanti kita akan menjadi semakin hari semakin mundur. Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih. Ini pandangan yang baik dan kurang baik pun ada. Ada dua-dua. Yang baik itu memang. Kita negara sudah maju, membangun dan maju. Kita sudah ada banyak *expertise*, kita sudah banyak. Kita tengok, bukanlah saya hendak *criticize*, Chartered Bank, Hong Kong & Shanghai Bank, Bank of America, apa sosial *'contribution'*nya kepada negara kita? Ia tidak buka cawangan di kampung, ia tidak buka cawangan di bandar kecil-kecil tetapi dia buka cawangan di bandar-bandar besar kerana di sini kaut keuntungan. Apa yang dibuat untuk *returned* kepada rakyat kita? Sedangkan bank-bank kita inilah, sondollah, pergilah cawangan itu, cawangan ini untuk buka cawangan untuk beri perkhidmatan kepada rakyat. Mereka tidak buat. Mereka datang sini. Kita boleh terima bukan kita kata tertutup .....

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Lipis hairan!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kita terima tetapi dengan syaratnya kita juga ada ekuiti dalam itu dan kita kawal ekuiti itu, jangan terlepas. Tuan Pengerusi, ini kerana duit kita jual.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Lipis, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Lipis. Di belakang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** [Ketawa] Allah! Tak bagi kawan, Tuan Pengerusi. Lain kali saya minta dia tak bagi. Ambillah.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Bank luar negara ini bukan setakat ia dibuka di bandar sahaja, Yang Berhormat bagi Jerai. Tetapi kalau ada tempat yang ditutup terus. Contohnya macam di Lipis, oleh kerana dahulu pada satu masa adalah ibu negeri Pahang, jadi ada Hong Kong & Shanghai Bank (HSBC) tetapi sekarang sudah tutup dah sebab Lipis sudah tidak jadi ibu negeri agaknya. Jadi semua pelanggan yang ada di Lipis terpaksa pergi ke Raub. Saya sangat bersetujulah dengan apa yang Jerai kata bahawa sumbangan, *social contribution*, dengan izin, itu tidak ada. Bagaimana kita hendak mendapatkan *social contribution* daripada mereka ini, Yang Berhormat bagi Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Itu pandangan Yang Berhormat bagi Lipis yang saya sangat setuju. Saya hendak minta kementerian wujudkan balik unit penyertaan bumiputera. Bila kita kata, "No, no, no we can manage, kita boleh control pep, pep, pep, pep", jawab macam itu, kita pun tidak boleh hendak cakap. Kita tanya lagi, "Pep, pep, pep, pep", macam peluru jawab, jadi kita hendak beri pandangan tidak boleh. Apa salahnya unit ini di tubuh, *then monitorlah*. *Open*, kita *open* pasal zaman moden ini kita kena buka. Tetapi jangan kita buka sampai hak kita tergadai, maruah kita tergadai dan akhirnya kita akan melutut kepada mereka. Kita tidak boleh, kita tidak boleh macam itu. Kita kena ingat anak cucu kita. Tidak mahu anak cucu kita tidak lama orang Putih dia sepak ke, dia ludah ke, dia tendang anak cucu kita. Masa itu kita hendak angkat dia pun tidak boleh pasal kita duduk bawah dia, "Yes sir, yes sir."

Saya biasa tengok sendiri, Tuan Pengerusi, syarikat milik Malaysia apabila dijual kepada Mat Salleh, orang Malaysia yang duduk jadi eksekutif itu sekarang ini duduk di luar. Mat Salleh masuk duduk dalam cermin itu. Sedih saya tengok. Itu masa kita merdeka, kita memerintah, teraju kerajaan kita, ekonomi kita pegang. Dia mari beli satu syarikat sahaja. Akibatnya si Melayu, si India ke, rakyat Malaysia duduk di luar. "No, that is my place, not your place anymore", dia kata. Kita boleh buat apa? "Okay, sir. Thank you, sir." Dia bagi VSS, hang pergilah cari makan. Ha, satu. Jadi penajahan ekonomi.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, boleh saya tanya sedikit. Sedikit sahaja.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ha? Sekejap lagi Tuan Pengerusi bagi Yang Berhormat bagi Larut pula cakap ya. [Ketawa]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Dahulu, kita sudah ubah dasar kita. Selepas kita merdeka kita sudah ambil alih semua pegangan ekuiti syarikat-syarikat luar termasuk perladangan, apa juga. Tetapi hari ini berlaku di sebaliknya. Di mana silapnya? Di mana silapnya? Kalau kita kata kita tidak ada kongres bumiputera, kita sudah buat sembilan dan sebagainya tetapi di mana silapnya. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat sebagai orang kuat Dewan. Tidak tahulah Dewan Malaysia atau Dewan Negeri Kedah. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila pendekkan. Ucapan Yang Berhormat sudah menjangkau kepada dasar.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Pengerusi, saya bukan boleh terkejut, Tuan Pengerusi. [Ketawa] Saya tidak boleh terkejut.

**Tuan Pengerusi:** Ya, akhirlah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, ya. Tuan Pengerusi saya cakap ini. Yang silapnya pasal pengkhianatan kerana duit. Hendak kaya cepat. Sudah kaya pun hendak kaya cepat. Pakai dah *Mercedes* besar, hendak pakai *Lamborghini* pula. Orang Melayu kita pun kadang-kadang sudah lupa daratan. Dia kira duit dah. Dia tidak kira bangsa, tidak kira perjuangan, tidak kira apa. Dia punya matlamat duit. *When I'm rich, nobody can't touch me.* Aku jual hak bangsa aku, aku jual negara aku, aku punya hal. Anak cucu aku, duit ada, cukup makan. Anak cucu hangpa, hangpa punya pasal. Konsep ini kalau ada, Tuan Pengerusi, lingkup. Okey Tuan Pengerusi, saya hendak balik kepada Tuan Pengerusi.

Lagi satu saya hendak tanya tentang Perwaja. Perwaja ini milik kerajaan dahulu diberi kepada satu syarikat. Kemudian hari ini depa jual pula kepada Syarikat King Ki Sdn. Bhd. sebanyak 51%.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail:** Itu dia.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya hendak tahu King Ki ini satu hari dia akan jual pula Kim Ho, King Singapore, King apa pula ke. Ini cara baru Tuan Pengerusi. Dia melalui *local*, domestik lepas itu dia terus pergi ke *international flight*. Kita tidak sempat tangkap. *Last* sekali kata, "Tidak, tidak, tidak, saya jual kepada rakyat Malaysia".

**Tuan Pengerusi:** Dasar terbuka, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Dasar terbuka.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dasar terbuka, Tuan Pengerusi tapi asal duit rakyat Tuan Pengerusi, Perwaja ini. Asal duit rakyat, berbilion kerajaan *right off* kerana hendak tolong orang Melayu konon. Sekarang dah jual dah, harga RM300 juta dalam bulan Oktober daripada Maju Holding. Tidak tahulah saya hendak beritahu sahaja.

Lagi satu Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu Tuan Pengerusi, pasal syarikat-syarikat kereta. Hari itu saya bercakap dalam dasar baru ini saya difahamkan kerajaan akan melihat supaya pengedar-pengedar ini dapat diberi sedikit keuntungan untuk mereka menguruskan perniagaan. Kilang tidak akan berjaya menjual kereta mereka kalau pengedar tidak dijaga dengan baik. Kita tengok kadang-kadang Syarikat Proton dia tidak jaga pengedar.

Dalam pemasaran ini, pengilang hanya mengeluarkan tetapi yang mengedar itu harus dijaga. Seperti itu juga dengan Perodua. Perodua ini bukan milik kita. Milik kita hanya dari segi pemasaran. Tetapi dari segi pengeluaran adalah milik syarikat Jepun. Yang ini kita kena terima hakikatnya. Timbalan Menteri kalau tidak betul perbetulkan saya. *Manufacturing* Perodua adalah milik syarikat Jepun. Dari segi pengedaran, *yes*, ekuitinya 51:49 menunjukkan bahawa Malaysia *based company*. Tetapi tahu tidak di dalam penjualan dan pengagihan kereta, Tuan Pengerusi, pun ada korupsi. Kalau kereta yang jenis laku, Tuan Pengerusi, hendak-hendak pula kena bayar duit kepada orang yang jaga bahagian pengagihan kereta ini.

Saya hendak minta kementerian *check* balik Syarikat Perodua. Pastikan pengedar-pengedar ini boleh hidup. Ini jual kereta, Tuan Pengerusi, untung RM600 sebiji. Sebuah kereta jual untung RM600. Modal kereta itu lebih kurang RM40,000 hingga RM50,000. Untung RM600. *Showroom* yang hendak suruh syarikat bumiputera buat itu RM300,000 lebih dan semua kena ambil daripada Syarikat Perodua, daripada agen Perodua. Kalau agen Alor Setar hendak cari tukang Alor Setar buat, tidak boleh pakai. Kalau agen di Sabah hendak ambil tukang di Sabah buat, tidak boleh. Hendak kena ambil daripada Kuala Lumpur. Ini adalah satu lagi orang kata tekanan kepada pengedar-pengedar bumiputera oleh Jepun yang memperalatkan Melayu yang bekerja dalam itu untuk menekan bumiputera sendiri. Perkara begini kalau kita biar, Tuan Pengerusi, akhirnya apa akan jadi kepada kita.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Oh, kita banggalah Perodua, Tuan Pengerusi, buatan Malaysia, tidak apa. Tetapi modal RM20,000 hingga

RM30,000 hendak untung RM600, Tuan Pengerusi, cuba fikir tengok. Kemudian *showroom* suruh buat sampai RM300,000 lebih.

Saya tengok Syarikat Kia buat keluar kereta di Gurun, *showroom*nya tepi jalan, letak sahaja, juallah kereta. Tidak payahlah sampai berpuluh-puluh ribu. Ini hendak televisyen sampai besar yang kita ada ini, Tuan Pengerusi, dalam Dewan ini. Kalau mari belah kampung, belah Yan, belah Gurun ini orang kampung tengok besar itu pun dia terkejut dah. Dengan cermin keliling. Dia belah cermin orang kampung. Jadi tengoklah gred. Kalau dalam bandaraya Kuala Lumpur, tidak apalah. Kalau di kampung itu kelas bank pun ia ada ABC, Tuan Pengerusi. Kalau di Kuala Lumpur gred A. Okey, *renovation*nya macam ini. Ini kalau kita tidak buat, *no supply of car*. Dia *harass* pengedar-pengedar bumiputera, Tuan Pengerusi. Dia *harass*nya dan ada syarikat daripada Sarawak boleh dapat 500 biji kereta dan syarikat di sini tidak dapat. Sebab itu saya kata kita memerlukan unit pernyataan bumiputera untuk monitor perkara ini. Kalau tidak....

**Tuan Pengerusi:** Baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** .....akhirnya terhakis kita ini.

**Tuan Pengerusi:** Baik, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ha? Penat sedikit, Tuan Pengerusi. Lagi sedikit saya hendak habis sedikit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Terpaksa berhenti.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kepong duduk, Kepong. Nanti. [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*] Sedikit lagi ini. Tuan Pengerusi, saya berharap Tuan Pengerusi dua benda ini. Dahulu saya bising pasal Proton. Akhirnya ia menjadi kenyataan. Bukan kata benda tidak berlaku, berlaku.

Sekarang saya hendak bercakap pula pasal Perodua. Saya minta pihak kementerian jangan kata yang ini khazanah negara, yang ini, yang nun, yang ini. Kalau kita kata sat yang ini khazanah negara pasal syer khazanah negara. MITI jaga yang nun, jaga yang ini. Siapa dia? Semua ini kerajaan kita, Tuan Pengerusi. Pakatlah elok-elok. Tolonglah bumiputera kita. Tolong pengedar-pengedar ini yang menghadapi tekanan-tekanan ataupun penjajahan ekonomi ala moden yang tidak kita sedari.

**Tuan Pengerusi:** Ya, baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih banyak Tuan Pengerusi. Assalamualaikum.

**Tuan Pengerusi:** Hulu Langat.

**3.49 ptg.**

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi kebenaran kepada saya untuk terlibat sama dalam membincangkan tentang Maksud Bekalan 24. Saya akan menyentuh berkenaan dengan Butiran 07000 – Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Negara atau dalam bahasa lainnya, MATRADE.

Tuan Pengerusi, MATRADE telah ditubuhkan pada lebih kurang bulan Mac 1993 sebagai sebuah jentera promosi perdagangan Malaysia di luar negara yang mempunyai misi bagi membangunkan dan mempromosi eksport Malaysia kepada seluruh dunia dan antara lain fungsi-fungsi MATRADE ini ialah untuk mempromosikan, membantu, membangun perdagangan luar negara, memformulasikan dan melaksanakan strategi pemasaran dan sebagainya.

Merujuk kepada dasar MATRADE mereka telah menumpukan kepada lebih kurang 10 *key export industries*, dengan izin Tuan Pengerusi, yang menumpukan kepada pengusahaan automotif, *chemical*, *electrical*, keluaran berasaskan kelapa sawit, barangan plastik, barangan getah, tekstil dan barangan berasaskan kayu. Saya ingin menyatakan di sini bahawa ini adalah merupakan *target* utama MATRADE dalam mempromosikan produk dalam negara ke dunia luar. Soalan saya Tuan Pengerusi, adakah dalam setiap *key export industry* ini, barangan jenis manakah yang telah mendapat kejayaan yang paling baik, penerimaan yang di luar negara, dan satu

perkara yang menyentuh perasaan saya ialah setakat manakah penglibatan bumiputera dalam menghasilkan barangan dan berjaya mengimport ke luar negeri.

Saya difahamkan juga bahawa pedagang-pedagang bumiputera atau pengusaha-pengusaha bumiputera tidak mendapat layanan yang baik, malah ada di kalangan mereka disebabkan berlakunya kerenah birokrasi serta kekurangan insentif modal akibatnya mereka hanya mengehendkan pengeluaran serta pemasaran mereka ke dalam negara dan tidak dapat mengembangkan pasaran mereka ke luar negara seperti yang sepatutnya dilaksanakan oleh MATRADE sebagai institusi Yang Berhormat menghubungkan di antara pedagang dalam negeri dengan pelanggan luar negara. Adakah MATRADE juga mengambil posisi sebagai badan penilai atau badan penguji yang menjaga kualiti serta produk keluaran yang dihasilkan oleh pengusaha-pengusaha dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin pula menyentuh berkenaan dengan Butiran 090200 iaitu dasar baru bagi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)...

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya, Lipis.

**Tuan Markiman bin Kobiran:** Ya, sila.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat, saya hendak bertanya di sini berkaitan dengan MATRADE ini sejauh manakah MATRADE selaku badan yang mempromosikan barangan Malaysia bersungguh-sungguh mempromosi kereta buatan tempatan ke luar negara sehingga penjualannya berkesan atau menguntungkan. Sejauh manakah mereka bersungguh-sungguh, bukan setakat melaksanakan tugas kerana terpaksa dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Markiman bin Kobiran:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Saya minta Timbalan Menteri yang menjawab soalan tersebut selepas ini. Saya teruskan dengan MIDA ini berkenaan dengan aktiviti yang ke-14 yang dikatakan sebagai penggalakan pelaburan tempatan. MIDA dikenali sebagai sebuah badan khas yang menggalakkan pelaburan bukan sahaja pelaburan daripada luar negara tetapi juga pelaburan daripada tempatan. Saya hanya ingin menyentuh perkara spesifik berkenaan dengan galakkan pelaburan tempatan.

Tuan Pengerusi, saya mendapat rungutan, serta teguran dan pandangan daripada para pelabur tempatan yang kurang mendapat layanan daripada rakan-rakan kita di MIDA. Insentif pelaburan yang diberi tidak begitu kreatif, tidak sesuai dengan keadaan setempat mereka dan idea-idea yang tidak kreatif ini telah kekal, itu sahajalah berulang kali, berulang tahun yang diamalkan oleh MIDA sejak tahun awal 1990-an. Kompetitif persaingan dalam perniagaan dan perladangan sentiasa berubah dari masa ke semasa. Saya mengharapkan supaya MIDA mempunyai pandangan yang jauh bagi merangka produk-produk baru supaya para pelabur tempatan ini, anak kita sendiri Tuan Pengerusi, yang seharusnya kita jaga dengan baik, yang seharusnya kita bimbang mereka, yang seharusnya kita beri segala kemudahan yang ada di negara ini supaya mereka terus kekal sebagai pelabur tempatan yang sedikit sebanyak mempunyai hati dan perasaan.

Sebagai orang Malaysia dan sesudah itu mereka mempunyai semangat untuk kembali berkhidmat seperti yang dikatakan oleh Jerai tadi semangat untuk berbakti kepada negara dan tanah air mereka sendiri. Mereka menghadapi masalah *red tapes*, peniaga-peniaga serta pelabur atau pedagang tempatan ini tidak mendapat layanan yang sama rata. Malah ada seketikanya layanan yang diberi kepada pelabur-pelabur asing ini jauh lebih baik daripada layanan yang diberi kepada pedagang-pedagang tempatan. Saya ingin menarik perhatian pihak kementerian kepada satu contoh sebuah kilang yang ingin memperbesarkan perniagaan mereka, pengeluaran mereka yang dijangka akan melabur lebih kurang 50 juta di negara ini. Akibat daripada layanan yang tidak memuaskan, akibat daripada kerenah birokrasi, akibat daripada kurangnya insentif-insentif baru mereka telah meninggalkan negera ini dan pergi ke sebuah negara lain yang jauh lagi baik insentifnya. Adakah kita harus terus menarik pelabur luar sementara pelabur-pelabur kita....

**Tuan Lau Yeng Peng:** [Bangun]

**Tuan Markiman bin Kobiran:** Sila.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Saya ada satu contoh lagi, iaitu sebuah kilang MMC yang besar di negara ini telah melabur di negara ini dalam lebih 20 tahun tetapi kerana kerenah dan juga sikap setengah-setengah pegawai di MITI dan sebagainya mereka telah beralih ataupun *reinvestment* mereka telah beralih ke negara lain iaitu negara Thailand, di Thailand. Ini telah mengakibatkan banyak kehilangan pekerjaan dan sebagainya dan adakah Yang Berhormat setuju bahawa selain daripada skim-skim yang kita mesti dikaji semula di bawah MIDA dan juga sikap serta perangai setengah-setengah pegawai yang bertugas untuk berhubung dengan pelabur terpaksa kita ubah sedikit sikap dan apakah pandangan Yang Berhormat bagi Hulu Langat?

**Tuan Markiman bin Kobiran:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Puchong, saya setuju dan saya berharap bahawa sifat dan sikap sedemikian yang banyak merugikan serta mengakibatkan pelabur-pelabur tempatan merasa seolah-olah mereka tidak dilayan, tidak diberi perhatian, tidak mendapat sokongan dan galakan mereka pula meninggalkan tanah air sendiri dan ini sangat merugikan, Tuan Pengerusi. Saya berharap usaha baru mesti dilaksanakan untuk menggalakkan pelabur-pelabur tempatan untuk terus kekal di negara ini di samping kita mengekalkan pelabur-pelabur luar negara dan menarik pelabur-pelabur baru ke negara kita.

Tuan Pengerusi, itu sahaja yang dapat saya katakan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Puchong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Maaf, Kepong, sila Kepong.

3.59 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, Tuan Pengerusi, Butiran-butiran 030000, 040000, 050000, kalau boleh ada masa 070000, 080000...

**Tuan Pengerusi:** 10 minit ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Banyak, ada banyaklah kerana saya tidak mahu sebutkan lagi kerana masa yang singkat.

Tuan Pengerusi, yang penting sekali mengenai MATRADE, saya sering kali membangkitkan, MATRADE memang mempunyai peranan yang penting untuk menarik, menggalak dan mengaturkan perniagaan dan perdagangan dan juga pelaburan daripada negara-negara luar. Tetapi yang penting sekali, yang lebih penting pada saya ialah kita punya bangunan MATRADE. Tuan Pengerusi pun pernah pergi kita bersama-sama untuk menyaksikan kedudukan bangunan MATRADE itu. Malanglah.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan sahaja terbenkakai, tidak bergerak langsung. Tembok pun, kualiti itu, kertas sahaja adanya. Adanya. Tembok dia itu kertas sahaja. *[Ketawa]* Ada juga. Setakat ini Tuan Pengerusi, saya nampak tidak siap lagi. Entah berapa kali PAC pergi. Tiga kali, tiga kali kita pergi dan bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita, yang pertama, jumlah wang yang digunakan untuk membina bangunan MATRADE, dan bilakah bangunan akan disiapkan dan adakah MITI akan menggunakan bangunan itu?

Pada satu ketika, MITI putus asa, dia serahkan bangunan ini kepada JKR. Sekarang tak tahulah, sama ada ada berminat lagi untuk itu bertapak di MATRADE. Bangunan MATRADE yang tidak menggalakkan. Kalau itulah kita menguruskan, mengendalikan bangunan MATRADE, macam mana, cuba bayangkan kita dapat menarik perdagangan daripada luar. Sebab itulah saya nak tanya Yang Berhormat apakah kedudukan Malaysia di dalam dunia perdagangan ini? Sama ada kedudukan yang ke 18, ataupun kedudukan yang nombor 10, ataupun sekarang sudah turun dah seperti itu kedudukan Universiti Malaya sekarang, teruk sekalilah Tuan Pengerusi.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Minta penjelasan sedikit, boleh Kepong?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Nak masuk ke penjara atau ke pusat tahanan di Kamunting? *[Ketawa]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tak palah, Kepong dah masuk, cukuplah tu. *[Ketawa]* Kepong dah pernah duduk dalam ISA, ceritalah kami sikit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak kiralah apa, tapi ada dua jenis di situ.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sebab itulah..

**Tuan Pengerusi:** Boleh beri tak boleh?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Boleh.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Itu sebabnya, pembangkang ni dalam kepalanya, tak ada lain, perkara yang tak elok je. Patutnya Yang Berhormat bagilah cadangan, kalau ada berlaku kelemahan. Bukan nak bagi hanya kritikan, pandangan... Saya nak bagi minta penjelasan, Yang Berhormat minta sabariah sikit! Yang Berhormat cerita tadi dalam PAC.

Sudah bawa perkara ini dalam PAC, bagilah teguran! Bagi pandangan dan cadangan! Bukannya hanya setakat nak *condemn*, inilah kerja pembangkang! Kepong dah lima penggal dah, tak ada satu benda yang baru yang dibawa oleh Kepong. Cuba Kepong bagi benda yang elok-elok sikit!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Enam penggal dah! Tak ada, tak ada itu...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya ingat Kepong dah duduk dalam Kamunting, dah cukup dah. Sekurang-kurangnya mendidik Kepong menjadi seorang *Parliamentarian* yang sebegitu cemerlang. Tapi tidak sebaliknya, minta penjelasan daripada Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ia berlarutan, memang biasalah. *History* pun tahu kita buat cadangan. Untuk menyiapkan bangunan MATRADE tu. Cadangan yang bernas sekali, yang bernas sekali. Yang keduanya, kita hendak tahu kedudukan Malaysia di dalam dunia perdagangan sekarang.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Saya nak tahu sikit mengenai bangunan MATRADE ini. Saya ingat, kalau kita hanya plan dengan izin, MATRADE sana tak adil sebab bangunan ini didirikan oleh, diluluskan oleh - saya ingat Kementerian Kewangan, lepas tu JKR yang ambil alih. So, saya ingat saya nak minta penjelasan sikit, apakah kaitan bangunan MATRADE dengan MATRADE? Sekarang ini dia yang jadi pengguna di akhirnya, bukan mereka yang di sana. Apakah penjelasan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Puchong pun ada asas juga bila dia sebutkan ini yang menguruskannya bukan MITI pada mulanya. Pada mulanya. Tapi bangunan ini akan digunakan oleh MITI. Bahagian MATRADE, MATRADE dan juga peruntukan itu, diberi kepada MITI. Peruntukan diberi kepada MITI, dan hari ini kita membahaskan masalah peruntukan yang diberikan kepada MITI. Itu yang berkaitan, itu berkaitan. Seterusnya saya hendak bangkitkan sedikit sebanyak mengenai produktiviti dan cara pelaburan di negara ini. Setiap negara mempunyai sistem sendiri. Misalnya, itu Korea. Korea itu Tuan Pengerusi pun biasa dengan Korea. Korea dia sistem persendirian dan bila dia melabur dalam Malaysia ini, dia cepat-cepat dalam tempoh empat, lima tahun, dia nak pulangan yang baik, dia pun jual apa yang dia perolehi di sini dan balik ke Korea. Itu cara dia. Cara dia.

Tapi saya hendak tahu macam mana dengan produktiviti, dengan cara untuk syarat-syarat untuk pelabur, kita tak bolehlah seperti Jerai sahaja. Dia itu sentimen yang kuat untuk tempatan sahaja. Kalau dia nak pergi dengan MATRADE untuk menarik pelabur, saya ingat satu pun tidak kan dapat. Kosong, sifar tu, Tan Sri. *[Ketawa]* Saya tahu masanya singkat Tuan Pengerusi dan saya hendak tahu kalau kita hendak ..

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, minta sedikit penjelasan, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sudah tak dak masa dah. Satu kali cukup dah lah. Tak kan nak masuk ke penjara dua tiga kali.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tak, saya minta sikit je. Saya minta penjelasan, kalau Yang Berhormat nak bagi, bagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jangan berlarut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak, tidak. Yang Berhormat, tolonglah bagi fakta yang munasabah sikit Yang Berhormat. Yang kita dapat pelaburan hari ini, semua yang diwakili oleh Barisan. Yang kita gagal, ialah kerana kita ada pembangkang macam Yang Berhormat. Buat kacau je!

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini bukan kacau, ini bukan kacau. Setiap negara mesti ada sistem. Sistem pelaburan di negara kita. Kita mesti ada, berbanding dengan negara yang lain kerana kita bersaing. Kita nak produktiviti. Kita nak tahu sebab apa ada syarikat yang bertapak di Malaysia, mengapa dia pindah ke sana? Kita nak tahu.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sebab kalau Yang Berhormat pergi, dia orang takut! Yang Berhormat pernah duduk dalam ni, ISA ni, tu dia orang takut tu!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan takutlah!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat..

**Dr. Tan Seng Giaw:** Larut patut pergi ke Kamuntinglah!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kepong boleh Kepong?

**Dr. Tan Seng Giaw:** ... *injury time* Tuan Pengerusi ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Kepong. Pertamanya, tak patut mengata di belakang orang. Bila saya tak dak tadi, Yang Berhormat kata kat saya, tapi saya dengar. Yang Berhormat, saya bukan marah pelabur masuk. Tapi saya nakkan kita pertahankan ekuiti dan hak kita. Itu maksud saya. Maknanya, kita open. Tapi janganlah hak kita terdai dan terjual. Jadi, Yang Berhormat salah faham! *[Ketawa]* Jangan salah faham Yang Berhormat. Lagi satu Yang Berhormat, kita dok tengok la ni. Syarikat Singapura dok beli sikit, sikit, hak kita. Beli di sana, beli di sini, sedangkan dia dah tekan kita macam-macam. Inilah pandangan saya untuk kebaikan kita Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baik, baik, baik. Jerai, kalau itulah pandangan, itu saya boleh terima.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, bolehlah..

**Dr. Tan Seng Giaw:** Serah kepada orang kita, MITI dan semua kementerian kita. Kita latih orang kita supaya orang kita beriltizam, berdedikasi. Kalau orang kita tak jualkan negara, macam mana dia dapat dijual? Orang kita .. Kalau orang Sultan..... Kesultanan di Melaka itu, kalau orang dia tidak lemah, tidak jual diri, macam mana boleh jatuh dengan begitu senang, Portugis? Ya? Kerana dia jual diri. Itulah salah! MITI mestilah memperkuatkan semangat etika dan produktiviti kita. Itulah yang penting sekali. Jangan kita nak marah orang, tak payah!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya bukan nak marah, saya tegur.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tegur saja. Ya, ya. Kita mestilah banding dengan negara yang lain, macam mana sistem pelaburan kita, syarat-syarat kita, galakan kita, insentif kita, sama ada secocok dengan orang yang lain dan juga kita tambahkan semangat kita untuk sayangkan negara kita. Itu penting sekali Tuan Pengerusi. Kalau tak sayang pun kita jatuh. Kita mesti jatuh. Kita bandingkan.

Misalnya, Tuan Pengerusi, dia cakap mengenai Perodua, ada asas di sini bukan hentam kromo sahaja. Ada asas di sini....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya pun ada asas ini, bukan hentam kromo ini, cap Perodua semua ada kat saya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak nampak sangatlah itu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak bukan.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Di sini saya hendak tahulah sejak 1985 kereta Proton kita dalam penyelidikan pun kita sudah belanja lebih RM7.1 bilion dan manakala Perodua, Perodua ada katalah sejak beroperasi sehingga sekarang untuk R&D RM447

juta dan kita banggalah kerana dikatakan bahawa kereta kita ini tidak boleh dibanding dengan Thailand, kerana dikatakan di sini memanglah mereka itu mempunyai kepakaran untuk mereka bentuk kenderaannya sendiri. Setakat ini industri automatif nasional telah membelanjakan sebanyak RM1.4 bilion bagi tujuan R&D.

Tuan Pengerusi, saya setuju bahawa kata kebanyakan di dalam industri automatif kita terutamanya sumbangan kepada rangkaian industri bagi sektor-sektor yang lain itu memang kita sudah mencapai satu tahap. Tetapi yang penting sekali kita hendak jual kereta. Kalau penyelidikan itu baik memang saya menggalakkan tetapi kita hendak tahu sama ada penemuan-penemuan penyelidikan kita ini dapat bersaing dengan orang lain. Produk kita ini kalau berbanding dengan Korea, berbanding dengan Jepun, berbanding dengan itu Thailand, walaupun Thailand di kata bukan kepakaran sendiri, kita di dalam dunia perdagangan, banyak *out sourcing* dan sebagainya. Dunia sekarang dengan keadaan globalisasi ini, bolehkah kita bersaing? Kita memang belanja RM7.1 bilion untuk penyelidikan Proton. Bolehkah kita bersaing, Ini yang terpenting sekali. Saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan kepada kita sekarang kita punya Proton CEO pun sudah kecundang. Yang baru itu siapa? Saya tidak tahu daripada Sarawak ke? [Disampuk] Belum lagi? *Chairman*, CEOnya siapa sekarang ini?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Depa cadang daripada Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Belum boleh juga. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Akhir, sila akhiri.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bagilah sedikit masa kerana ini banyak lagi. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada kita bilakah Proton atau Perodua kita walaupun sebahagian itu dari Jepun, bilakah kereta nasional kita dapat memasuki pasaran Amerika Syarikat yang terbesar di dunia untuk kereta kemudian, bilakah orang Jepun juga yang buat sebahagiannya bilakah kereta kita boleh masuk ke Jepun. Itu penting sekali. China pun dia ada hendak ada kilang ada sekarang itu sebab itu *Charade* dia dibenarkan masuk di sini kerana Proton ada kilang di China sekarang. Berapa kilang itu yang ada di China saya hendak taulah daripada Yang Berhormat. Ia sudah ada sekarang, itu baik juga tetapi saya takut *Charade* dia akan jadi lebih murah dapat bersaing dengan Proton kita di Malaysia ini. Walau bagaimanapun satu ukuran kejayaan kita ialah satu hari kita boleh masuk ke pasaran Amerika Syarikat, saya kata itu satu kejayaan. Kalau tidak, tidak payah cakap dengan kejayaan. Kalau boleh masuk ke pasaran Jepun, oh itu nombor satu, nombor satu.

Akhir sekalilah, Tuan Pengerusi, mengenai masalah PKS kita. Saya semalam ada tengok juga SME Bank kita itu di Jalan Sultan Ismail, cantik SME Bank itu, Tuan Pengerusi, di sebelah Bank Islam itu cantik. Saya hendak tahu dengan SME Bank, Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad (BITMB) dan juga itu Bank Pembangunan Infrastruktur Berhad (BPIMB). Dikata sini kumpulan BPMB termasuk SME akan mendapat sebanyak RM9 bilion ringgit daripada pasaran modal. Bolehkah Yang Berhormat terangkan macam mana kita dapat RM9 bilion daripada pasaran modal dan juga RM1 bilion akan diberi kepada SME Bank tadi?

Berikutan dengan itu, fungsi BITMB dan BTIMB, Eksport-Import Bank of Malaysia (EXIM Bank), dan juga Malaysia Export Credit Insurance Berhad, saya hendak tahu macam mana mereka akan menguruskan semua untuk memajukan PKS kita termasuklah modal teroka. Dan di sini juga ada tambahkan satu lagi PROSPER yang menjaga bumiputera. Yang Berhormat bagi Jerai, kita jangan bermain-main dengan PROSPER sekarang ini kerana kita hendak tahu sama ada PROSPER ini memberi kepada pengindustri-pengindustri yang benar-benar berminat, benar-benar dapat bersaing bukan kepada sebarang orang sahaja. Sebab itulah biasanya masalah termasuk dengan bangunan MATRADE ini kita beri kepada orang yang tidak berminat, yang tidak mampu, yang tidak langsung mahu berkecimpung di dalam bidang ini.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dengan sedemikian saya berharap pihak MITI dapat menerangkan bagaimana kita dapat menguruskan PROSPER dengan baik. Sekian terima kasih.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** [Bangun]

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Kalau kita dapat kita akhiri lah cepat-cepat ya perbincangan mengenai dalam kementerian ini. Jadi kalau boleh cepat sedikit. Saya kepada Yang Berhormat bagi Parit ya, selepas itu Yang Berhormat bagi Ledang.

**4.18 ptg.**

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Lima minit seorang.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** Saya hanya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 040000 – Pembangunan Perindustrian dan juga 090000 – Dasar Baru. Tuan Pengerusi, di seluruh negara telah dibangunkan bandar-bandar baru termasuk beberapa kawasan perindustrian dalam usaha kerajaan untuk mewujudkan peluang pekerjaan, khususnya kepada masyarakat di luar bandar. Dengan pewujudan kawasan perindustrian dan peluang pekerjaan ini akan boleh mengurangkan penghijrahan ke bandar-bandar utama seperti di kawasan Lembah Klang, Johor Bahru, Pulau Pinang dan sebagainya dan matlamatnya untuk mengurangkan kesesakan di bandar-bandar yang utama ini. Tetapi, Tuan Pengerusi, banyak kawasan perindustrian yang telah diwujudkan itu tidak dapat dibangunkan, tidak dapat dijayakan kerana kekurangan pelabur yang berminat untuk melabur di kawasan-kawasan tersebut. Di negeri Perak, misalnya di kawasan Seri Iskandar di mana merupakan satu kawasan dalam kawasan Parlimen Parit terdapat kawasan perindustrian dan diwujudkan *technology park*. Tetapi sambutannya begitu dingin, hanya ada satu, dua kawasan industri yang telah dibangunkan. Di sini Tuan Pengerusi, saya memohon penjelasan daripada pihak kementerian, apakah usaha-usaha yang dibuat oleh MITI melalui agensi yang terlibat termasuk MIDA untuk membantu membangunkan kawasan perindustrian yang terdapat di seluruh negara ini, kerana kalau ini tidak dilaksanakan, maka matlamat untuk mewujudkan kawasan perindustrian itu khususnya untuk memberikan pekerjaan kepada masyarakat luar bandar dan pinggir bandar ini tidak dapat dijayakan.

Kita faham setengah daripada kawasan perindustrian ini memang diwujudkan oleh kerajaan negeri melalui dengan izin SEDC ataupun Perbadanan Kemajuan Negeri masing-masing. Tetapi keupayaan pihak SEDC untuk membangunkan kawasan ini untuk menarik pelabur mungkin terhad kerana mungkin kekurangan kepakaran, kekurangan itu dan ini. Jadi kita mengharapkan pihak MITI berusaha bersungguh-sungguh mencari jalan bagaimana kawasan-kawasan yang telah disediakan ini dapat diperolehi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** Saya juga faham bahawa kita menghadapi saingan yang begitu sengit terutamanya daripada negeri China kerana tarikan tenaga buruh yang murah dan mungkin juga dasar-dasar yang lebih terbuka, oleh itu menjadikan daya saing Malaysia ini menurun. Tetapi di samping itu kita juga mempunyai kekuatan dalam menarik pelabur ini kerana kita mempunyai tenaga pekerja mahir yang cukup berkemampuan.

Akhirnya dalam perkara yang sama ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berkenaan dengan satu cadangan untuk membina kilang aluminium, *aluminum plans* dengan izin, yang pada mulanya dicadangkan di kawasan Manjong di negeri Perak iaitu satu cadangan yang dikemukakan oleh pihak pelabur asing yang jika dilaksanakan, pelaburan ini bernilai RM1 bilion. Jadi sekarang ini sudah tidak dengar berita lagi perancangan itu, jadi mungkinkah pihak kementerian dapat membantu kerajaan negeri ataupun pihak-pihak yang berkaitan dalam melaksanakan perancangan untuk membina kilang aluminium di kawasan Manjong atau lain-lain tempat di negeri Perak. Sekian Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ledang.

**4.23 ptg.**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama saya mengemukakan beberapa pertanyaan iaitu di dalam butiran bekalan dan pembangunan 24 ini, kita ada satu butiran yang menyebut tentang peruntukan bangunan MATRADE. Saya ingin bertanya, adakah peruntukan itu di kementerian lain ataupun kementerian telah pun *give up* dengan bangunan MATRADE ini.

Kedua Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya di bawah Butiran 00520 - Dana Geran Latihan R&D. Saya ingin bertanya, pertamanya apakah prestasi dana ini, bukan sahaja dari segi perbelanjaan tetapi dari segi bilangan syarikat ataupun pihak-pihak yang berkenaan yang dapat memperoleh kebaikan daripadanya dan berapakah sebenarnya jumlah mereka yang terlibat yang telah pun mendapat geran tersebut. Begitu juga Tuan Pengerusi di bawah peruntukan 00601 - Dana Pelaburan Domestik Skim Pinjaman IKS dan Skim Pinjaman Modernisasi dan Automasi. Pertanyaan yang sama, siapakah mereka yang dapat, bilangan yang dapat, prestasinya adakah juga termasuk industri Proton?

Tuan Pengerusi, tadi sahabat-sahabat daripada Santubong, daripada Kepong bercakap tentang industri Proton. Tetapi kepada saya Tuan Pengerusi, sekurang-kurangnya Proton telah pun berjaya mereka bentuk kenderaan sendiri iaitu kenderaan GEN 2 dan Savvy. Pada saya, kita tidak boleh bandingkan Proton yang baru berusia 20 tahun dengan kereta Korea yang telah pun 60 tahun. Dalam tempoh 20 tahun, kita berjaya membina kenderaan sendiri, kita *design* sendiri, saya rasa itu satu prestasi yang baik. Walaupun mungkin ada kekurangan sana sinilah.

Tetapi Tuan Pengerusi, yang saya hendak tekankan di sini, yang penting sekali ialah kita telah pun berjaya membina model insan kerana sekurang-kurangnya Tuan Pengerusi, Proton telah pun berjaya melahirkan insan-insan yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang industri automatik dan insya-Allah, sekiranya kita istiqamah, sekiranya kita tekun, negara Malaysia akan dapat bukan sahaja melahirkan insan-insan yang pakar dalam bidang pembinaan kereta ataupun automatik ini, juga dalam bidang-bidang lain yang berkaitan kepada tahap sebuah negara industri berat termasuk membina kapal terbang, kapal tentera dan sebagainya.

Tetapi kalau kita tidak mula daripada kenderaan automatik seperti yang kita buat hari ini, saya yakin cita-cita kita tidak akan tercapai. Ini yang saya maksudkan tadi produk insan, Tuan Pengerusi, Kepada saya yang penting, kita telah pun mampu melaksanakan dan saya fikir ini adalah selaras dengan pelan induk perindustrian ketiga sebagaimana yang telah pun disarankan oleh pihak kerajaan dan akhirnya Tuan Pengerusi, tentang kawasan-kawasan industri, di seluruh negara, di kawasan-kawasan perkilangan, ada yang daif, ada yang baik dan sebagainya.

Kalau di Muar, saya fikir kawasan industri di Tanjung Agas misalnya dengan jalan masuknya yang tidak sempurna, landskap tidak ada. Begitu juga di beberapa tempat yang lain. Tetapi ada juga yang sempurna. Memang benar kawasan-kawasan industri tersebut di bawah PBT, Majlis-Majlis Daerah, Majlis-Majlis Perbandaran, Dewan Bandar Raya. Tetapi ada juga Tuan Pengerusi, beberapa PBT yang PPRT, yang tidak mampu untuk menyelenggara.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh minta penjelasan sikit?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** ..... kawasan-kawasan tersebut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ledang, sikit.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Sila.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Saya hendak minta penjelasan sikit daripada Yang Berhormat bagi Ledang. Mungkin kita boleh ajukan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun kita tahu kawasan perindustrian ini biasanya berasaskan kemudahan yang diperlukan oleh pelabur-pelabur. Tetapi selagi kita tidak terokai, kita tidak maju kawasan-kawasan luar bandar, sampai bila pun kawasan ini akan ketinggalan. Saya bagi contoh di Perak. Tuan Pengerusi ada di sini, kawasan Sri Iskandar, di kawasan yang mundur di Perak Tengah. Hari ini menjadi *national park*. Pelabur telah mula datang. Di Kulim sebagai contoh.

Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Ledang, apakah kita terlalu terikut sangat dengan kehendak pelabur ini atau kita meletakkan syarat-syarat kepada mereka supaya mereka kita bagi insentif yang disediakan oleh kerajaan, so mereka dapat mendirikan industri-industri, tapak-tapak di kawasan yang belum dibangunkan lagi. Apa pandangan daripada Yang Berhormat bagi Ledang?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Pengerusi, ada dua perkara. Pertama saya sebut tadi tentang tapak-tapak industri yang telah pun sedia ada tetapi dalam keadaan

yang daif, yang tidak mampu dibangunkan ataupun di selenggara oleh PBT. Akhirnya kawasan-kawasan tersebut tidak dapat menarik perhatian pelabur-pelabur. Belum lagi perkara yang dibangkitkan oleh sahabat saya daripada Larut, kawasan-kawasan industri baru yang sepatutnya boleh menarik pelabur-pelabur bukan sahaja tertumpu di kawasan-kawasan bandar ataupun di kawasan-kawasan yang ternama, Kuala Lumpur, Lembah Klang dan sebagainya. Tetapi kita hendak bawa juga ke Taiping tadi, ke Tambun, ke Muar dan sebagainya supaya faedahnya melimpah hingga ke peringkat luar bandar, tidaklah tertumpu hanya di kawasan-kawasan bandar dalam usaha kita hendak mengelakkan penghijrahan masyarakat daripada luar bandar kepada bandar. Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Saya minta Yang Berhormat pihak Menteri untuk menjawab.

**4.30 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Puchong, Tangga Batu, Batu Pahat, Ipoh Timor, Santubong, Bukit Bintang, Johor Bahru, Kuala Selangor, Jerai, Kuala Langat, Kepong, Parit dan Ledang telah mengambil bahagian berkaitan dengan urusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Izinkan saya menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Pertama Yang Berhormat bagi Puchong membangkitkan keberkesanan MIDA terutama dalam soal membawa masuk FDI ke negara kita. Ada tanggapan mengatakan bahawa FDI yang masuk ke negara kita kurang. Saya ingin memberi statistik berdasarkan kepada *World Investment Report 2004* dan 2005 bahawa di kalangan negara-negara ASEAN Malaysia adalah merupakan negara kedua terbesar di mana FDI masih lagi tertarik kepada negara kita. Singapura pada tahun 2004 dapat USD16 bilion. Kita USD4.62 bilion merupakan peningkatan daripada tahun-tahun sebelumnya dan ini mestilah dilihat dalam senario di mana pengaliran FDI di seluruh dunia ini telah pun berkurangan dari segi statistik.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Pada tahun 2000 pengaliran FDI global adalah sebanyak USD1.38 trilion berkurangan pada tahun 2001 pada USD817.5 bilion dan sekarang USD648.1 bilion. Maknanya terdapat pengurangan sebanyak 50% berbanding dengan tahun 2000. Ini saya mengambil statistik daripada *World Investment Report 2004 and 2005*, dengan izin.

Kalau kita ambil statistik negara kita pula perkara ini nampak selaras kerana FDI pada tahun 2004 adalah sebanyak USD13.2 bilion. Mungkin ada perbezaan sedikit dari segi *recording* dan sebagainya yang membuatkan perbezaan tersebut. Daripada Januari hingga September 2005 kita dapat kita telah mencapai USD10.4 bilion. Jika kita buat secara purata berdasarkan kepada pencapaian Januari hingga September, saya percaya jumlah ini akan dapat mengatasi USD13.2 bilion pada tahun 2004.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tahu sedikit mengenai - memang satu berita yang baik kalau kita hanya dikira tempat kedua untuk ASEAN kalau selepas Singapura. Persoalannya sekarang ialah dari jumlah FDI yang telah disebutkan Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah jumlah untuk *reinvestment*? Berapa jumlah fresh FDI? Kerana kalau fresh FDI itu penting untuk *employment* atau kadar pekerjaan di Malaysia, itu sangat penting. Itu satu.

Nombor dua kenapa kita kalah dengan Singapore? Adakah apa-apa sebab tertentu yang mengapa kita boleh kalah kepada Singapore, Kerana *reinvestment* ataupun *fresh FDI*? Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Pengerusi, saya boleh memberi statistik berdasarkan kepada keseluruhan. Maknanya FDI dengan *domestic investment* kerana saya tidak ada spesifik untuk FDI. Dari segi kelulusan baru sebanyak 454 projek dan *expansion* dan *diversification* adalah sebanyak 351 buah

projek. Maknanya yang baru adalah melebihi daripada *expansion* dan *diversification*. Yang Berhormat juga bertanya adakah insentif yang kita adakan itu memberi kesan masih lagi merupakan tarikan kepada pelabur. Saya ingin memberi statistik kepada Yang Berhormat daripada kelulusan yang kita beri insentif daripada bulan Januari hingga Jun 2005 sebanyak 482. Ini berbanding pada tahun 2004 sebanyak 1,101. Kalau kita lihat secara purata maknanya kita dapat *maintain*. Maknanya insentif ini masih lagi merupakan tarikan yang besar kepada pelabur-pelabur kita.

Kemudian Yang Berhormat bertanya mengenai dengan bidang mana, adakah bidang *low tax* ataupun berintensifkan kepada buruh ataupun *high-tech* berintensifkan kepada teknologi. Untuk makluman Yang Berhormat, saya mengambil statistik Januari – Jun 2005, dari segi bidang-bidang utama masih lagi E&E. Kita tahun E&E melibatkan berbagai-bagai bidang dan *basic metal products, food manufacturing* kita ada syarikat yang menghasilkan *ingredient* untuk makanan menggunakan *high-tech*, kemudian *transfer equipment, chemicals and chemical products*. Berbagai-bagai chemical products yang menggunakan *high-tech - rubber products, plastic products* ini merupakan yang utama pelabur-pelabur datang ke sini. Dan pelabur memang tahu dan tidak perlu beritahu pelabur. Mereka *season investor* dengan izin. Dia tahu pasaran mana yang ada kompetitif seperti Yang Berhormat katakan yang kurang kompetitif, kemudian bidang mana.

Malaysia tidak lagi kompetitif dari segi *low cost labour*. Jadi mereka akan pergi ke lain. Yang Berhormat bertanya tadi mengenai dengan Malaysia dan Singapore. Kita perlu melihat dari segi konteks *kompetitif advantage*. Singapore telah wujud sebagai satu pusat kewangan dan perdagangan antarabangsa daripada puluhan tahun dibangunkan oleh orang Inggeris dan banyak pelabur luar mempunyai *confident* kepada Singapore berbanding dengan kita, kita baru lagi. Dan kita perlu menerima hakikat bahawa Singapore telah mencapai tahap *global investment centers* dari segi keterbukaan proses liberalisasinya begitu terbuka. Kalau saya ada duit saya hendak membuat pelaburan saya akan pergi ke tempat yang saya mendapat kebebasan dari segi penggunaan kewangan. Saya tidak pergi ke tempat yang saya dihadkan dan Singapura telah mencapai satu tingkat bahawa sudah begitu terbuka berbanding dengan negara kita kerana negara kita mempunyai beberapa faktor yang kita mesti ambil kira, faktor sosioekonomi, faktor bumiputera dan sebagainya yang harus kita ambil kira dalam kita menggubal dasar kita.

**Tuan Lau Yeng Peng:** [Bangun]

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua orang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Okey yang belakang dahulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Batu Pahat.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bila bercerita berkenaan dengan FDI dalam ucapan saya dalam membahaskan ucapan dasar belanjawan yang lepas, saya menyatakan bahawa sebanyak RM8.7 bilion FDI yang dibawa masuk ke dalam negara kita adalah berdasarkan kepada bidang *oil and gas* dan sebanyak RM4.5 bilion berdasarkan kepada pelaburan-pelaburan portfolio. Jadi daripada penerangan tadi, adakah dengan kemasukan FDI yang kebanyakan kepada dasar *oil and gas* tadi akan dapat menjamin ataupun memastikan kita akan dapat pertumbuhan 5% dalam segi pencapaian pertumbuhan ekonomi kita yang pertama.

Yang kedua, adakah daripada penjelasan yang kedua perkataan sikap keterbukaan Singapura dalam menjadi satu dasar liberalisasi dalam bidang *banking* dan juga pelaburan. Adakah pihak kementerian bercadang untuk membawakan satu pandangan, satu usul supaya negara kita juga akan membuat satu sistem kewangan yang lebih terbuka bagi menarik pelabur-pelabur atau juga bank-bank luar negara untuk membuka cawangannya ataupun membuat pusat operasinya di negara kita.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Pengerusi, saya yakin bahawa *target* kita 5% lebih dari segi pertumbuhan GNP itu akan tercapai. Apabila saya bagi statistik mengenai FDI ini melibatkan hanya sektor-sektor pembuatan sahaja. Saya tidak ambil sektor ekuiti, sektor pertanian dan sebagainya yang juga banyak FDI

yang masuk ke negara kita. Mengenai apa Yang Berhormat katakan tadi tentang regulasi negara, ini tidak melibatkan sektor perkhidmatan semata-mata. Ini melibatkan sektor *manufacturing* dan sektor perkhidmatan. Dari segi faktor *manufacturing* sejak tahun 2003 kita telah liberalisasi sepenuhnya kecuali industri automotif di mana kita masih lagi mengehadkan syarikat luar untuk memberi ekuiti sehingga 51%, itu pun kita tidak memberikan kelulusan begitu bebas, kita tutup kelulusan tersebut. Dalam sektor lain, subsektor lain dalam industri *manufacturing* kita bagi 100% bermakna kita perlu pragmatik dalam soal untuk menarik pelabur luar kerana kadang kala kita begitu *parochial*.

Kita ingat bahawa pertumbuhan ekonomi ini boleh bergantung semata-mata kepada domestik *investment*. Sebenarnya tidak. Yang kita bergantung kepada *foreign direct investment* untuk menjadi *catalyst* pembangunan negara kita. Dalam bidang perkhidmatan kita ini di bawah *General Agreement on Trade in Services* yang diperkenalkan pada tahun 1995, di mana negara-negara di bawah WTO ini mempunyai komitmen tertentu dan kita memberi komitmen kepada enam sektor untuk kita liberalisasi mengikut kepada keupayaan kita.

Bidang-bidang perkhidmatan ini termasuklah kewangan. Tetapi kewangan kita tidak masukkan kerana kewangan mempunyai faktor lain, seperti kata Yang Berhormat bagi Jerai tadi daripada *Chartered Bank* dan sebagainya. Bidang ini kita belum buka, belum lagi bagi komitmen untuk kita melaksanakan liberalisasi. Bidang-bidang lain umpamanya telekomunikasi, pendidikan malah dari segi hospital tadi bila Yang Berhormat kata ada syarikat daripada Singapura, daripada US beli, saya akan semak perkara ini kerana di bawah komitmen kita, kita hanya membenarkan sampai 40% ekuiti dibeli oleh orang luar, ia tidak sampai. Masa lalu kita beri 30% dan sekarang kita telah beri 40%. Maknanya kalau dia ambil majoriti ada sesuatu yang tidak kena. Saya akan siasat dalam soal itu.

Dari segi perkhidmatan ini kita mempunyai apa yang dipanggil sebagai sistem mode satu, mode dua, mode tiga, mode empat. Mode satu dan dua tidak ada masalah kepada kita. Ini dari segi *cross border purchase* dan juga membeli perkhidmatan di luar negara kita. Yang kita masih lagi rasa ragu akan kemampuan kita dari segi mode tiga dan mode empat. Mode tiga dari segi penglibatan ekuiti luar dalam pemegangan ekuiti dalam sektor perkhidmatan dan mode keempat mengenai dengan tenaga pakar.

**Tuan Lau Yeng Peng:** [Bangun]

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tetapi mode empat tenaga pakar ini kita mula buka bagi projek-projek yang melibatkan pelaburan antara kerajaan dengan kerajaan ataupun yang terlibat dengan ekuiti pelaburan luar. Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di sini ada beberapa persoalan. Yang pertama mengenai keterbukaan Kerajaan *Singapore* untuk liberalisasi (*financial liberation*) di *Singapura* dan menjadikan satu *hub* atau satu pusat kewangan yang kukuh dan stabil sekarang ini. Bukankah mereka ini tahu bagaimana untuk mengambil ataupun *take advantage*, dengan izin *competitiveness country*nya untuk kepentingan negaranya sendiri.

Saya faham, memang kita mempunyai dasar sosioekonomi yang tertentu di negara ini, kita tidak boleh buka dengan sengaja ataupun dengan cepat. Tetapi bolehkah Yang Berhormat bagi penjelasan sedikit bagaimana kita boleh mengambil ataupun *take advantage*, *competitive advantage* kita mungkin daripada sektor-sektor lain. Sebagai contoh, kalau di negara kita ini adalah sebagai pengeluar kelapa sawit yang terkemuka di dunia, bagaimana sektor hilirannya? *Oil and gas*, apakah penyelidikan yang telah dilakukan dan ini adalah *competitive advantage* negara ini bagaimana kita untuk mengambil *advantage* ini. Ini sangat penting, satu.

Persoalan yang kedua dari penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bahawa projek yang telah diberikan kelulusan dalam satu tarikh yang tertentu 454 dan 351 ialah daripada *reinvestment*. Ini bermakna FTF telah berkurangan. Kalau saya silap maaf, tolong *correct*kan saya, itu satu.

Yang ketiga, mengenai keterbukaan *financial system* dan sebagainya atau mode tiga yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat, tadi saya sudah nyatakan negara China sekarang ini mereka telah buka *financial* sektornya. Kalau saya baca

dalam *magazine* tertentu bahawa bulan lepas *Construction Bank of China*, iaitu satu bank yang ketiga besar di China telah mengeluarkan satu IPO, di mana USD8 bilion syer telah *offer* kepada institusi-institusi kewangan yang lain di seluruh dunia. Memang saya tahu mesti *control* ekuitinya, kita tidak boleh - bukan *one go*, tetapi yang penting sekali ialah kita mesti ada satu sikap keterbukaan kepada dunia luar supaya kepakaran dan juga semua teknologi dan sebagainya kita boleh *tap on those technological advantage* dan saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Pertama sekali saya ingin membetulkan sedikit statistik. Mungkin cara penyampaian saya Yang Berhormat tidak dapat tangkap sepenuhnya. Jumlah kelulusan semua sekali sebanyak 805. Yang baru 454 kemudian *diversification and expansion*, dengan izin 351. Maknanya nisbah untuk yang baru lebih banyak daripada yang lama.

Kemudian Yang Berhormat menyentuh tentang Singapura. Saya tahu, kita semua orang yang *knowledge based Members of Parliament*. *Singapore* adalah jenis lain *different than* Malaysia dengan izin. Dari segi kita apa sahaja perancangan yang kita buat, kita mesti mengambil kira ketidakseimbangan di antara kaum, di antara kedudukan sosioekonomi dan ini mesti kita *balancekan* dengan membuka pasaran kita. Macam Singapura dari segi *a level playing field, country* dia dan caranya. Ini kita kena ambil kira. Walau bagaimanapun di tempat-tempat yang kita boleh liberalisasi sepenuhnya kita buat. *Manufacturing* sektor yang penting bagi kita, kita buat. *Manufacturing* ini bukan melibatkan keluar masuk barang-barang keras, metal dan sebagainya. Ini juga *manufacturing* untuk makanan dan sebagainya.

Kemudian dari segi *services, banking* inilah saya katakan dalam kategori lain. Ia tidak masuk dalam mode, pasal *banking* sebenarnya Hongkong Bank dan Chartered Bank telah lebih lama di sini daripada bank tempatan. Ekuitinya ada yang dipegang lebih banyak daripada 50%. Kita tidak boleh *regulate* selepas daripada bank tersebut. Kita memberi *treatment* yang berbeza. Bank ini kita mempunyai *financial master plan*. Dalam tempoh itu kita akan buka sepenuhnya, itu akan dilaksanakan.

Mengenai dengan China Yang Berhormat. China *competitive advantage*nya berbeza. Kita tidak boleh mengatakan bahawa regulasi di China lebih baik daripada di Malaysia. Ada benda-benda yang baik ada yang tidak baik kerana *approvalnya* lebih sukar daripada kita. Dia ada *approvingnya*, dia ada kerajaan pusatnya dan dua *tier* ini perlukan kelulusan. Tapi *competitive advantage* adalah saiz pasaran. Saiz pasarannya besar. Ini yang membuat ramai orang masuk dan ramai orang yang tangannya terbakar sanggup masuk kerana saiz pasaran, dan oleh kerana mereka telah masuk WTO semasa di Qatar lebih kurang enam tahun lalu, jadi regulasinya makin lama makin mengikut keperluan WTO, kita tidak boleh bandingkan.

Yang Berhormat ada menyentuh mengenai dengan apakah bentuk-bentuk pelaksanaan MIDA ke arah untuk menarik masuk FDI. Saya menyatakan tadi bahawa.....

**Tuan Lau Yeng Peng:** Apa yang saya maksudkan macam ini. Di Singapore mereka tahu apakah *competitive advantage nationnya*. Tapi di negara kita, kita pun tahu okey kita jangan ikut apa yang mereka lakukan. Tapi kita punya satu rancangan jangka panjang bagaimana kita boleh *take advantage, competitive advantage* untuk negara kita. Sebagai contoh kita ada *advantage* dari segi pemprosesan dan pengeluaran kelapa sawit, minyak kelapa sawit di negara kita. Kita boleh *take advantage* sektor-sektor hiliran *for the example. Oil and gas*. Itu adalah *competitive advantage* kita, kalau dibandingkan Singapore tidak ada. Sebagai satu contoh lagi, hari ini *India is the biggest out sourcing centre in the world for example*, dengan izin kerana mereka ini adalah satu-satu kumpulan tenaga kerja yang boleh dieksploitasi oleh *multinational* daripada Amerika Syarikat dan Europe. Master Card, Citibank sebagai contoh. Semua ini telah di *out source* di Bangalore atau di bahagian India ini, kerana mereka mengambil ataupun mempunyai *competitive advantage* untuk negara kita.

Soalan saya ialah, adakah MITI ataupun melalui agensi-agensi tertentu untuk memberi satu kajian yang lebih mendalam supaya *competitive advantage* kita ini dapat dieksploitasi dalam satu sektor atau dalam satu kadar yang maksimum pada masa-masa akan datang. Itu sahaja. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Bila kita bercakap *comparative advantage*, Yang Berhormat ada dua aspek di sini. Satu *comparative*

*advantage* daripada sudut untuk menarik masuk FDI, itu satu. FDI hendak datang ke Malaysiakah, ke Singapurakah, ke China dan lain-lain. Satu lagi *comparative advantage* Yang Berhormat nyatakan dari segi *product development* ataupun produk yang datang daripada Malaysia. Ini biar saya *discuss* kemudian, biar saya sentuh apa Yang Berhormat nyatakan tadi, kita tahu *comparative advantage* sebuah negara dari segi menarik pelaburan bergantung kepada banyak faktor. Satu ialah *environment*, kita ini 240 buah negara Yang Berhormat dari segi analogi bagaikan kita berlumba atas laut, 240 perahu berlumba. *It is an on going process* dengan izin, pada satu masa kita ke hadapan dan orang lain lebih hebat kita ke belakang. Dari segi kerajaan kita faham persoalan ini dan bagaimana kita hendak ke hadapan berbanding dengan banyak negara lain terutama dalam tempat kita, satu kita mesti konsisten dengan apa yang berlaku di dunia dan kita tidak boleh lari ke belakang, ke Myanmar umpamanya, lari ke belakang dia ketinggalan. Dengan sebab itulah kita terlibat dalam WTO, kita terlibat dalam APEC, kita terlibat dalam multilateral FTA, AFTA, ASEAN, China dan sebagainya kita terlibat dalam FTA supaya *environment* tempat kita berada ini begitu kondusif untuk orang datang ke sini.

Kemudian di kalangan orang ASEAN pula, kita ada ASEAN *investment area*, satu kerjasama negara ASEAN kerana pengaliran FDI ini tidak tertakluk semata-mata pergi kepada sebuah negara. Dia juga ada dua komponen, satu dia pergi ke sebuah negara dan satu lagi dia pergi ke sebuah *region*. Kita ambil contoh 1987. Tidak ada sebab, apabila Thailand jatuh, tiba-tiba ada *systemic risk* yang menghubungkan-kait, Malaysia, Filipina, sedikit sebanyak Singapura, Indonesia, maknanya *region* itu merupakan satu blok untuk *investment*. Jadi, atas nama *region*, kita ada ASEAN Investment Area (AIA), kita berbincang macam mana hendak mewujudkan satu suasana pelaburan yang kondusif melibatkan semua negara ASEAN di samping itu untuk kita bersama-sama memasarkan kawasan ASEAN, kemudian kita dengan Singapura kita ada wang pelaburan kita ada banyak 10 juta yang boleh dikongsi untuk mewujudkan multinasional Malaysia-Singapura untuk kita pergi keluar negara.

Di peringkat MIDA, selain daripada yang pernah saya cerita dan beritahu kepada Parlimen tentang *hands holding programme* dan sebagainya kita ada program pemimpin industri. Tadi kita bermesyuarat dengan golongan usahawan daripada Germany, kita tidak sedar negara-negara maju di EU iaitu Germany, France dan sebagainya, mereka juga memindahkan SME. SME dia dengan kita lain yang kita kata SME kita *sale* - jualan lebih kurang 35 juta setahun. Dia punya SME ratus juta setahun, definisinya berbeza. Mereka datang, mengapa kita mempunyai program ini kerana dalam pengalaman kita yang kita buat *come in bank mission*, orang memberi produk daripada negara kita. Selain daripada kita membuat pameran luar negara, buat misi perdagangan kita bawa dia ke sini, apabila dia lihat *factory* kita, dia lihat *production* kita, produk kita, dia beli produk kita.

Dari pengalaman kita, syarikat German ini apabila kita bawa *captian* ataupun pemegang ekuiti syarikat besar ke sini, dia nampak negara kita dia *impress*. Mungkin kita tidak sedar ada orang negara luar dia ingat kita ini masih *3rd world country*. Kalau kita pergi ke Amerika ada *student* tanya kepada kita, "*do Malaysia is live in houses?*" dia kata. *Are they still living on trees?* Mentaliti ini, kita bawa ke sini dan tengok negara kita dan kita dapati bahawa sebahagian besar daripada mereka *impress* dengan negara kita sebaik sahaja pergi KLIA dalam perjalanan, mereka menjadi cukup *impress*. Di sinilah antara punca mengapa ramai daripada pelabur-pelabur datang kerana *personalize relationship* yang kita wujudkan. Itu sebabnya kita pentingkan ada *trade mission*, *investment mission*, kita ada *specialize mission* dan sebagainya. *This personalize relationship* yang kita hendak wujudkan dan mereka datang ke negara kita.

Selain daripada itu, kita akan melantik di luar negara, pakar industri orang negara tersebut untuk dia *identify* di negara tersebut mana dia industri-industri yang boleh kita bawa. Kita bercita-cita besar dalam perindustrian ketiga kita - pelan induk yang ketiga, kita bukan sahaja hendak memperkukuhkan industri yang sedia ada. Kita ada lapan *cluster* yang di sentuh di bawah PIP 2 yang akan diperkukuhkan dari segi *vertical integration*, dari segi *horizontol integration* tetapi kita juga melihat kepada bidang-bidang baru dan bidang-bidang baru ini dimiliki oleh syarikat-syarikat luar.

Kemudian dari segi piawaian kita dan sebagainya telah dicapai kepada tahap yang dianggap cukup tinggi kecuali Ahli Yang Berhormat nyata dia ada syarikat tempatan tidak berpuas hati, yang ini saya minta dimaklumkan kepada saya, pada kita dan kita akan tengok. Tetapi secara keseluruhannya kita tidak menghadapi masalah, kita ada *fast track* yang kita ada. Satu, yang dipanggil sebagai picu projek

*implementation coordination unit*, maknanya orang daripada England, Jepun, Indonesia boleh *access* kepada *internet* kita dan dia boleh buat pendaftaran. Dia kata, dia hendak masuk bidang ini, carikan saya pelabur Malaysia, kita boleh buat. Jadi perkara-perkara ini kita telah laksanakan.

Yang Berhormat menyentuh tentang NPC. NPC ini ialah satu sektor dan juga satu badan menyentuh mengenai dengan daya saing negara kita. Saya terima hakikat bahawa laporan IMV menunjukkan bahawa kedudukan kita ke belakang dan terdapat ramai Ahli Parlimen yang begitu *concern* tentang kedudukan kita dan tentulah MITI dan juga kerajaan yang bertanggungjawab merasa lebih *concern* lagi dan apabila kita dapat laporan tersebut tidak membuat kita seronok atau rasa gembira kerana kita ke belakang, kita mahu ke hadapan. Lalu kajian telah kita buat dan telah pun meminta EPU untuk membuat kajian yang lebih mendalam apakah bentuk-bentuk tindakan yang harus kita buat tetapi di samping itu kita telah membuat beberapa tindakan.

Dari segi IMD, saya ingin menyentuh sedikit Yang Berhormat, saya ada di sini - satu yang harus kita ambil kira, *methodology in a nutshell*. Lapan, *criteria can be hard data which analyze completeness as it can be measured example GDP or solve it*, dengan izin Tuan Pengerusi, *which analyze convenience as it can be perceive hard criteria represent a weight of 2/3 in the overall ranking whereas the survey data represent away of 1.3*. Maknanya 33 peratus adalah berteraskan persepsi dan 67 peratus berteraskan kepada *hard fact*. Dengan itu, apabila Yang Berhormat bagi Ipoh Timor merasa bimbang, kedudukan Malaysia dengan Thailand ke belakang. Sebenarnya daripada empat faktor tersebut ada satu faktor yang Thailand melebihi kita, dua faktor yang kita melebihi Thailand dan satu faktor dia melebihi kita sedikit sahaja tetapi dari segi *overall*, kita 27 dia 26.

Antara faktor yang tidak memungkinkan kita ke hadapan, 10 kriteria yang membawa kita ke belakang. Mari kita lihat. Daripada 10 tersebut, 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, berbentuk *survey*. Hanya tiga berbentuk *hard facts* dan yang *survey* itu pula antaranya *foreign investors*, dengan izin Tuan Pengerusi, *foreign investors are not free to acquire control in domestic companies*. Ini telah kita sentuh, ini *reality* kita, ada tempat boleh masuk dan ada tempat tidak boleh. Negara kita yang mempunyai *peculiarity* berbanding dengan kehendak negara Thailand. *Price Control pricing of.....in most industries*. Yang ini saya tidak tahu, *this is survey*, kalau *price control*, makanan tertentu kita buat tetapi bidang lain bahan mentah tidak ada.

**Tuan Fong Kui Lun:** [Bangun]

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzalah:** Sekejap lagi Yang Berhormat, biar saya habiskan dahulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Bintang Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzalah:** *Public sector contrast are....duduk, sila duduk dahulu. Sufficiently open to foreign leaders, to harassment and violence, to destabilize the work place*. Saya tidak nampak. Satu hari saya bersama dengan seorang menteri daripada Indonesia di Morocco, berbincang bilateral dengan saya dia menangis. Dia kata Malaysia memukul pekerjaannya, saya kata mana awak tahu? Dalam akhbar kami, dia kata. Akhbar dia tidak ada sebarang *censor*. Saya kata mana ada? Jadi perkara-perkara ini, *harassment and violence, do destabilize the workplace*. Kalau kita sebagai Malaysian, sebagai *Member of Parliament* daripada awal tahun ini, sampai sekarang ini belum saya dengar seorang pun membangkitkan isu ini, maknanya tidak ada. Tidak ada seorang pun melaporkan kepada kita tetapi di dalam ini dia letak kita di belakang.

Maknanya, kita cukup tinggi dari segi *harrasment* kita. *Discrimination of race, gender it is process of handicap in society*. Garis bentuk mana *discrimination* kita, ya? Peranchis, ada *discrimination* tentang banyak perkara. Di Turkey, ada *discrimination*, tetapi kita, yang itu jelas. Dalam undang-undang negara sudah diletakkan *discrimination*, tetapi ini tidak diambil kira yang kita diambil kira. *Protection, protectionisme in your economy in tense to conduct your business*. Okey. Ada *protection* tertentu dan lepas itu *acces to capital market is not easily available*.

Yang ini saya tak boleh terima. Capital market, kita ada ekuiti market, kita ada *financial market - banking market* dan kita ada *insurance*, ada tiga. Mana-mana syarikat boleh. Saya pernah kerja bank, saya buat *syndicated facilities* yang

melibatkan syarikat luar. Tak ada *problem*. Satu ratus, dua ratus juta ringgit. Jadi, ini adalah *perception* dan *perception* inilah yang telah bawa kita ke bawah. Dan apa yang kita buat? Dalam satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, dengan Menteri-menteri Besar, message ini dikeluarkan. Semua Menteri Besar mesti mengadakan perbincangan dengan *foreign direct investors*, *extrade* di sini. *We close with them*. Tanya dia apa masalah-masalah yang mereka hadapi supaya *perception* itu lebih baik. Dan di samping itu, di peringkat MITI, kita ada NPC.

NPC juga sebahagian daripada dia punya *focal point* di sini. Kita minta supaya NPC berbincang dengan badan tersebut. Di samping itu, kita lihat INV ini, kita rasa gementar, kita rasa risau yang saya rasa taklah perlu risau, kita ada juga banyak badan-badan lain. Berbelas-belas di sini yang saya boleh tunjukkan. Akhirnya, sebahagian besar daripadanya, menyatakan kita meningkat. *Index Heritance Foundation, Economy Intelligens, AT Kenyir, World Trade Organisation*, banyak lagi, Yang Berhormat, ya. Sila.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yaacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu kepada Dewan yang mulia ini, tentang *price control*, harga kawalan seperti yang di *industry automotive*. Saya beri contoh, kereta yang dijual di Thailand, khususnya, saya beri satu contoh ialah *Toyota Fortune* baru-baru ini yang diumumkan di negara kita. Bahan, saya rasa seratus peratus diimport dari negeri Thailand. Harganya dijual di Thailand hanya RM100 ribu tetapi dijual, khususnya di Malaysia dijual RM165 ribu sebuah *Toyota Fortune*. Ini *four wheel drive*. Perbezaan yang sangat besar berbanding dengan sama jenis kereta ini. Yang kedua, contoh *Honda City*, yang dijual di Thailand hanya RM50 ribu, tetapi dijual di sini RM80 ribu. Inilah *price control* yang tidak seimbang. Sepatutnya dijual di luar negeri tiada beza sangat. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini mengapakah perbezaan yang sangat besar tentang kedua-dua kereta yang ada dijual di negara kita ini? Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Yang Berhormat, boleh kita bincang automotif bila masuk isu automotif, ya? Biar saya sentuh tentang NPC ini. Saya bagi sedikit sahaja, dari segi NPC, berbagai-bagai program dijalankan, latihan aktiviti pengaliran sistem, pengurusan produktiviti, aktiviti penyelidikan TNQ, aktiviti promosi, kualiti dan produktiviti, penganjuran promosi, program penanda aras. Kemudian kita tidak lihat produktiviti dari sudut produktiviti semata-mata. Ini kerana produktiviti ini berteraskan kepada GTP kita dibahagikan dengan tenaga buruh kita. Jadi, kita dapat sepuluh ribu lebih dari segi USD.

Kita lebih melihat kepada *total factor productivity*. Ini kerana kalau dari segi produktiviti, ini berteraskan kepada faktor input. Input ini maknanya letak modal tenaga kerja. Itu sahaja modal, itu sahaja buruh, ya. Modal dan buruh. Kita melihat kepada TFP. TFP ini lebih memberi daya saing, kerana ia melihat kepada faktor-faktor lain, faktor struktur ekonomi yang lebih teguh, faktor permintaan yang lebih tinggi, faktor latihan, faktor teknologi. Ini yang merupakan faktor penting apabila kita hendak meniti ke abad 21.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan dengan formula yang digunakan untuk NPC dan sebagainya. Kalau kita bandingkan dengan Thailand, bandingkan dengan Indonesia, dan Amerika Syarikat, dan Australia, dan sebagainya di dunia, di mana letak kedudukan kita?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya ada statistik di sini, Yang Berhormat. Kita lihat dari segi produktiviti, yang *basic* saya nyatakan tadi. Ini berdasarkan harga tetap tahun 2000 walaupun *figure* dari tahun 2004. Kita - 10,973, Jepun - 76,612, Amerika Syarikat - 71,165, Jerman - 49,846, Korea - 27,211. Maksudnya di sini, bagi setiap pekerja kita, dapat menghasilkan produk berjumlah, dalam bentuk KDNK, berjumlah 10,973, manakala Jepun - 76,612. Maknanya, dia lebih *competitive*, ya. *Every dollar that we put, they produce 76 times, we produce only ten times*. Ini dia. Kalau kita lihat dari segi perbandingan negara Asia. Malaysia, sepertimana saya kata tadi, 10,973. Singapura - 49,280, kemudian Taiwan - 35,046,

Thailand yang pesaing, yang Ipoh Timor kata kuat tu, 4,202, ya. Yang Berhormat dengarkah? Malaysia 10,973, Thailand 4,202. Ya, hallo.

**Tuan Lit Kim Siang:** Apa tahun itu?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Nanti, nanti. Saya sudah beritahu 2004.

**Tuan Lit Kim Siang:** 2004.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Okey, okey. Filipina - 2,788, Indonesia - 1,910. Ini US Dollar. Ha, itu dia faktornya! Dan saya terangkan tadi bahawa kita melihat kepada TFP sebagai hala tuju kita. TFP ini diukur daripada sudut lima tahun sekali kerana perubahannya tidak begitu cepat berbanding dengan produktiviti. Saya bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, bila kita melihat kepada ekonomi, kita mesti melihat kepada general ekonomi, teori, ya. Melibatkan *the economic and non economic factors*, dengan izin.

Pendidikan, latihan, semua sekali mesti dilihat ke arah untuk kita menuju kepada yang kita selalu kata sebagai *first world*. Ini perkara-perkara yang sedang dinyatakan. Yang Berhormat bagi Puchong tadi sentuh tentang produk. Saya lihat dari segi produk, tidak ada produk yang mencapai *absolute competitiveness*, ya. Kecuali produk-produk yang telah ada jenama. KFC, apa lagi? Mc Donald. Ini awal dia sudah pergi seluruh dunia. Begitu juga negara-negara lain, macam China, 'product'nya dia ada *competitive*. Dia tidak ada *absolute*. Di pasaran-pasaran tertentu, dia ada *competitiveness*, di pasaran-pasaran yang lain dia tidak ada. Ini bergantung pada *networking* dan sebagainya.

Dalam konteks negara kita, ada bidang-bidang yang kita ada *competitiveness*. Saya bersetuju kata Yang Berhormat ya, kita boleh *explore* lagi kelebihan kita. Kita ada *oil and gas*, kita ada kelapa sawit, kita ada *wood base product*, kita ada *rubber base*, dan semua ini kita boleh buat *vertical intergration* tadi. Yang mana sebenarnya dari segi *rubber base*, saya ingat sesuatu telah hilang dalam proses kita mempunyai *competitiveness*, kita ada R&D *center* sampai di London, tetapi kita tidak mencipta produk. Tayar umpamanya, sampai kita terpaksa bersaing dengan China, dengan Jepun, dengan Thailand, dengan Indonesia, dengan Germany yang tidak ada getah.

Satu saya ingat yang *missing* dalam proses kita, dalam sejarah mungkin kerana kita ingat hendak pergi sana terlupa yang ini, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat *vertical integration* ini harus kita berikan kepada produk yang kita mempunyai *resources* di sini, yang orang lain tidak ada *resources*. Di samping itu industri yang kita mempunyai kekuatan E&E. E&E walaupun dari konteks penglibatan banyak pada FDI tetapi kita kongsi dari segi kontrak *work* yang kita buat banyak komponen yang kita buat. Kemudian Yang Berhormat sentuh tentang MATRADE. MATRADE ini apa yang kita buat, banyak yang telah saya sentuh, saya tidak mahu sentuh lagi ya. Kita juga akan melantik pegawai pemasaran untuk *services* semata-mata di pejabat kita. Kita ada lebih kurang 31 buah pejabat di seluruh dunia, kemudian dari segi Yang Berhormat kata kita ada sektor-sektor tertentu yang *specialize*, yang ini kita buat *specialized mission*. Mungkin kita tidak ada individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut, tetapi kita Malaysia, is Malaysia *Incorporated*, dengan izin jadi kita ada *Multimedia Development Corporation* dia akan *lead mission* yang kita buat.

Kemudian kita ada kesihatan, dia akan buat *specialize* dalam bentuk kesihatan. *Construction* kita ada CIDB, *they will lead*. Yang itu kita tidak perlu ada di MATRADE sendiri kerana kita begitu fleksibel *we are one government*, dengan izin jadi tiap-tiap agensi yang ada *specialization* ini akan *lead* sesuatu *specialized mission*. Dan saya berani menyatakan kepada Yang Berhormat *mission-mission* kita cukup berjaya dari segi *construction*, kita punya ramai orang terlibat dalam negara-negara yang kita hendak pergi. Dari segi SMIDEC insentif ini telah disentuh oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat termasuk dari Bukit Bintang.

Saya ingin nyatakan di sini daripada tahun 1996 sehingga Oktober 2005 dari segi geran dan pinjaman mudah yang telah dinikmati oleh EKS kita panggil *enterprise* kecil dan sederhana, adalah sebanyak 4173 *enterprise* melibatkan nilai sebanyak RM639.5 juta dan EKS kita telah berjaya untuk eksport 24% daripada eksport negara. Makna dari segi eksport negara kita lebih kurang RM800 bilion, kalau kita kata 24% lebih kurang dalam RM200 lebih bilion yang telah dieksport oleh EKS.

Saya menganggap bahawa EKS kita sudah sampai tahap kejayaan yang tinggi sebenarnya, tetapi mungkin kerana kita tidak nampak. Kadangkala kita pergi luar negara, kita pergi melawat - saya pun begitu juga, saya pergi luar negara saya melawat *factory* di luar negara dia kata, "Wah hebat", bila saya balik saya pergi *factory* kita pun tidak kurang hebat. Tetapi oleh kerana di luar negara kita baca dia punya *literature*, kita baca itu kita nampak segala-galanya tulis elok, di sini kita tidak baca kita tengok dari segi *visibility* kita, kita tidak nampak kehadiran SMI kita. Dan banyak program yang dibuat kita ada *industrial linkage programme*, di mana kita berjaya untuk meletakkan syarikat EKS kita sebagai pembekal kepada multi nasional dalam negara dan luar negara.

Kemudian Tangga Batu. Tangga Batu menyentuh mengenai dengan, kita dengan Jepun mengenai dengan JMEPA. Ini sedang dalam proses untuk dimuktamadkan dan kita bercadang untuk perjanjian tersebut ditandatangani pada bulan Disember semasa Asia Submit.

Untuk makluman Yang Berhormat kita tidak meninggalkan kepentingan kita bila kita bercakap tentang automotif penghapusan duti, ini melibatkan kenderaan yang tidak dijual yang cc nya besar dan itu pun mengambil masa. Kerana kita perlu terima hakikat walau bagaimana romantik dan sentimental kita bercakap akhirnya sektor automotif kita kena dibuka. Itu hakikat dia, itu sebab dalam *framework* dasar automotif negara baru dia kata, AP ini akhirnya akan dihapuskan, ini satu hakikat yang kita tidak boleh lari kita di bawah WTO dan sebagainya kita berdebat.

Pada satu hari tahun 2002 US dengan EU hendak bawa ke WTO, kata kita telah menyalahgunakan tetapi kita dapat lawan dengan mereka dan akhirnya kita kata, oleh kerana ini sosioekonomi, kita buat juga sistem AP ini. Akhirnya kita kena buka, makna kalau kita bagi 10 tahun ditandatangani pada tahun 2006 - 10 tahun maknanya 2016 kita rasa kita sudah patut, sudah bersedia. Kita selalu bercakap dalam konteks syarikat Korea, automotif syarikat Korea, kita kata dia 40 *years not 60 years* ya, dia mula tahun 60-an dan kerajaan memberi sokongan daripada tahun 70-an dalam lebih kurang 20, dan kalau daripada 1960-an dalam tempoh 20 tahun kemudian dia buka. Kita baca Kerajaan Malaysia membuat satu kajian, kita sendiri membuat kajian bagaimana syarikat Korea ini dapat maju.

- (i) *Government protection* sebagaimana kita bagi.
- (ii) *Entrepreneurship*. *Entrepreneurship* ini dia kata bila kerajaan sudah menarik balik perlindungan dalam tempoh 20 tahun dia sudah menjadi syarikat yang ke 10 terbesar di dunia *through entrepreneurship*. Makna kalau kita ambil 20 tahun, dia tahun 1985 dia sudah selesai dari perlindungan dan dia sudah boleh berdikari, dan kita ambil pula 20 tahun daripada tahun 1975 sampai 2005. Kalau kita guna model Korea, kita sudah boleh berdikari, tetapi oleh kerana kita tidak berdikari kerajaan masih lagi bagi perlindungan dan akan bagi perlindungan kerana ini merupakan satu sensitiviti kita, ini projek kita. Jadi kita lihat dari segi kita bagi sedikit *concession* .....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** [Bangun]

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** .....nanti, nanti sekejap Yang Berhormat biar saya sudahkan. Kita bagi *concession* sedikit kereta yang cc nya besar yang kita hendak buat kita bagi 10 tahun untuk dibuka. Itu pun kita ada eksais *duty* bukan *duty import* semata-mata eksais *duty* dia 150% sampai 210%, maknanya lebih mahal lagi. Di samping itu untuk menghadapi persaingan masa hadapan kita perlu tingkatan kapasiti kita. Kapasiti kita dalam pelbagai sudut teknologi kita (*mould and dye*) R&D banyak lagi. Yang ini kita perlu daripada siapa? Kadangkala kita bercakap seolah-olah di negara kita, kita ada tenaga pakar, kita boleh buat institut latihan untuk mengajar kita. Kita tidak ada orang, kita terpaksa bergantung daripada luar hendak bergantung pada siapa? Kalau tidak kita bergantung kepada tenaga yang telah kita selama ini mendapatkan teknologi, jadi kita lihat di sini kita bagi *concession* di sini pula, dia bagi *concession* kepada kita. Dan kita juga melihat dari segi sudut di mana kita dengan Jepun ini boleh sekali kita eksport produk-produk kita. Perkara-perkara ini kita lihat saya percaya apabila akhirnya Japan Malaysia *economic partnership agreement* ini dimuktamadkan dia akan memberi kelebihan juga kepada kita. Sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin hendak bertanya pada Yang Berhormat okay, kita kata Korea dia ada *protection and then after certain years government lead the protection and then* depa boleh berdiri atas kaki sendiri. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa kadang-kadang kita *give way* banyak sangat kepada pelabur-pelabur asing kereta-kereta model asing untuk masuk dalam pasaran kita. Tetapi model kita tidak diterima ataupun mungkin diletak begitu halangan yang kita juga tidak boleh memasarkan di dalam negara-negara tersebut. Ini tidak *fair* dari segi orang kata *trade balance* dan sebagainya, jadi kita kena lihat sekarang ini, kita tengok macam sekarang ini *protection* yang kita bagi *at the same time* kita melepaskan kereta kita yang dahulunya kita pertahankan, kita pertahankan yang kereta di bawah 2000 cc itu tidak boleh diimport. Kerana untuk menjaga dan mempertahankan industri automobil kita, tetapi hari ini kita buka habislah semua yang mana kereta keluaran tempatan yang cc nya 1000 ke 2000 ke bawah ke telah ada dalam pasaran kita dan bersaing. Dan harga mereka sudah tentulah murah kerana *production cost* mereka lebih rendah daripada kita kerana mereka mengeksport kepada seluruh dunia. Adakah pihak kementerian melihat supaya dari segi *fairness* keadilan. Okay kita tengok JV dengan Jepun.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat tidak payah berucap tanya sahajalah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kalau tidak dia *direct* tidak boleh Tuan Pengerusi, pasal apa hendak tanya ini, macam Yang Berhormat teranglah kalau dia bangkit saya kata 2% 3% 4% lepas itu dia gulung habis. Saya kena bagi Yang Berhormat, yalah mungkin saya tidak faham, jadi sebab itu saya hendak kena panjang cerita. Kita tengok Perodua. Berapa biji kereta Perodua yang telah dieksport ke Jepun walaupun kita usaha sama dengan Jepun, sedangkan dalam pasaran negara kita, kereta apa, MYVI, MYVI?

**Seorang Ahli:** MYVI?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** MYVI ini yang *demand is very good*, ambil deposit orang tetapi sekarang hendak tunggu sampai lapan bulan setahun baru boleh dapat kereta, kerana apa? Kerana dia bukan memasang MYVI kita, dia pasang Toyota, dia pasang itu, dia pasang ini. Jadi dia ada *interest* dia. Syarikat ini ada *interest* dia sendiri. Dia hanya memperalatkan kita. Jadi di sini kepentingan ini kita kena jaga. Kalau betul ada Perodua, dia buat di Malaysia, janganlah pasang kereta Toyota pula, janganlah pasang kereta lain pula.

**Seorang Ahli:** Tidak lama lagi orang cemus.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Haa, lama-lama orang tunggu, orang cemus, dia tidak ambillah kereta itu. Kita cerita, okey MYVI bagus, orang pun *booking* dan sebagainya. Akhir-akhirnya yang menjadi mangsa bukan pengilang. Yang menjadi mangsa *dealer*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat, ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Haa itu, Timbalan Menteri fahamkah itu?

**Seorang Ahli:** Tidak berapa faham.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Faham dah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ooh faham dah. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Fasal lama, nanti takut dia makin tidak faham Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Satu Yang Berhormat ya. Saya ingat biar kita kongsi maklumat secara fakta. Kita selalu membuat tanggapan yang Korea dan Jepun itu penentu. Saya ingin bertanya daripada maklumat mana kita perolehi ini. Ini kerana, saya banyak maklumat. Satu laporan ini diminta oleh kerajaan kita sendiri untuk meminta satu agensi untuk buat kajian. Yang ini Korea. Daripada tahun 1995 Korea telah membuka pintu.

Pada tahun 1997, 1998 di sinilah satu *turning point* kepada industri *automotive* dunia. Di Korea Hyundai seorang sahaja yang masih lagi dipegang oleh Korea,

syarikat Korea. Yang lain telah dipegang oleh syarikat luar, General Motor - Renault. Di Jepun pun begitu. Ini dia yang berlaku. Kita tengok dari segi Proton ini, biar kita bincang secara *fact* ya. Proton beli Lotus dan Lotus ini begitu *viable* sebelum tahun 1997 sebelum krisis ekonomi kerana ada syarikat yang tidak mempunyai R&D akan pakai Lotus. Apabila penggabungan semua syarikat kereta lebih kurang 30 kepada lima syarikat, dalam syarikat dia ada syarikat yang dalam kumpulan dia syarikat R&D, yang bagus dari segi *marketing*, dia kongsi itu. Dengan sebab itu, Lotus tidak ada *client*. Sekarang ini Proton cuba pula untuk bawa Lotus ke China untuk kereta China ini. Yang kita lihat realiti ini. Di statik ini, laporan ini, insentif untuk.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kepong bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Nanti sekejap Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Belum Yang Berhormat, dia belum bagi. Sila duduk Kepong.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Belum.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kepong, Jerai punya belum selesai. Duduk dahulu.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Apanya..... duduklah.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Malah satu. Dia bukan sekatan Yang Berhormat. Kita dalam WTO, kita ada *national treatment*. *National treatment* ini bermaksud kalau produk ini bawa masuk pada satu negara, selain daripada import duti, kita tidak boleh membuat halangan lain iaitu halangan kewangan dan bukan kewangan. Maknanya kalau kereta itu masuk, kalau standard di negara A mesti A, dia tidak boleh tetapkan standard untuk ini lebih tinggi, tidak boleh. Apabila hendak masuk ke Jepun, tidak ada negara kereta mana boleh bersaing kereta, kena standard tinggi. Kita bercakap hendak buat *hybrid engine* pada lima tahun akan datang 2010. Jepun telah mengeluarkan kereta *hybrid engine* lima tahun lalu. Bermakna kita 10 tahun ke belakang untuk menjawab Yang Berhormat tadi. Orang sudah keluar universal car dua tahun lalu. Kita belum bercakap lagi soal itu. Sebenarnya pasaran itu tidak dilindungi, tidak ditutup. Di sini statik, maklumat daripada ini.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi Kepong, boleh Yang Berhormat?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Kepong nanti, Kepong nanti.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ..... [Menyampuk]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya belum habis lagi Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** 1973 *full liberalization* di Jepun, *up to 100% foreign ownership*, dibenarkan. Di Korea pun begitu. Ini dia yang berlaku dalam dunia ini. Kita bukan cakap dari segi Proton tidak menyumbang. Proton telah menyumbang. Tetapi kebimbangan kita, *the future of Proton* dari segi satu syarikat kereta. Kalau dia tidak menghasilkan lebih 500,000 kereta dia tidak ada *economy of scale*. Pasaran kita baru 420,000 tidak cukup untuk memenuhi 500,000. Itu sebabnya kerajaan akan duduk macam mana kita hendak jadi Proton ini *viable* dan *viable* inilah.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat.....

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** ..... buat *restructuring* sekarang ini daripada pasaran *overseas*, daripada kita *scattered*. Kita mesti ingat dalam *economic term*, dia ada *economy scarcity of resources* ini, dia bagi banyak sangat tempat sampai 25 negara. Sekarang ini akan tumpu kepada lima *region*. Maknanya sedang *rationalize* dan *rationalize* ini kalau berlaku dengan adanya usaha-usaha untuk memperkukuhkan kapasiti dia, baru Proton boleh bersaing.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi mana Yang Berhormat?

**Seorang Ahli:** Kepong.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Nanti, nanti, saya tengah berbincang dengan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi Yang Berhormat. Yang lain duduk.

**Seorang Ahli:** Belum.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain duduk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dengan saya belum selesai, Kepong. Nanti *curfew* nanti. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kepong sila duduk Kepong, ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Okey Yang Berhormat? [Ketawa] Dahulu kita tidak pernah tengok. Masa dahulu *at one time*, Proton ini kalau ada 10 kereta atas jalan, lapan Proton. Okey, tetapi kita yang bagi AP. Kita yang bagi AP untuk melepaskan kereta-kereta lain masuk. Kalau kita hendak jaga Proton ini jagalah betul-betul sampai dia boleh *stand*. Kita tidak boleh beza dengan Korea dengan apa, dia orang sudah lama dalam industri motor, kereta ini. Kita baru, kita paksa belajar, ambil dari luar dan sebagainya. Okey, kalau Yang Berhormat cakap macam itu, Perodua, JB dengan Jepun, pasai apa kereta Perodua tidak boleh dipasarkan di Jepun. Pasai apa dia tidak pasarkan kereta itu di Jepun sedangkan dia juga .....

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Yang Berhormat, saya faham Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Faham dah.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Bila syarikat *principle* dia lantik satu *assembler*, dia ada syarat-syarat dia tidak boleh jual di negara dia sendiri, itu sahaja. Jadi Perodua telah ini - dan dia boleh jual di negara lain. Itu sebabnya dalam perbincangan kita, dia akan jual di negara lain tetapi bukan atas platform Perodua semata-mata kerana Perodua tidak ada nama dalam dunia. Dia terpaksa atas platform Toyoto, atas platform Daihatsu. Saya ingin beritahu dari segi Perodua, Avanza dibuat di situ, dipasang siap di situ. Kalaulah kata, biar kita tengok secara realiti Yang Berhormat, ya. Toyota ada 80 model Yang Berhormat, yang terbaru. Bolehkah Mercedes tidak boleh jual sana, tidak mampu hendak *compete*, mana-mana kereta tidak mampu *compete*. Mengapa kita pula hendak *compete* ke situ? Dari segi standard.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Nanti Yang Berhormat. Dari segi standard kita, dunia ini ada EU standard. Kita ini EU standard pun tidak ada lagi. Belum lagi jadi senatoris. Maknanya kalau kita hendak jual ke negara lain, kita perlu *acquire standard* dia. Kalau hendak capai standard dia Yang Berhormat, begitu tinggi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, dahulu kita ada hantar kereta kita ke UK. Proton hendak masuk UK, sudah pergi *all over the world*. *Not all over* lah, *part of the world*. Tetapi kalau sudah Yang Berhormat kata tadi Perodua, lesen pula sudah tidak boleh, bermaknanya Perodua *is not a local made car*.

Kita tidak boleh iktiraf dia sebagai kereta local. Maknanya kereta ini bila dibawa daripada Jepun, dipasang, guna nama Perodua kerana kita tidak boleh jual. Proton *also* bukan ada nama di dunia tetapi kita *go into the market*. Begitu juga Perodua. Apa salahnya kita pasarkan Perodua?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Memang hendak pasar. Perodua memang hendak pasar. Yang Berhormat tanya saya tadi, mengapa tidak pasar di Jepun kerana prinsipnya dengan dia, ada tandatangan. Kita tidak boleh jual. Tetapi tempat lain dia akan jua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tetapi kita telah berbincang dengan Perodua.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Lau Yeng Peng:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua lagi yang bangun.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:**..... dia sudah mula jual dan dia akan jual kereta tersebut di pasaran lain. Dia akan jual dan kemudian, saya cakap balik dari segi *big five* tadi Yang Berhormat ya. Kita tengok *difference*. Biar kita kritikal sedikit ya. Bila Perodua melakukan R&D atas diri dia sendiri, berapa dia *spend* satu ini, hendak buat *prototype*, berapa dia belanja? RM500,000,000 sama RM1 bilion. Syarikat lain, bawah GM satu *group*. Di bawah Toyota satu *group*. Di bawah GM, Ford, Renault di bawah satu *group*. Dia tidak pakai banyak, RM200 juta ke RM300 juta kerana dia kongsi kekuatan yang ada dalam *group* lain ini dikongsi hasil satu kereta. Malah, kereta sekarang ini sudah tidak ada *national origin*. Mana ada kereta yang kata kereta UK. UK sudah 25 tahun lalu tidak ada kereta.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Bermaknanya, kereta ini sekarang telah dicampuradukkan. Kalau kita lihat, kita pergi ke Toyota, kita pergi kepada *Fuji Entitle Industries*, satu-satu platform itu boleh mengeluarkan lima kereta kerana mereka menggunakan komponen yang sama untuk menghasilkan satu kereta.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Lima kereta ini dia gunakan komponen yang sama. Jadi ini dia *rationalize industry* yang berlaku yang kita mesti tengok. Kalau tidak, kita akan ketinggalan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Okey Yang Berhormat, saya setuju.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bermakna kalau kita tengok, bermakna satu hari.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jerai, orang lain pun hendak cakap juga. [Ketawa]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak.

**Seorang Ahli:** Nanti bagi, bagi dululah. [Ketawa]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** [Bercakap dalam bahasa Mandarin] Jadi Dato', bermakna satu hari Perdana ataupun Proton tidak akan lagi menjadi kereta nasional Malaysia kerana dia akan menggunakan komponen-komponen yang dipakat bersama.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ..... untuk *compete* dalam pasaran. Adakah itu maksud Yang Berhormat supaya kita perelaskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri, panjang lagikah jawapan?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya belum jawab lain-lain lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Belum jawab, ya. Tidak apalah. Sambung minggu depanlah.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Minggu depan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat jawab hari Isninlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ucapkan selamat pulang ke kawasan. Banyak jamuan Hari Raya hendak hadir. Jaga-jaga makanlah Yang Berhormat. Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga hari Isnin, 21 November 2005. Dewan ditangguhkan.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***